

Jilid 1
Bil. 48



Hari Khamis
12hb Mac, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7261]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) [Ruangan 7387]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Masalah Luar Bandar dan Sistem Pembangunannya—Tuan S. S. Subramaniam
[Ruangan 7448]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K.
(Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P. P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMED SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Dato' Mohamed bin
Rahmat.

*(Soalan No. 1 Y.B. Dato' Mohamed
bin Rahmat tidak hadir)*

SEWA TELEFON DI
LUAR BANDAR

2. Tuan Mohammed Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan luar bandar terpaksa membayar harga sewa telekom yang tinggi, ada yang mencapai angka lebih daripada \$40.00 (Ringgit empat puluh) sebulan sedangkan pendapatan mereka amat terhad, ini disebabkan kedudukan jauh dari Ibusawat Telekom. Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan beban pengguna-pengguna telefon di luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sebahagian penduduk luar bandar terpaksa membayar sewa

telefon melebihi \$40 sebulan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sewa yang dikenakan bagi pembekalan sesuatu perkhidmatan telefon adalah bergantung kepada muatan ibusawat daripada mana perkhidmatan itu dibekalkan dan jarak-jarak berkenaan itu daripada rumah pengguna yang berkenaan. Pengguna yang mendapat perkhidmatan daripada ibusawat yang besar muatannya akan dikenakan bayaran sewa yang lebih tinggi daripada pengguna yang mendapat perkhidmatan daripada ibusawat muatannya yang kecil. Demikian juga penduduk yang duduk jauh daripada ibusawat akan dikenakan bayaran sewa yang lebih tinggi daripada pengguna yang duduk berhampiran dengan sesuatu ibusawat telefon kerana struktur tarif sewa telefon di negara kita adalah bergantung kepada kos yang ditanggung bagi menyediakan rangkaian perkhidmatan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar telefon sewa dalam lingkungan jaraknya 4 kilometer dari ibusawat bagi setiap bulan adalah seperti berikut:

Bagi ibusawat muatan talian yang melebihi 10,000—kadar sewa bagi perniagaan atau pejabat ialah \$35 sebulan dan kadar sewa bagi kediaman ialah \$20 sebulan;

Bagi ibusawat muatannya 500 talian dan ke bawah, kadar sewa bagi perniagaan atau pejabat hanya \$20 sebulan dan sewa bagi kediaman hanya \$10 sahaja sebulan;

Bagi ibusawat muatan taliannya daripada 501 sampai kepada 10,000 talian, kadar sewa bagi perniagaan dan pejabat-pejabat ialah \$30 sebulan dan kadar sewa bagi kediaman ialah \$17 sebulan;

Bagi setiap tambahan jarak .5 kilometer atau sebahagian daripadanya di luar lingkungan 4 kilometer yang saya sebutkan tadi, sewa tambahan sebanyak \$2 sebulan akan dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Kementerian saya dan Syarikat Telekom Malaysia (STM) sentiasa mengkaji cara-cara bagaimana perbelanjaan membekalkan perkhidmatan telefon kepada pengguna-pengguna luar bandar dapat diturunkan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, didapati jikalau mengikut struktur tarif yang ada hari ini, manakala perkhidmatan telefon tidak dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar, khususnya penduduk-penduduk yang terpencil, maka adakah ini akan bercanggah dengan polisi-polisi Kerajaan di mana pembangunan luar bandar patut diutamakan. Jikalau benar, apakah langkah-langkah ataupun langkah-langkah yang tergepar untuk menukarkan struktur tarif itu di mana penduduk-penduduk di luar bandar dan jauh daripada ibusawat itu dapat menikmati perkhidmatan telefon itu lebih mudah dan lebih berfaedah.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan sekarang ialah bukannya penduduk-penduduk luar bandar dapat atau tidak dapat perkhidmatan telefon. Memang mereka dapat perkhidmatan telefon, tetapi kerana jauh jaraknya daripada ibusawat, jadi mereka dikenakan sewa yang lebih tinggi daripada jarak yang dekat itu.

Satu cara untuk mengurangkan sewa itu ialah bagi mendirikan ibusawat yang hampir dengan kampung-kampung supaya penduduk-penduduk di kampung dapat mengurangkan kadar sewa itu. Tetapi dalam keadaan ekonomi negara kita ini, rancangan itu akan dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat sahaja.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, tadi telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Di sini saya ingin bertanya, tidak adakah pihak Telekom Malaysia ataupun Sistem Telekom ini untuk mengubahsuai sistem pungutan bayaran pengguna-pengguna sekarang ini yang saya rasa orang-orang kampung sendiri termasuk saya juga tidak mengerti, kadangkala telah bayar, masih ada tonggakan, tiap-tiap bulan ada tonggakan. Pada satu masa tahun dahulu saya membuat persoalan kepada Jabatan Telekom pada masa itu, akhirnya tiga bulan saya dapat percuma, kononnya yang dibayar itu sudah berlebihan. Oleh itu, kalau ini tidak dibetulkan kemungkinan orang yang tidak mahu bersusah payah ini akan membayar duit yang tidak tentu. Oleh itu, saya mengharapkan supaya dapat sistem untuk bayaran ini, pengguna-pengguna dapat diubah daripada yang ada pada hari ini kepada yang lebih baik kepada penduduk-penduduk luar bandar dan dalam bandar.

Tuan Ong Tin Kim: Saya hendak ucapkan terima kasih kepada pemikiran atau cadangan Yang Berhormat tadi itu, tetapi sememangnya Kementerian saya dan STM sentiasa akan mengkaji cara membayar atau kadar-kadar sewa dan kadar-kadar perkhidmatan. Tetapi buat sementara ini kita tidak dapat mengubah kerana kadar sewa atau kadar tarif perkhidmatan telefon telah

dikaji semula pada bulan Julai tahun 1985. Kita akan mengkaji semula masa kemudian.

INDUSTRI KAMPUNG— PERTUMBUHAN

3. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa rancangan Kementerian menggalakkan pertumbuhan industri kampung tanpa menyediakan saluran pemasarannya adalah merupakan salah satu sebab kenapa sambutan dari orang ramai tidak begitu menggalakkan seperti yang dijangka jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan dibuat untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa syarat-syarat untuk mendapatkan bantuan dari Kementerian masih agak sukar dapat dipenuhi oleh pemohon-pemohon. Dan masih terdapat kelewatan dalam memproses permohonan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat, sukalah saya jelaskan perkara-perkara yang dibangkit itu seperti berikut:

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah pun menyediakan saluran pemasaran bagi memasarkan barang-barang keluaran industri kampung melalui pengujudan syarikat pemasaran Karyanika Sdn. Bhd. Pada masa sekarang sambutan orang ramai dalam industri kampung adalah

menggalakkan, terutamanya bagi mereka yang benar-benar terlibat dengannya. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa peka dan berusaha mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah dengan sedaya upayanya. Setiap pihak yang terlibat baik Kerajaan Negeri mahupun orang ramai adalah sentiasa dipinta memberi kerjasama untuk menjayakan pertumbuhan industri kampung. Di samping itu, juga agensi-agensi pelaksana di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah sentiasa memberi penerangan melalui ceramah-ceramah di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah:

- (b) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah menyedari bahawa syarat-syarat yang dikemukakan adalah munasabah dan wajar bagi dipenuhi oleh pemohon-pemohon yang ingin mendapat bantuan. Kelewatan memproses permohonan sedang diatasi. Setiap permohonan pula harus dikaji siasat akan daya majunya bagi memastikan supaya setiap permohonan dapat ditimbang dengan teliti dan saksama. Adalah menjadi harapan Kementerian supaya setiap projek yang diluluskan beroleh kejayaan dan mendapat manfaat bagi pengusahanya.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudahkah pihak Kementerian mengenalpastikan apakah jenis perindustrian yang sesuai untuk kampung dan apakah incentive, dengan izin, yang diberi kepada pengusaha-pengusaha yang ingin mengadakan industri mereka di

kawasan kampung? Dan akhirnya, apakah infrastruktur-infrastruktur yang telah dibekalkan dari pihak Kementerian?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986, sebanyak 530 buah projek melibatkan 2,615 orang pekerja telah pun diluluskan. Dan peruntukan yang terlibat adalah sebanyak \$7.892 juta. Pada tahun ini sehingga akhir bulan Februari, 115 buah projek lagi telah pun diluluskan dan peruntukan yang terlibat adalah sebanyak \$2.647 juta bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil yang berada di kampung-kampung, Kementerian memberikan peruntukan bantuan sama ada mesin ataupun bengkel berjumlah lebih kurang \$10,000 pada setiap individu. Seandainya projek ini adalah projek yang lebih besar maka individu-individu tadi bolehlah kongsi dua, tiga ataupun empat orang. Dan kalau projek memerlukan \$50,000, maka bolehlah dikongsi 5 orang pengusaha. Seandainya projek ini memerlukan satu peruntukan modal yang lebih besar, maka pengusaha-pengusaha bolehlah menubuhkan koperasi industri kampung di kampung yang berkenaan bagi melaksanakan projek yang lebih besar.

Daripada segi infrastruktur misalnya, tapak kilang dan sebagainya tidak disediakan oleh kerana projek ini digalakkan didirikan di kawasan rumah ataupun di kawasan luar bandar. Jadi, masalah tapak tidak timbul. Cuma kita mengharapkan supaya pengusaha ada kemahiran, pengusaha ada kepakaran dan pengusaha juga ada pasaran. Dan kita akan membekalkan alat-alat dan juga bengkel untuk pengusaha yang tersebut.

WARGANEGARA MALAYSIA YANG DILUCUTKAN

4. Dato' Kamaruzaman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap sebilangan besar warganegara Malaysia yang telah dilucutkan atau menolak kewarganegaraan setelah mereka berada di luar negeri yang kini berusaha untuk kembali semula ke negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, setiap orang yang telah dilucutkan atau menolak taraf warganegaranya adalah kehilangan segala hak dan keistimewaan sebagai rakyat negara ini. Jika dia ingin memasuki Malaysia, dia akan dilayan sebagai orang asing, iaitu dia perlu memiliki dokumen perjalanan yang sah dan dikenakan syarat-syarat yang dikenakan kepada seorang pelawat ke negara ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada sebahagian besar orang-orang warganegara kita telah memindah kepada lain-lain negara dengan satu konsep, dengan izin, "the grass is greener on the other side", tetapi baru-baru ini mereka telah sedar rumput itu pun serupa warna dengan negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji dengan sepenuh-penuhnya sebagaimana kita boleh menolong sebahagian besar penduduk-penduduk tersebut ataupun bekas warganegara kita?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak-pihak yang berkenaan membuat rayuan dan juga permohonan rasmi, kita akan mengkaji perkara ini sepertimana juga kita mengkaji orang-orang asing yang datang duduk di negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sampai sekarang

beberapa orang bekas warganegara sama ada dilucut atau menolak status ini sudah memohon untuk kembali ataupun untuk menjadi semula warganegara. Dan keduanya, oleh kerana pendirian Kerajaan tadi nampaknya ialah atas sebab-sebab ketaatsetiaan, apa sikap Kerajaan mengenai kedudukan seorang Timbalan Menteri MCA yang ada permanent resident status di Kanada? *(Tepuk)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1958-1987 lebih kurang 18,456 warganegara yang telah dilucutkan. Daripada angka ini oleh kerana permohonan mungkin ada atau mungkin tidak ada, tidak disenaraikan sepertimana yang dikehendaki, maka saya memohon notis atas soalan yang telah diberi oleh Wakil dari Tanjong tadi. Yang kedua, masalah yang didakwa oleh Yang Berhormat Wakil dari Tanjong itu, kalau sekiranya Yang Berhormat boleh memberikan nama dan butir-butir lanjut, bolehlah kita menyasat dan memberitahu.

GAJAH LIAR—OPERASI PEMINDAHAN

5. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah operasi memindahkan gajah-gajah liar di Daerah Maran akan dimulakan. Sedangkan gajah-gajah sebanyak 30 ekor sedang bermaharajalela memusnahkan tanaman-tanaman terutamanya di kampung-kampung lama di seluruh Daerah Maran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bercadang untuk

menjalankan operasi pemindahan gajah-gajah liar di Daerah Maran, Pahang pada awal bulan Jun ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan gajah-gajah di Semenanjung Malaysia telah ditimbulkan beberapa kali. Maka perkara ini sehingga hari ini tidak dapat diselesaikan, langkah-langkah pun telah diambil oleh Kerajaan tetapi perkara ini masih timbul lagi. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberi satu jaminan di Dewan ini sama ada perkara ini dapat diselesaikan dengan langkungnya sehabis-habisnya sehingga perkara ini tidak ditimbulkan lagi oleh kerana petani-petani selalu menghadapi kekacauan daripada gajah-gajah tersebut termasuk kawasan-kawasan di seluruh kawasan Negeri Perak?

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar masalah gajah-gajah liar itu akan mengancam kebun-kebun atau pertanian atau perkampungan dan Kerajaan memang telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Langkah-langkah itu ialah tembak menghalau, parit atau longkang atau pemindahan gajah seperti yang sedang dijalankan iaitu difikirkan satu langkah yang sangat berkesan dan akhirnya tembak mati.

Oleh kerana itu operasi pemindahan gajah adalah satu operasi yang melibatkan perbelanjaan yang besar yang memerlukan kakitangan yang mahir serta juga jangka masa yang secukupnya untuk mengatasi masalah gajah liar ini. Walau bagaimanapun saya harap dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi pertanian atau tuan-tuan punya ladang, kami di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan sedaya upaya akan berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberi oleh pihak Kerajaan tadi, nampaknya segala langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan oleh gajah-gajah tidak begitu berkesan. Jadi adakah Kerajaan sedar bahawa ada satu langkah yang begitu berkesan telah digunakan di Negeri Indonesia di mana pihak Kerajaan menggunakan rock music (*Ketawa*) untuk menghalau gajah-gajah?

Jadi, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian berkenaan menimbang cadangan ini dan berunding dengan Kerajaan Indonesia bagaimana kita boleh menggunakan rock music untuk menghalau dan mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh gajah itu?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rock music telah diharamkan oleh Kerajaan, ianya menjadi masalah dan kalau ini dibenarkan oleh Kementerian berkenaan, kami boleh timbangkannya.

UDA—PENYEWAAN RUANG NIAGA

6. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah amalan dan tindakan pihak UDA (Urban Development Authority) dalam pembahagian, penyewaan penjualan ruang-ruang niaga di kompleks-kompleks UDA seperti di Pertama Kompleks, Bukit Bintang Plaza, Sungai Wang Plaza dan sebagainya kepada Bumiputera menepati hasrat dan falsafah Dasar Ekonomi Baru memandangkan terlalu kecil bilangan peniaga-peniaga Bumiputera diberi ruang dan tempat di kompleks-kompleks UDA. Adakah pihak

Kementerian yakin amalan dan tindakannya itu betul dan berkesan dalam usaha membantu Bumiputera.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kompleks Pertama dan Plaza Sungai Wang bukanlah kompleks-kompleks kepunyaan UDA. UDA hanya memiliki sebahagian sahaja daripada ruang-ruang niaga yang terdapat di kompleks-kompleks tersebut.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pada 31 Disember 1986, kedudukan pembahagian dan penyewaan ruang-ruang niaga kepunyaan UDA adalah seperti berikut:

- (a) Di kompleks-kompleks kepunyaan UDA, dari jumlah 493 unit ruang-ruang niaga yang diberi sewa, 280 unit atau 57% disewa oleh peniaga-peniaga bumiputera berbanding dengan 189 unit atau 38% yang disewa oleh bukan bumiputera dan 24 unit atau 5% yang disewa oleh penyewa-penyewa lain seperti agensi Kerajaan dan sebagainya.
- (b) Bagi ruang niaga yang dibeli oleh UDA di kompleks-kompleks swasta, 827 unit atau 68% daripada jumlah ruang niaga tersebut telah disewakan kepada peniaga-peniaga bumiputera berbanding dengan 301 unit atau 25% yang disewa oleh bukan bumiputera dan 89 unit atau 7% yang disewa oleh agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan swasta.

Ingin juga saya nyatakan di sini bahawa UDA sentiasa mengamalkan dasar yang mudah untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera yang

menyewa ruang-ruang niaganya. Misalnya walaupun pada dasarnya UDA mengenakan kadar sewa pasaran, terdapat banyak kes-kes tertentu di mana setengah-setengah tempat UDA memberikan penyewa-penyewa UDA mengenakan diskaun yang tertentu dan di setengah-setengah tempat UDA tidak menaikkan kadar sewa bagi tempoh dua hingga tiga tahun.

Selain dari itu, UDA juga telah memberikan beberapa kemudahan kepada penyewa-penyewa bumiputera ini seperti memberi peluang pilihan pertama lokasi lot-lot dalam kompleks-kompleks UDA; cagaran yang dikenakan hanyalah sebulan sewa sahaja; pengecualian pembayaran sewa dalam masa mengubahsuai lot-lot perniagaan tersebut juga diberikan; membayar kadar sewa yang biasanya kurang daripada kadar swasta; kadar bayaran perkhidmatan yang kurang daripada kos sebenar dan mengambil tindakan undang-undang hanya selepas penyewa-penyewa tercicir pembayarannya selama tiga bulan berturut-turut, itu pun setelah tindakan susulan dibuat bulan demi bulan untuk mengetahui kedudukan penyewa-penyewa berkenaan.

Diskaun sewaan yang telah diberikan oleh UDA kepada penyewa-penyewa bumiputera seperti saya sebutkan tadi adalah merupai subsidi. Bagi tempoh 1972 hingga 1984, jumlah nilai subsidi yang telah diberikan oleh UDA kepada keseluruhan peniaga-peniaga bumiputera yang menyewa ruang-ruang niaga dan rumah-rumah kedainya ialah \$64,810,654.

Dari penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan tadi, nyatalah bahawa bumiputera telah menyewa sebahagian besar ruang-ruang niaga serta mendapat lain-lain kemudahan UDA dan jelaslah bahawa amalan dan

tindakan UDA ini adalah menepati hasrat dan falsafah Dasar Ekonomi Baru. Kementerian saya berasa yakin bahawa amalan dan tindakan UDA ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Dalam pelaksanaan Dasar Kerajaan ini berapa peratuskah ruang-ruang kompleks-kompleks ini yang kosong yang tidak dapat disewakan dan pelaksanaan dasarnya adakah menjejaskan kemampuan UDA untuk membayar balik hutang-hutang kepada institusi kewangan termasuk \$220 juta yang dipinjamkan daripada 19 buah institusi tempatan pada pertengahan tahun yang lepas?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kompleks-kompleks yang dibina oleh UDA sendiri hanya setakat ini 84 unit sahaja yang masih kosong, mengenai rumah-rumah kedai hanya 7 sahaja. Mengenai lot yang disewakan dibeli daripada swasta, ada 448 unit yang masih belum lagi mendapat sewaan. Mengenai kemampuan UDA itu saya percaya UDA berkemampuan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sungguhpun angka-angka telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita berasa megah dari segi pemberian peruntukan kepada bumiputera lebih, ada yang 57% dan 68%. Adakah pihak UDA setelah diberikan peruntukan-peruntukan bumiputera ini diselidik balik sama ada benar atau tidak mereka benar-benar berniaga di ruang-ruang yang telah diberi, kerana apa yang saya lihat kebanyakan ruang-ruang niaga tidak ada nampaknya bumiputera yang berniaga, hanya bukan bumiputera. Di mana salahnya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan perkara menyalahgunakan sewaan kepada bumiputera ini mungkin wujud, tetapi kemungkinan Ahli Yang Berhormat pergi ke satu tempat yang mana kebetulan pula tempat itu memang banyak bukan bumiputera. Saya harap Ahli Yang Berhormat juga berjalan di tempat-tempat yang lain.

INTEGRASI RAKYAT SEMENANJUNG MALAYSIA/ SABAH/SARAWAK

7. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan integrasi antara rakyat Semenanjung Malaysia dan rakyat Sabah dan Sarawak tidak dapat dibaiki dengan adanya perkhidmatan MAS dan Perkhidmatan Feri Malaysia dan lain-lain perkara seperti pertukaran jam Semenanjung ke jam Malaysia Timur dan sebagainya, bolehkah Kerajaan melancarkan satu skim baru di bawah mana perkahwinan antara pihak Semenanjung dan pihak Sabah dan Sarawak boleh digalakkan dengan keadaan beberapa insentif seperti Elaun Perkahwinan, Cukai Hasil, Pemberian Tanah dan Rumah dan lain-lain insentif seperti ini kepada sesiapa yang bersetuju berkahwin di bawah skim ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat dari Hulu Selangor yang mengatakan integrasi antara rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak tidak dapat dibaiki dengan adanya perkhidmatan MAS dan Feri Malaysia dan lain-lain perkara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rancangan-rancangan yang disusun oleh Jabatan Perpaduan

Negara dan juga Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti Kementerian Penerangan dan Kementerian Pelajaran telah dapat memupuk integrasi nasional.

Cadangan Yang Berhormat supaya menggalakkan perkahwinan di antara rakyat dari Sabah dan Sarawak dengan rakyat dari Semenanjung adalah satu cadangan yang baik bagi memenuhi hasrat memupuk integrasi. Kerajaan memang tidak ada apa-apa ketegahan bahkan usaha begini di samping memenuhi tujuan mewujudkan integrasi yang sangat rapat juga memenuhi dasar kependudukan 70 juta.

Cadangan Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya mereka yang berkahwin demi mewujudkan integrasi ini diberikan insentif tertentu seperti elaun perkahwinan, pemberian tanah dan rumah sukar hendak diterima. Saya takut kalau-kalau setelah mendapat insentif kebendaan ini kecintaan pun luntur dan kekeluargaan pun pecah maka hancurlah integrasi.

Sebenarnya dalam perkahwinan ada insentif yang tidak ada nilainya iaitu kasih sayang dan inilah kunci perpaduan rapat dan integrasi nasional.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa integrasi nasional khasnya antara rakyat iaitu penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak dengan penduduk-penduduk Semenanjung, satu kegagalan yang besar khasnya apabila integrasi Barisan Nasional di Sarawak pun tidak boleh dipupuk (*Tepuk*) dilihat dari krisis Sarawak sekarang, dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa antara sebab utama yang mengakibatkan kegagalan integrasi nasional di antara penduduk-penduduk dua bahagian negara kita ialah bahawa perasaan

rakyat Sabah dan Sarawak bahawa ada penyelewengan daripada persetujuan 20 perkara, dengan izin, 20 points agreement yang menjadi asas di mana Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia. Dan untuk mengatasi masalah ini adakah Kerajaan berhasrat mengadakan satu Suruhanjaya di mana perkara ini boleh sedalam-dalamnya untuk disiasat supaya fikiran dan syak wasangka khasnya penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak boleh ditimbang dan diatasi.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan krisis yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan sebab-sebab utama, saya rasa kalau ada pun ups and downs, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku di sepanjang zaman kehidupan manusia ini dan berlaku juga di dalam parti Yang Berhormat dari Tanjong itu.

Tentang perasaan kurang senang bagi setengah-setengah pihak khususnya berkenaan dengan 20 points itu telah pun diterangkan dalam Dewan ini dan syak wasangka yang disebutkan itu, mungkin ini hanya ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak dengan tujuan-tujuan yang tertentu.

RUMAH KEDIAMAN YANG BELUM DIJUAL

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berkaitan dengan kenyataannya bahawa terdapat rumah-rumah bernilai sebanyak \$10 billion masih belum dijual. Sila perihalkan jenis dan bilangan rumah yang terlibat serta nyatakan sebab-sebab berlakunya "housing glut" pada masa sekarang di mana rumah kos rendah adalah sangat diperlukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak semua harta bangunan bernilai \$10,000 juta yang belum dijual itu terdiri dari rumah kediaman. Adalah dianggarkan bahawa rumah kediaman merupakan kurang dari 40% dari harta bangunan yang dimaksudkan itu.

Dari 293 projek sektor swasta yang ditinjau di kalangan 163 pemaju, pecahan rumah kediaman yang belum dijual pada bulan Oktober, 1986 adalah seperti berikut:

(a) Rumah Kos Rendah	2,928 unit
(b) Rumah Kos Sederhana Rendah	2,719 unit
(c) Rumah Kos Sederhana	4,301 unit
(d) Rumah Kos Tinggi	4,002 unit
JUMLAH ..	<u>13,950 unit</u>

Nilai rumah-rumah sebanyak 13,950 unit ini adalah dianggarkan sebanyak \$1,205 juta. Angka-angka ini merupakan maklumat yang tidak meliputi rumah-rumah yang belum dijual kepunyaan agensi-agensi awam dan pemaju-pemaju swasta selain dari 163 pemaju yang dinyatakan tadi.

Dari angka-angka ini didapati bahawa masalah rumah kediaman yang belum dijual adalah lebih "serius" bagi rumah kos sederhana dan rumah kos tinggi daripada rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Wujudnya rumah-rumah kediaman yang belum dijual mungkin kerana sebab-sebab berikut:

- (i) kekurangan permintaan rumah kediaman terutama rumah kos sederhana dan rumah kos tinggi oleh sebab kelembapan ekonomi;
- (ii) rumah-rumah berkenaan terletak di kawasan-kawasan di mana permintaan untuk rumah adalah kurang;

- (iii) perancangan pembangunan perumahan oleh pemaju yang tidak tepat;
- (iv) keengganan bakal-bakal pembeli membuat komitmen untuk membeli rumah dengan harapan harga rumah akan turun lagi; dan
- (v) harga rumah yang tinggi sehingga menyebabkan ramai bakal-bakal pembeli tidak mampu membeli dan susah memperolehi pinjaman dari institusi kewangan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat baru sahaja memberitahu bahawa salah satu sebab mengapa sebahagian besar rumah-rumah yang didirikan susah hendak dijual kerana kata beliau susah bagi pihak pembeli untuk mendapat pinjaman daripada bank. Jadi, perkara ini seperti mana kita tahu telah dibincangkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi jaminan di dalam Dewan yang mulia ini agar dapat mengarahkan pihak-pihak bank supaya memberi syarat-syarat yang agak longgar sedikit untuk menyenangkan bakal-bakal pembeli untuk membeli rumah-rumah yang telah disediakan itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, adalah luar daripada kemampuan saya untuk mengarah bank-bank untuk memudahkan pinjaman membeli rumah.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kerajaan ada rancangan untuk menggalakkan pemaju-pemaju untuk menurunkan harga rumah sederhana sampai satu tahap yang hampir sama dengan harga rumah kos rendah supaya ini boleh

beri peluang kepada orang yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah itu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya selalu merayu kepada pemaju-pemaju supaya menurunkan harga rumah supaya lebih ramai orang membelinya. Tetapi ini terpulanglah kepada pemaju untuk mengambil tindakan yang selanjutnya.

LAWATAN DUTA BESAR FILIPINA KE SABAH—TUJUAN

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tujuan/niat sebenar Duta Filipina Pablo Suarez melawat Sabah pada bulan Januari, 1987. Apakah usul perbincangan yang dibuat oleh beliau dengan Kerajaan Malaysia selepas lawatannya ke Sabah, sama ada melibatkan pelarian Filipina/pendatang haram soal tuntutan Sabah oleh Filipina.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Duta Besar Filipina ke Sabah baru-baru ini merupakan lawatan tinjauan sahaja atau familiarisation tour, dengan izin, dan sejajar dengan tugas beliau sebagai Duta Besar Filipina ke Malaysia, lawatan-lawatan sebegini merupakan amalan kebiasaan yang dilakukan oleh Ketua-ketua Perwakilan Asing. Juga bukanlah menjadi amalan kebiasaannya untuk Kepala Perwakilan Asing membincangkan dengan Kerajaan tuan rumah hasil lawatan tinjauan mereka.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa Duta Filipina itu tidak membincangkan isu-isu yang penting dalam perhubungan antara Malaysia dengan Filipina, apakah

usaha-usaha Kementerian Luar Negeri untuk mencari penyelesaian atas tuntutan Filipina terhadap Sabah?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, rundingan sedang pun dijalankan di antara Malaysia dengan Kerajaan Filipina mengenai soal itu.

ALAT AMARAN HAD LAJU

10. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada penguatkuasaan penggunaan alat lampu isyarat had laju akan dipanjangkan ke negeri-negeri lain di Malaysia; kalau ada bila dan kalau tidak, mengapa.

8. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa yang telah terjadi kepada alat amaran kelajuan yang mana pelaksanaannya telah ditangguhkan sementara menunggu penyiasatan. Apakah hasil penyiasatan tersebut dan bilakah alat amaran kelajuan akan dilaksanakan lagi kerana berjuta-juta ringgit telah dibelanja oleh pelabur-pelabur dan pemilik jentera berat untuk memasang alat tersebut. Apakah kesemua ini merupakan pembaziran wang.

48. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat manakah tindakan-tindakan yang telah diambil kepada mereka yang gagal memasang loceng had laju dan apakah langkah-langkah yang telah sedang dan akan diambil kerana kita masih dapat melihat lori-lori masih melebihi had laju walaupun ianya mempunyai tanda amaran had laju.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat beberapa pertanyaan mulut yang agak sama

mengenai alat amaran had laju, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan hari ini, iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan pada 13-3-1987 dan Yang Berhormat Tuan Hu Sepang pada 13-3-1987 juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan belum bercadang untuk meluaskan penggunaan alat amaran had laju di Sabah dan Sarawak. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penggunaan alat-alat tersebut masih ditangguhkan lagi sehingga Kementerian Pengangkutan selesai membuat ulangkaji had laju bagi kenderaan-kenderaan berat.

Penguatkuasaan undang-undang mengenai alat amaran had laju telah ditangguhkan buat sementara waktu apabila didapati banyak unit-unit yang mengalami kerosakan. Satu Jawatankuasa Kerja Khas yang terdiri daripada perwakilan dari pihak swasta dan Kerajaan telah ditubuhkan untuk mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Hasil dari kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kerosakan adalah berpunca daripada:

- (i) perbuatan tidak bertanggungjawab daripada pemandu-pemandu (tampering) ke atas alat amaran had laju;
- (ii) pemasangan yang tidak sempurna oleh bengkel-bengkel oleh kerana dibuat secara tergesa-gesa kerana kebanyakan kenderaan dihantar ke bengkel-bengkel di saat-saat akhir; dan
- (iii) mutu unit-unit yang dijual di pasaran adalah diragui, walaupun unit-unit yang dihantar untuk ujian ke Institut

Piawaiian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan pihak berkuasa saingannya di negara-negara lain adalah dari unit-unit bermutu tinggi.

Kementerian Pengangkutan serta Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan Persatuan Pembekal Alat Amaran Had Laju dan juga pihak pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan. Beberapa langkah telah diambil supaya peraturan penggunaan alat-alat tersebut boleh dilaksanakan semula secepat mungkin. Langkah-langkah pembetulan termasuk:

- (i) Persatuan Pembekal-pembekal Alat Amaran Had Laju akan memastikan unit-unit alat yang dijual oleh ahli-ahlinya adalah yang bermutu tinggi. Ini dilakukan dengan menjalankan ujian dan pengesanan;
- (ii) pembekal-pembekal akan mempergiatkan lagi latihan lanjut bagi pekerja-pekerja bengkel dan wakil penjual yang diiktirafkan untuk pemasangan dan pembaikan;
- (iii) pembekal-pembekal alat akan menyeragamkan harga pembaikan;
- (iv) Persatuan Pembekal-pembekal Alat Amaran Had Laju juga akan mengeluarkan buku panduan mengenai penyelenggaraan serta prosedur pemasangan alat untuk edaran kepada pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan; dan
- (v) pengusaha-pengusaha kenderaan hendaklah menghantar alat-alat yang rosak ke bengkel-bengkel yang diiktirafkan untuk dibaiki dengan sempurna dalam tempoh 2 bulan sebelum

undang-undang mengenai alat-alat tersebut dikuatkuasakan semula.

Di samping itu, Kementerian ini sedang mengambil langkah untuk mengkaji bagi mengulangkaji had laju kenderaan perdagangan. Kajian tersebut akan memakan masa beberapa bulan lagi dan undang-undang mengenai penggunaan alat amaran had laju akan dikuatkuasakan semula sebaik sahaja keputusan dibuat mengenai had laju yang baru diumumkan nanti.

Pemasangan dan penggunaan alat amaran had laju tidak merupakan pembaziran wang, sebaliknya ianya akan membantu usaha-usaha pihak Kerajaan untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu kenderaan perdagangan supaya tidak memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Melalui pengawasan sedemikian ia akan mengurangkan kemalangan jalan raya terutamanya kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat.

Buat masa sekarang, tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu kenderaan berat yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan dibuat secara menggunakan "speed trap" yang dikendalikan oleh pihak Polis.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa penggunaan alat amaran had laju ini terpaksa ditangguhkan kerana barangkali soal-soal teknik. Saya ingin tahu sehingga setakat ini ada berapakah syarikat-syarikat yang membekalkan alat-alat amaran had laju ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil atau tindakan yang positif yang telah diambil oleh pihak Kementerian ke atas penyelewengan yang disebutkan tadi.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 11 jenama sahaja, yang lain itu menutup perniagaan mereka kerana mereka tidak dapat mengikuti syarat-syarat yang kita buat.

Soalan yang kedua tadi mengenai, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian, ini bukan tindakan yang sepatutnya diambil oleh Kementerian terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan, tetapi adalah atas persetujuan mereka sendiri untuk tindakan selanjutnya.

PENCARUM KWSP/ AMAUN DIKREDITKAN

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pencarum KWSP dan jumlah amaun yang dikreditkan kepada KWSP sehingga 31-12-1986 dan amaun berbayar sehingga tempoh tersebut.
- (b) amaun yang dibayar oleh KWSP untuk maksud pembelian rumah sehingga 31-12-1986 dan jumlah bilangan KWSP yang terlibat;
- (c) cara apakah wang KWSP dilaburkan, berapakah jumlah yang dilaburkan dan bagaimanakah kedudukan keuntungan dan kerugian sehingga 31-12-1986; dan
- (d) adakah Kerajaan akan menyemak semula Akta KWSP 1951 untuk memberi lebih banyak faedah kepada pencarum seperti membuat pengeluaran satu pertiga caruman tatkala berumur 45 tahun, membuat pengeluaran untuk maksud pelajaran dan perniagaan kecil di samping menaikkan kadar faedah simpanan KWSP dari 8.5% ke 9%.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pencarum KWSP pada 31-12-1986 ialah 4,857,273 manakala jumlah terkumpul caruman yang dikreditkan kepada KWSP sehingga tarikh yang sama ialah \$27,607 juta.

Sehingga 31hb Disember, 1986 bilangan ahli-ahli yang telah mengeluarkan caruman KWSP mereka bagi tujuan pembelian rumah serta jumlah pengeluarannya adalah seperti berikut:

Jenis Pengeluaran	Bilangan Pencarum	Jumlah Pengeluaran (\$ Juta)
Rumah Kos Rendah	51,732	202.5
Rumah Bukan Kos Rendah ..	181,448	985.2

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada (c), kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan pada kebiasaannya di bawah seksyen 4 (2) Akta KWSP 1951 yang menetapkan jenis-jenis pelaburan yang boleh dilaburkan oleh KWSP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kedudukan pelaburan KWSP secara terkumpul sehingga 31hb Disember, 1986 yang masih belum diaudit ialah:

Jenis Pelaburan	Jumlah Pelaburan Terkumpul Sehingga 31-12-1986 (\$ Juta)	Peratus Jumlah Portfolio Pelaburan
Surat-surat Jaminan Kerajaan	24,012.8	87.85
Pinjaman Debenture ..	1,650.8	6.00
Pengurus-pengurus Portfolio	230.3	0.84
Ekuiti	625.4	2.28
Simpanan Tetap/Pasaran Wang	971.4	3.53

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya pada keseluruhannya KWSP mendapat keuntungan ke atas pelaburan-pelaburannya. Pulangan atas pelaburan yang diperolehi oleh KWSP

bagi tahun 1986 ialah \$2,131 juta dibandingkan dengan \$1,828 juta bagi tahun sebelumnya, iaitu 1985.

Bagi jawapan kepada (d), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengkaji faedah-faedah baru yang boleh dilaksanakan bagi kebaikan ahli-ahli KWSP. Buat masa ini satu Pasukan Petugas KWSP sedang menjalankan kajiannya terhadap skim-skim pengeluaran untuk pencarum-pencarum. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan skim-skim pengeluaran untuk pembiayaan pelajaran anak-anak, pengeluaran satu pertiga pada umur 45 tahun dan juga perniagaan kecil telah pun dikenalpasti dan kajian yang mendalam terhadap skim-skim ini sedang dibuat oleh pihak yang berkenaan untuk pertimbangan selanjutnya.

Berhubung dengan pembayaran dividen, inilah saya maklumkan bahawa kadarnya adalah bergantung kepada keupayaan KWSP bagi tahun-tahun berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar tentang penyelewengan dalam dasar pelaburan KWSP yang baru-baru ini telah disentuh oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan KWSP tahun 1985 khususnya tentang aspek pelaburan KWSP dalam saham bukan amanah yang telah melanggar Akta KWSP. Jika beliau sedar tentang hal ini, maka saya ingin dapat tahu apakah penjelasan yang ingin diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang hal ini?

Di samping itu, yang kedua ialah sama ada dalam kajian yang dijalankan oleh KWSP mengenai bagaimana memperbaiki lagi skim

KWSP ini, adakah pihak yang berkenaan mengkaji kemungkinan membenarkan pekerja yang diberhentikan dan yang menganggur menerima bayaran bulanan daripada faedah tahunan caruman KWSP bagi tujuan mengatasi kesulitan mereka pada masa kini kerana kelembapan ekonomi?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang seperti yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan yang berkenaan. Kita sedang meneliti perkara ini dan tindakan-tindakan akan diambil untuk menyelaraskan perkara ini.

Berhubung dengan cadangan kedua supaya mereka yang menganggur dibayar dari dividen ataupun dari faedah yang didapati melalui simpanan itu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini mungkin dipandang baik tetapi tidak mengikut peraturan-peraturan tertentu. Walaupun demikian, kalau sekiranya perlu diambil tindakan seperti itu, kita akan membuat kajian yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan Ketua Audit Negara bahawa KWSP ada melaburkan \$50 juta dalam non-trustee stock yang ada melanggar Akta KWSP, bukannya benar bahawa Kerajaan sudah tahu mengenai ulasan ini lebih daripada 6 bulan oleh kerana Laporan Ketua Audit Negara dibuat pada 2hb September, 1986 sungguhpun baru dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin, kenapa dalam 6 bulan ini Kerajaan tidak ambil satu pendirian untuk memberhentikan semua pelaburan stok non-trustee dan pun supaya mengakhiri sumber pelaburan ini dan pun ambil tindakan terhadap Pengarah-pengarah atau anggota-anggota Investment Panel yang

bertanggungjawab membuat langkah yang tidak mengikut Akta KWSP?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak berbeza dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang saya sudah pun jawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Alang Saidin.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin tidak hadir)

RASUAH—KEGIATAN

13. Drs Suleiman bin Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah kadar kes-kes rasuah telah meningkat naik sejak inflasi yang teruk telah melanda negara ini dalam tempoh dua atau tiga tahun ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Nyatakan faktor-faktor utama yang menyebabkan kes-kes rasuah berlaku.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk diukur sama ada kadar kegiatan rasuah telah meningkat atau menurun dalam sesuatu jangka masa. Ini adalah disebabkan tidak semua kes-kes rasuah yang telah berlaku dilaporkan atau dibawa ke pengetahuan pihak yang berkuasa. Namun begitu, ekoran dari sejumlah 48,036 maklumat dan aduan yang diterima, sebanyak 13,217 merupakan kes-kes rasuah yang telah disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah Malaysia bagi tempoh 1981 hingga 1986.

Secara umumnya kadar kes-kes rasuah yang disiasat didapati naik dan menurun dari tahun ke setahun dalam masa 6 tahun kebelakangan seperti berikut:

Tahun 1981 — Kes rasuah yang disiasat menurun sebanyak 24.8%

kepada 2,263 kes berbanding dengan 3,008 kes dalam tahun sebelumnya;

Tahun 1982 — Siasatan kes-kes rasuah naik sedikit sebanyak 1.9% kepada 2,306 kes;

Tahun 1983 — Menurun dengan kadar 36.3% kepada 1,469 kes;

Tahun 1984 — Naik sebanyak 12.7% kepada 1,682 kes;

Tahun 1985 — Naik lagi sebanyak 39.8% kepada sebanyak 2,792 kes; dan

Tahun 1986 — Turun semula dengan kadar sebanyak 3.1% kepada 2,705 kes rasuah yang disiasat.

Walaupun terdapat turun naik kadar kes-kes rasuah yang dijadikan asas untuk siasatan BPR seperti yang dinyatakan tadi, namun tidak dapat disahkan sama ada faktor inflasi dan kemelesetan ekonomi yang melanda negara kita menjadi punca kepada berlakunya amalan rasuah.

Setakat ini belum ada satu kajian yang terperinci dijalankan bagi mengenalpasti punca dan sebab-sebab rasuah berlaku. Sungguhpun demikian, berdasarkan pengalaman-pengalaman BPR menyiasat kes-kes rasuah, didapati antara faktor utama yang dikenalpasti menjadi punca berlakunya rasuah adalah seperti berikut:

- (i) sikap individu itu sendiri yang ingin cepat kaya dan menyegera hidup mewah melebihi kemampuan masing-masing;

- (ii) faktor sosial dan kebudayaan yang mana disebabkan kekurangan didikan dan pengetahuan agama dan etika masyarakat tersebut menyebabkan perbuatan rasuah berlaku dan dijadikan pula satu amalan tradisi;
- (iii) faktor kelemahan kepimpinan, penyeliaan dan pentadbiran sesebuah organisasi di mana ketiadaan sistem pengawalan dan penyeliaan yang berkenaan hingga menyebabkan pegawai-pegawai menyeleweng; dan
- (iv) faktor pembangunan ekonomi dan modenisasi yang menyebabkan manusia berlumba-lumba untuk menikmati kemudahan-kemudahan serta merebut peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Nurnikman bin Adullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan berapa banyakkah kes rasuah ini telah dihadapkan ke mahkamah dan berapa peratuskah keseluruhan pegawai tertinggi Kerajaan yang telah terlibat dalam kes rasuah ini?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, jumlah semua kes hingga tahun 1986 ialah 1,551.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada siasatan dijalankan terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Alasan, mengapa banyak kes rasuah ini berlaku adalah kerana mereka mengikut contoh pemimpin-pemimpin nasional boleh dikatakan ini ada satu aspek di mana cogan kata Barisan Nasional "Kepimpinan Melalui Teladan" diamalkan, terutamanya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya tetapi jangan beri ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu benar. Terutamanya terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka di mana ahli-ahli. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta beri soalan.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sama-sama kes siasatan dijalankan terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka di mana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu sub judge. Mahkamah sedang membicarakan kes itu.

Tuan Lim Guan Eng: Itu extortion, di sini kes rasuah, itu berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan tuduhan yang tidak berasas macam itu.

Tuan Lim Guan Eng: Itu bukan tuduhan. Ini satu pertanyaan sama ada satu siasatan oleh BPR dijalankan terhadap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Silakan.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada bukti, agensi ini mesti siasat. Kalau tidak ada, tidak adalah.

LESEN MESIN CETAK/ PERMIT PENERBITAN

14. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pengeluaran Lesen Cetak dan Permit Penerbitan Akhbar dan Majalah tahun 1985/1986 dan berapa banyak majalah dan buku yang ditahan serta nyatakan bagaimana kawalan dilakukan terhadap majalah dan penerbitan luar negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan sebanyak 1,125 Lesen Mesin Cetak dan 1,252 Permit Penerbitan dalam tahun 1985. Dalam tahun 1986, sejumlah 1,416 Lesen Mesin Cetak dan 1,394 Permit Penerbitan telah dikeluarkan. Dalam tahun 1985, sejumlah 5,795 tajuk yang merangkumi 320,253 naskah penerbitan telah ditahan berbanding dengan 8,349,788 naskah yang telah dibenarkan pengimportannya, manakala dalam tahun 1986 pula, sejumlah 4,357 tajuk yang meliputi 303,631 naskah penerbitan telah ditahan berbanding dengan 7,543,238 naskah yang dibenarkan untuk diimport. Penerbitan-penerbitan yang ditahan itu kebanyakannya adalah penerbitan-penerbitan dari luar negeri. Sebahagian besar penerbitan ini ditahan kerana isi kandungannya boleh menjejaskan akhlak. Sebahagian kecil penerbitan yang ditahan itu mengandungi bahan-bahan yang mempersendakan agama-agama di negara ini dan sebilangan kecil penerbitan asing yang ditahan itu mengandungi bahan-bahan penerbitan yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan kepentingan awam.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada sebuah majalah berbahasa Cina yang mana KDNnya dibatalkan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada ini oleh kerana majalah itu menyiarkan satu artikel berkenaan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Jikalau bukan, silalah memberi lain-lain alasan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1986 akhbar mingguan berbahasa Tionghua yang bertajuk "People's Weekly" telah menerbitkan beberapa rencana yang didapati boleh

memudaratkan kepentingan awam dan kepentingan negara. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Dalam Negeri telah memberikan beberapa amaran kepada penerbit akhbar itu. Walau bagaimanapun, amaran-amaran itu telah tidak dipedulikan oleh akhbar berkenaan. Sebagai langkah terakhir maka terpaksalah permit penerbitan akhbar itu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 14 (1), usul-usul berkenaan dengan Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah dikeluarkan oleh Menteri.

Saya hendak membuat rayuan di sini supaya usul atas nama saya yang tidak dapat diselesaikan semalam yang disenaraikan dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini sebagai No. 2 dijadikan No. 1 iaitu mendahului urusan Kerajaan. Maka oleh kerana ia hanya boleh dibuat oleh seorang Menteri, saya merayulah Menteri yang kanan sekali iaitu Menteri Kerjaraya supaya membuat pindaan itu—itu satu rayuan supaya kita dapat selesaikan usul itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan point of order. Sila teruskan.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 12, 15 hingga 95 adalah diberi di bawah ini).

LAWATAN PRESIDEN SUHARTO KE MALAYSIA—PERBINCANGAN

1. **Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara yang telah dibincangkan semasa lawatan kerja dua hari Yang Mulia Presiden Suharto ke Johor

Bahru baru-baru ini. Sejauh mana lawatan itu telah berhasil dalam memupuk persefahaman dan kerjasama yang erat di segala bidang dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing pada 18hb Mac.

Lawatan singkat kerja Presiden Soeharto ke Malaysia pada 5hb Februari dan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beliau adalah dalam konteks perbincangan lanjutan yang sering diadakan bertujuan untuk bertukar pendapat dan fikiran mengenai berbagai masalah kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa. Berhubung dengan masalah dua hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertukar-tukar pendapat dengan Presiden Soeharto mengenai perkembangan di kedua-dua negara, di samping usaha-usaha bersama untuk meningkatkan hubungan serta meluaskan kerjasama ekonomi. Dalam hal ini kedua-dua negara bersetuju untuk mencari jalan ke arah meningkatkan perdagangan dua hala serta kerjasama ekonomi yang lebih meluas.

Mengenai masalah pendatang haram persefahaman telah dicapai untuk mengatasi masalah ini melalui usaha-usaha mengukuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Indonesia memahami masalah yang kita hadapi dan bersedia bekerjasama mengatasinya. Indonesia juga bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Mengenai ASEAN, khususnya mengenai Persidangan Kemuncak Ketiga yang akan diadakan pada bulan Disember 1987, Malaysia dan Indonesia bersetuju akan perlunya pertubuhan ini meluaskan skop kerjasama ekonomi bagi menjamin kemakmuran negara masing-masing di samping untuk mengukuhkan keutuhan rantau ini. ASEAN perlu menunjukkan sikap bersatu padu bagi membolehkan pertubuhan ini maju dan berjaya dalam kegiatan ekonomi.

Mengenai isu-isu di rantau ini, perbincangan tertumpu kepada perkembangan di Kampuchea dan Vietnam terutamanya pertukaran pucuk pimpinan Vietnam serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN dan lain-lain negara dalam mencari satu penyelesaian politik pada masalah Kampuchea.

Pada keseluruhannya perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto adalah begitu berkesan dalam konteks usaha ke arah memupuk persefahaman kedua-dua negara bagi meningkatkan perhubungan serta meluaskan kerjasama dua hala dan serantau.

PERTUMBUHAN EKONOMI

12. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan kadar pertumbuhan ekonomi negara semenjak timbulnya kemelesetan ekonomi dunia yang melibatkan negara kita dan apakah langkah-langkah positif yang dibuat oleh Kerajaan agar kadar pertumbuhan ini dapat bergerak dengan lebih pantas lagi.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Seperti yang telah saya maklumkan dalam sesi-sesi yang lepas Malaysia mempunyai ekonomi terbuka. Iaitu nilai eksport menyumbang lebih dari 50% kepada Keluaran Negara

Kasar. Oleh kerana ciri ekonomi ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia sentiasa dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia. Dengan yang demikian, kemelesetan ekonomi dunia mempunyai kesan langsung ke atas prestasi ekonomi negara kita. Kadar pertumbuhan ekonomi sejak tahun 1980, ialah:

Tahun	Peratus Pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar)
1980 ..	+7.4
1981 ..	+6.9
1982 ..	+5.9
1983 ..	+6.3
1984 ..	+7.8
1985 ..	-1.0
1986 ..	+0.5 (Ramalan Laporan Ekonomi 86/87)

Ekonomi Malaysia yang mula terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1980 kembali pulih pada tahun 1983 dan 1984 berikutan dengan pulihnya sedikit keadaan ekonomi dunia dan juga kesan tindakan Kerajaan mengukuhkan ekonomi. Walau bagaimanapun pada tahun berikutnya (1985), keadaan ekonomi dunia kembali lembab dengan nyata sekali, mengakibatkan ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan negatif 1%. Keadaan ekonomi dunia telah terus lembab dalam tahun 1986 dan harga barangan utama terutama harga minyak mentah telah jatuh dengan teruknya. Ini membawa kesan negatif yang nyata terhadap ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, pada suku terakhir tahun 1986 harga-harga barangan utama telah menunjukkan pemulihan. Berserta dengan peningkatan pengeluaran yang lebih tinggi di dalam sektor-sektor pertanian dan perkilangan dan juga hasil tindakan Kerajaan memperkukuhkan ekonomi, adalah dijangkakan pertumbuhan

ekonomi bagi tahun 1986 akan melebihi kadar 0.5% yang telah saya sebutkan dalam Ucapan Belanjawan 1987 yang lalu.

Kerajaan telah pun mengambil langkah positif untuk memulihkan ekonomi negara dan mengukuhkan ketahanannya. Tindakan-tindakan telah diambil untuk mengurangkan kos utiliti, meningkatkan produktiviti, melicinkan pentadbiran, mengurangkan kos pengurusan sektor awam, serta menambahkan mudahtunai sistem wang dan bank bagi membantu mengurangkan kadar faedah pinjaman. Di samping itu syarat-syarat pelaburan asing telah juga dilonggarkan. Bagi menggalakkan eksport berbagai galakan fiskal dan bantuan, termasuk kredit pembiayaan semula eksport telah diberikan. Kesemua ini adalah usaha-usaha positif yang baik yang dapat memperbaiki iklim pelaburan dan meningkatkan aktiviti ekonomi. Langkah-langkah terperinci sudah pun saya terangkan di Dewan ini di sesi-sesi yang lepas dan dalam Ucapan Belanjawan serta Laporan Ekonomi 86/87.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA/ MAKTAB RENDAH SAINS MARA—KEMASUKAN

15. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa terdapat beberapa institusi pelajaran seperti Institut Teknologi MARA dan Maktab Rendah Sains MARA hanya menerima kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera saja dan ini hanya akan mewujudkan polarisasi kaum dan menghalang pembinaan bangsa dan adakah Kerajaan merancang untuk membukakan kemasukan pelajar-pelajar bukan Bumiputera ke Institusi-institusi ini. Jika tidak, mengapa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Pada masa ini Kerajaan tidak merancang untuk membuka

kemasukan para pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains MARA dan Institut Teknologi MARA (ITM). Tindakan ini sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, khususnya bagi membolehkan lebih ramai para pelajar bumiputera dari luar bandar menceburi bidang sains dan teknologi. Usaha-usaha ini perlu diteruskan untuk beberapa ketika bagi memperbaiki dan memperkukuhkan kedudukan masyarakat bumiputera dalam bidang ekonomi dan pelajaran di negara ini memandangkan masih wujud ketidakseimbangan di antara kaum dari segi peringkat pencapaian di dalam bidang pelajaran dan penyertaan gunatenaga untuk perpaduan negara. Sepertimana yang termaklum bahawa Dasar Ekonomi Baru sehingga kini belum lagi dicapai sepenuhnya.

Kemasukan pelajar-pelajar ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) perlu dilihat dari segi kemasukan pelajar-pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh yang dibiayai oleh Kerajaan. Selain daripada MRSM, Kerajaan ada menyediakan Sekolah Menengah Sains yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Walaupun MRSM tidak mengambil pelajar-pelajar bukan bumiputera tetapi Sekolah Menengah Sains ada mengambil pelajar-pelajar bukan bumiputera. Setiap tahun MARA hanya mengambil lebih kurang 1,300 orang pelajar untuk dihantar ke MRSM sedangkan Kementerian Pelajaran mengambil lebih daripada 3,500 orang.

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN KAMPUNG Podos

16. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambilnya ke atas permohonan bagi pembinaan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan yang sudah berpuluh tahun lamanya di Kampung Podos

Kota Belud. Bilakah agaknya pembinaan sekolah itu dijangkakan bermula.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan di Kampung Podos, Kota Belud, tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan. Permohonan untuk membina sekolah ini akan dipertimbangkan apabila peruntukan mencukupi.

KOPERASI—MENYELAMATKAN

17. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan:

- (a) kedudukan (status) koperasi di negara kita, iaitu berapa yang telah tidak berfungsi; dan
- (b) apakah langkah-langkah dari pihak Kerajaan untuk menyelamatkan setengah koperasi yang agak teruk.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Soalan ini agak umum maka jawapan yang dapat diberikan juga adalah secara umum.

Di Semenanjung Malaysia daripada jumlah hampir 3,000 buah koperasi semua jenis, dianggarkan 10% tidak berjalan secara aktif.

- (b) Langkah Kerajaan untuk menyelamatkan sesetengah koperasi yang agak teruk, bergantung kepada beberapa faktor, terutamanya jika ahli-ahli koperasi itu tidak berminat lagi maka koperasi itu akan dibatalkan pendaftarannya.

Jika ahli-ahli masih berminat tetapi koperasi menghadapi masalah kewangan atau masalah pengurusan, maka Pegawai-pegawai daripada

Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) akan membantu koperasi menyusun semula pengurusannya, dan jika projek yang dijalankan masih lagi viable atau masih boleh diselamatkan, maka JPK akan cuba membantu dari segi kewangan yang berupa pinjaman mudah (dengan izin soft loan) daripada Tabung Modal Pusingan JPK. Bantuan pinjaman daripada Tabung ini biasanya tidak melebihi \$250,000. Jika koperasi perlukan bantuan kewangan yang lebih banyak, koperasi akan dinasihatkan supaya berunding dengan institusi kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

PERKHIDMATAN PERUBATAN

18. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat beberapa kawasan terpencil di daerah Penampang yang tidak mempunyai perhubungan jalan raya di mana perkhidmatan perubatan amat kurang dan penduduk-penduduknya terpaksa berjalan kaki berhari-hari untuk pergi ke Klinik yang berdekatan, dan apa rancangan Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa ada beberapa kawasan terpencil di Daerah Penampang yang tidak mempunyai perhubungan jalan raya dan belum lagi ada kemudahan kesihatan yang tetap. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kesihatan dan juga Yayasan Sabah sedang mengadakan perkhidmatan perubatan "Doktor Udara" di beberapa kawasan terpencil di Daerah ini. Kawasan-kawasan yang dilawat oleh perkhidmatan "Doktor Udara" ini adalah sentiasa dikaji dari segi

bilangannya dan juga dari segi kerapkalinya dan jika perlu boleh ditambahkan. Bagaimanapun perkhidmatan "Doktor Udara" adalah satu perkhidmatan sementara sahaja dan ianya akan diberhentikan sebaik-baik sahaja kawasan-kawasan itu ada perhubungan jalan raya dan satu klinik bergerak melalui jalan raya diadakan ataupun satu kemudahan kesihatan yang kekal seperti Klinik Desa dibina.

PELAJAR ASING DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

19. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pelajar-pelajar asing di Universiti Islam Antarabangsa;
- (b) berapakah dari pelajar-pelajar asing ini menanggung sendiri pembayaran;
- (c) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam menganjurkan pelajar-pelajar asing yang belajar di universiti ini sejak ianya ditubuhkan;
- (d) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas universiti ini sejak ianya dibuka; dan
- (e) berapakah jumlah wang yang diterima oleh universiti ini dari sumber-sumber asing sejak ianya dibuka.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Pada 15hb Januari, 1987, jumlah pelajar asing di Universiti Islam Antarabangsa ialah 124 orang.
- (b) Dari jumlah 124 orang pelajar asing ini, 6 orang menanggung sendiri pembayaran.
- (c) Pelajar-pelajar asing yang belajar di Universiti Islam

Antarabangsa sebahagian besarnya, adalah ditaja dan dibiayai oleh negara-negara penganjur, khasnya negara Arab Saudi.

(d) Semenjak Universiti Islam Antarabangsa dibuka pada tahun 1983, jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan ke atas Universiti ialah sebanyak M\$66,070,580.00; iaitu M\$42,670,580.00 untuk belanja operasi dan M\$23,400,000.00 untuk perbelanjaan pembangunan.

(e) Semenjak Universiti Islam Antarabangsa dibuka pada tahun 1983, jumlah wang yang diterima oleh Universiti dari sumber-sumber asing ialah M\$6,374,760.05.

UJIAN AIR KENCING KEPADA PENUNTUT

20. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pelajaran menyatakan tidakkah Kementerian merancang untuk mengadakan ujian-ujian air kencing kepada penuntut-penuntut yang memasuki Sekolah Menengah Atas, Maktab-maktab dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi bagi memastikan mereka bersih dari gejala pengaruh kegiatan dadah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan ujian air kencing bagi tujuan mengesan penyalahgunaan dadah kepada semua penuntut yang memasuki Sekolah Menengah Atas (Tingkatan 4-6 atas); bagaimanapun Kementerian Pelajaran telah dan akan mengadakannya di beberapa buah sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan yang telah dikenalpasti sebagai sekolah yang didapati kerap berlaku kejadian penyalahgunaan dadah ini.

Bagi penuntut-penuntut Maktab pula, setiap calon yang ditawarkan

untuk mengikuti kursus perguruan dikehendaki menjalani pemeriksaan doktor termasuklah pemeriksaan air kencing. Manakala universiti-universiti tempatan pula tiada rancangan untuk mengadakan ujian air kencing kepada penuntut-penuntut yang hendak memasukinya. Hanya penuntut-penuntut yang disyaki terlibat dengan dadah sahaja diarahkan menjalani pemeriksaan air kencing. Walau bagaimanapun Institut Teknologi MARA telah pun mengadakan ujian air kencing kepada penuntut-penuntut yang baru masuk baru-baru ini.

PENTERNAKAN BABI DI BATU MAUNG

21. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan atau langkah yang sewajarnya akan diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan pencemaran bau busuk najis babi di Institut Perikanan Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang yang kini semakin menjadi-jadi sehingga suasana di Institut tersebut kurang selesa kepada pelajar-pelajar serta kakitangan yang bertugas.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kawasan penternakan babi di Batu Maung, Pulau Pinang adalah di bawah pengelolaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Pihak MPPP telah meminta agar penternak-penternak mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) menyediakan kolam najis individu bagi mengawal pembuangan najis daripada ladang; dan
- (ii) membungkus bangkai-bangkai babi di dalam beg-beg plastik yang mana akan dikutip oleh MPPP.

Juga, pihak MPPP telah membina tiga (3) buah kolam najis yang besar, untuk "digestion of the pig waste".

Pihak Kementerian Pertanian sedang mengkaji dan merancang bagi mengatasi masalah pencemaran yang berpunca daripada ladang-ladang babi di seluruh negara.

PERKHIDMATAN TELEFON

22. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejak Syarikat Telekom Malaysia Bhd. (STM) mengambil alih perkhidmatan telefon mulai tahun ini adakah STM mengalami masalah. Adakah perkhidmatan telefon di seluruh negara bertambah baik jika dibandingkan sebelum ini. Adakah STM bercadang untuk mengkaji semula tarif seperti bayaran pemasangan (installation cost) bayaran pemasangan semula (reconnection cost) bayaran panggilan dalam dan luar negeri dan lain-lain, memandangkan taraf yang ada hari ini dianggap tinggi dan merumitkan pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah.

Tuan Ong Tin Kim: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) buat masa ini tiada menghadapi apa-apa masalah semenjak mengambil alih perkhidmatan telekomunikasi pada 1hb Januari 1987. Juga adalah terlalu awal untuk Kementerian ini membuat penilaian terhadap perkhidmatan telefon sama ada ianya bertambah baik jika dibandingkan semasa di bawah Jabatan Telekom Malaysia dahulu. Buat masa ini STM belum mempunyai cadangan untuk mengkaji semula tarif dan kadar bayaran perkhidmatan telefon, memandangkan tarif yang ada sekarang baru sahaja dilaksanakan selepas kajian semula dibuat pada bulan Julai 1985.

SEKOLAH RENDAH KG. SUANGPAI KUDAT

23. Tuan Joe Ojihi Supiring minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah hendak dibina semula Bangunan Sekolah Rendah Kg. Suangpai Kudat, Sabah yang telah musnah dijilat api.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, tender untuk menggantikan bangunan yang musnah di Sekolah Rendah Kg. Suangpai Kudat, Sabah telah ditutup pada awal bulan Mac, 1987. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada tahun ini.

PESAWAT MAS DENGAN BILIK SEMBAHYANG/PERKATAAN ASSALAMUALAIKUM

24. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebagai negara yang agama rasminya agama Islam adakah Kementerian berkenaan mencadangkan supaya semua penerbangan-penerbangan MAS dimulakan dengan perkataan "Assalamualaikum" dan "Inshaallah" kita akan sampai umpamanya ke London, Los Angeles dan sebagainya sebagaimana yang dibuat oleh Pakistani Airlines; dan
- (b) adakah Kementerian berkenaan bercadang dalam bentuk reka (design) kapal terbang MAS masa akan datang disiapkan dengan bilik sembahyang.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sememangnya telah mengarahkan anak-anak kapal kabinnya serta juruterbang-juruterbangnya yang beragama

Islam untuk memulakan apa-apa pengumuman semasa penerbangan dengan perkataan "Assalamualaikum" dan/atau "Insyallah" di mana sesuai.

- (b) Cadangan untuk melengkapkan pesawat-pesawat MAS dengan bilik sembahyang akan memerlukan pengubahsuaian struktur yang besar kepada rekabentuk pesawat yang mana akan juga melibatkan kos yang tinggi. Untuk menyediakan ruang untuk kemudahan ini akan juga bermakna bahawa tempat duduk, bilik air dan "galley" terpaksa dipindahkan dan ini akan menjejaskan perkhidmatan dalam kabin kepada penumpang-penumpang. Selain daripada ini keselamatan seseorang penumpang akan terjejas sekiranya kecemasan seperti "decompression" atau "turbulence" berlaku dengan tiba-tiba semasa beliau menggunakan bilik sembahyang itu.

Berasaskan kepada faktor-faktor tersebut, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang supaya pengubahsuaian dibuat atas pesawat-pesawat yang sedia ada atau melengkapkan pesawat-pesawat yang akan dibeli dengan bilik sembahyang.

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD—KEMAJUAN

25. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan kemajuan Bank Islam Malaysia Berhad setakat ini dan sejauh mana ianya memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi umat Islam negara ini dan menyatakan jumlah pelaburan yang diterima hingga Mac, 1987.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat 31hb Januari 1987, iaitu selepas memulakan operasinya selama hampir empat tahun, Bank Islam Malaysia Berhad telah berjaya mengumpulkan simpanan sebanyak \$629.4 juta, daripada sejumlah 138,513 penyimpan. Ini adalah merupakan pertambahan sebanyak 161%, jika dibandingkan dengan deposit pada 30hb Jun 1984 yang berjumlah hanya sebanyak \$241.4 juta. Dari segi prestasi kewangan pula, Bank Islam telah memperolehi keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak \$2.36 juta, pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1986, berbanding dengan kerugian sebanyak \$1.29 juta pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1984. Keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1985 berjumlah sebanyak \$4.03 juta.

Mengenai sejauh manakah Bank Islam telah berjaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan umat Islam di negara ini, secara kasarnya ia boleh dilihat dari segi penglibatan Bank Islam dalam memberi pembiayaan kewangan kepada pelanggan-pelanggannya yang khusus terdiri dari umat-umat Islam. Jumlah pembiayaan yang dikeluarkan setakat 31hb Januari 1987, berjumlah sebanyak \$420.2 juta iaitu kepada 2,257 pelanggan. Jumlah pembiayaan ini meningkat lebih kurang 161%, jika dibandingkan dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1984 iaitu sebanyak \$161.1 juta. Selain daripada itu, pembiayaan yang dikeluarkan oleh Bank Islam meliputi semua sektor ekonomi negara yang penting. Ini termasuklah pertanian, perlombongan, perkilangan, pembinaan, perniagaan borong dan runcit, pengangkutan, khidmat pengurusan, hartanah dan perumahan. Daripada angka

pembiayaan yang diberikan di atas oleh Bank Islam dalam memajukan umat Islam di negara ini, amat ketara sekali.

**SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN AGAMA ASRAMA
PENUH WILAYAH
PERSEKUTUAN—PERPINDAHAN**

26. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pelajaran menyatakan apa yang diketahui di Sekolah Menengah Agama Islam, Wilayah Persekutuan yang sekarang ini menumpang di Kolej Islam Petaling Jaya akan dipindahkan di Labu, Negeri Sembilan kerana pihak Universiti Islam Antarabangsa akan mengambil alih Kolej tersebut. Jikalau benar, tidakkah boleh Sekolah Menengah tersebut di Kuala Lumpur ditetapkan di kawasan Wilayah Persekutuan sendiri.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran bersetuju memindahkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berasrama Penuh, yang pada masa sekarang menumpang di Kampus Kolej Islam Petaling Jaya, ke Labu, Negeri Sembilan awal penggal kedua persekolahan tahun 1987. Pemandangan ini adalah mustahak untuk memberi tempat buat sementara kepada Universiti Islam Antarabangsa, memandangkan Universiti itu perlu berkembang dan berkehendakkan bangunan tambahan untuk menampung kekurangan tempat pengajian, sedangkan pembangunan di tapak kampus tetap yang dicadangkan baginya tidak dapat dijalankan serta merta. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Berasrama Penuh juga memerlukan tempat yang sesuai dengan pembangunannya, sedangkan tanah untuk tapak pembangunan sukar didapati di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun Kementerian

Pelajaran sedang merancang untuk mengadakan sebuah Sekolah Menengah Agama harian bagi Wilayah Persekutuan.

**ASEAN—PERTUKARAN BAHAN
PENERANGAN/FILEM**

27. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kerjasama yang telah dicapai dalam bidang pertukaran bahan-bahan penerangan dan filem-filem di antara Malaysia dengan negara-negara Jiran terutama Negara ASEAN, khususnya Indonesia.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Kerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam bidang pertukaran bahan-bahan penerangan dan filem-filem dilaksanakan oleh satu Jawatankuasa khas di peringkat ASEAN iaitu Jawatankuasa ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan. Di antara rancangan yang telah dilaksana mulai dari tahun 1980 ialah pertukaran ASEAN Radio Package Programme, TV Cultural Package Programme, Minggu Filem ASEAN dan lain-lain. Rancangan-rancangan dan filem-filem itu diedar kepada semua negara-negara ASEAN termasuk Indonesia. Semua filem rencana TV yang diterima dari negara-negara ASEAN telah ditayangkan melalui RTM.

Khusus mengenai Indonesia pula, selain daripada perhubungan serantau melalui ASEAN dan lain-lain badan berkenaan, Malaysia juga mempunyai hubungan dua hala atau "bilateral" melalui perjanjian yang telah ditandatangani dalam tahun 1985 di antara Menteri-menteri Penerangan kedua-dua negara tersebut. Dalam perhubungan ini rancangan-rancangan spesifik Salam Muhibbah (Radio), Titian Muhibbah (pertukaran

Rancangan TV), pertukaran filem-filem tertentu, jemputan kepada para artis Indonesia menyertai rancangan-rancangan hiburan TV di RTM, pertukaran pegawai-pegawai penerangan, wartawan dan pewarta, dan seterusnya lawatan Orkestra RTM ke Indonesia dan Orkestra TVRI ke Malaysia, telah pun diadakan.

Beberapa rancangan kerjasama termasuk rancangan TV, kursus-kursus latihan juga dilaksanakan dengan negara-negara lain melalui kerjasama "multilateral" di bawah Asia Pacific Institute for Broadcasting Development, Asian Broadcasting Union, UNESCO dan lain-lain.

ZAT MAKANAN—KEKURANGAN

28. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah untuk mengurangkan kadar kekurangan zat makanan (Malnutrition) di Daerah Song, Bahagian Ketujuh seperti yang telah diberitakan bahawa catitan kes-kes kekurangan zat makanan (malnutrition) yang tinggi di kawasan itu.

Cik Teng Gaik Kwan: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masalah kekurangan zat makanan (malnutrition) bukanlah masalah kesihatan sahaja tetapi ianya adalah masalah sosio-ekonomi. Masalah ini adalah sangat rumit kerana ia disebabkan oleh berbagai sebab seperti kemiskinan, kurang mendapat bahan makanan, kurang pengetahuan dan pengaruh sikap, adat resam dan sebagainya. Oleh itu tindakan bersepadu oleh agensi-agensi Kerajaan tertentu adalah diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Kementerian Kesihatan menerusi Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Sarawak sedang menumpukan perhatian khas kepada

Daerah Song untuk mengurangkan kadar kekurangan zat makanan di Daerah tersebut. Aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan ialah:

- (i) Mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit dan mempertingkatkan lagi liputan serta mutu perkhidmatan kesihatan di daerah ini melalui 5 buah Klinik Luar Bandar dan 3 Pasukan Kesihatan Desa yang sedia ada. Liputan aktiviti-aktiviti kesihatan di daerah ini pada setakat ini adalah tambah baik, misalnya liputan imunisasi 86.9% dan sejumlah 120 rumah panjang, atau 87%, disediakan dengan bekalan air yang selamat, manakala 74.1% penduduk telah disediakan dengan kemudahan tandas sempurna.
- (ii) Memperluaskan dan meningkatkan pendidikan kesihatan pemakanan di kalangan masyarakat melalui Klinik, Pasukan Kesihatan Desa dan masyarakat kampung.
- (iii) Meneruskan pembekalan makanan tambahan seperti susu tepung dan sebagainya untuk kes-kes kekurangan zat makanan.
- (iv) Meningkatkan mutu pengendalian dan tindaksusul terhadap kes-kes kekurangan zat makanan.
- (v) Meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam pelbagai aktiviti untuk mengurangkan masalah kekurangan zat makanan memandangkan punca-punca masalah ini adalah daripada faktor-faktor luar daripada bidang kesihatan.

ELEKTRIK LUAR BANDAR DI SARAWAK—PERUNTUKAN

29. Tuan Tieu Sung Seng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah peruntukan kewangan RES (Rural Electrification Scheme) 1987 bagi Sarawak dan apakah bahagiannya telah diperuntukkan bagi kawasan Sibu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang telah dicadangkan kepada Negeri Sarawak bagi bekalan Elektrik luar bandar untuk tahun 1987 ialah sebanyak \$7.0 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$14.5% ataupun lebih kurang \$1.0 juta telah dicadangkan untuk projek-projek di kawasan Sibu. Walau bagaimanapun, peruntukan sebenar kepada Negeri Sarawak untuk program ini akan bergantung kepada, dengan izin, "ceiling" sebenar Rancangan Malaysia Kelima yang akan ditentukan kemudian.

INDUSTRI MAKANAN/PEM- BUATAN

30. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kenapa kurangnya usaha-usaha tegas dalam mempertingkatkan industri makanan dan pembuatan yang berasaskan kepada sumber tempatan di negeri-negeri kurang maju khususnya Terengganu. Sehubungan dengan ini adakah Kerajaan bercadang menjalankan kajian khusus di daerah-daerah mundur lagi miskin di Negeri Terengganu dalam usaha mempertingkatkan pendapatan penduduknya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Usaha-usaha untuk mempertingkatkan industri makanan dan pembuatan berasaskan sumber tempatan sememangnya telah

dan sedang diberi perhatian oleh Kerajaan. Pelan Induk Perindustrian dengan jelas menitikberatkan pembangunan industri sedemikian. Sejumlah 9 daripada 12 sektor industri yang dikenalpasti dalam Pelan tersebut untuk dimajukan, adalah merupakan industri yang berasaskan sumber tempatan termasuk industri pemerosesan makanan. Seajar dengan perhatian yang diberikan kepada industri itu, Kerajaan melalui Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 telah memberi beberapa galakan kepada pelabur-pelabur yang ingin menanam modal dalam industri-industri pembuatan, pelancongan dan juga pertanian termasuklah yang melibatkan pemerosesan dan pembuatan dari hasil-hasil pertanian cara bersepadu.

Bagi tujuan memajukan pembangunan industri-industri berasaskan sumber tempatan ini, di samping galakan-galakan cukai yang diberi, penempatan industri-industri tersebut akan mengambilkira beberapa faktor seperti bekalan bahan mentah dan kewujudan kemudahan-kemudahan asas. Faktor-faktor ini merupakan faktor-faktor ekonomi penting yang akan memberi kesan kepada kos pengeluaran dan daya persaingan keluaran-keluaran tersebut di pasaran antarabangsa.

Kerajaan juga sentiasa mengambil berat tentang program pembangunan Wilayah di dalam usaha untuk mempertingkatkan pendapatan penduduk tempatan, seperti yang telah dirancang dan dilaksanakan di beberapa kawasan di seluruh negara. Di Negeri Terengganu program sebegini dilaksanakan di KETENGAH.

Setakat ini Kerajaan Persekutuan tidak ada menjalankan sebarang kajian yang khusus untuk daerah-daerah di Negeri Terengganu sahaja seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

PERTOLONGAN DARIPADA ORANG POLITIK

31. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan sedar bahawa kakitangannya telah dikeluarkan "Surat Keliling" bahawa mereka tidak boleh berjumpa dan minta pertolongan daripada orang-orang politik; andainya mereka dikenakan satu-satu perintah bertukar atau lainnya, di mana "Tindakan Disiplin" akan diambil ke atas mereka sedangkan di setengah-setengah tempat dan daerah ada kekosongan dan pasangan suami isteri telah berjauhan lebih daripada 4 tahun. Jika sedar apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menghilangkan rasa kebimbangan dan sebaliknya mendapatkan "Job Satisfaction".

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Seperti Yang Berhormat sedia maklum di bawah Perintah Am Bab "D", seorang pegawai tidak boleh membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan sesuatu tuntutan berhubung dengan perkhidmatan awam sama ada tuntutan adalah tuntutan secara perseorangan atau tuntutan lain-lain anggota perkhidmatan awam.

Kementerian Kesihatan merupakan sebuah Kementerian yang mempunyai bilangan kakitangan yang sangat ramai dan terdapat pula banyak bahagian-bahagian pentadbiran serta pejabat-pejabat untuk menguruskan kakitangannya. Oleh itu untuk menjamin kelicinan pentadbiran, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan surat pekeliling yang menentukan garis panduan mengenai pertukaran pegawai dan kakitangan dan sebab-sebab sesuatu pertukaran dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Kementerian tidak menafikan bahawa terdapatnya keadaan di mana anggota keluarga terpaksa berjauhan untuk tempoh beberapa ketika disebabkan oleh keperluan perkhidmatan (exigencies of service), dan Kementerian Kesihatan seboleholehnya cuba mengelakkan keadaan seperti ini daripada berlaku secara berpanjangan.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA/TAMIL) PERTUKARAN BAHASA PENGANTAR

32. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran:

- (a) jumlah bilangan SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil) yang telah ditukar menjadi Sekolah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar menurut Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961;
- (b) nama dan tempat sekolah-sekolah itu serta bila sekolah-sekolah itu ditukar;
- (c) sebab-sebab tiga buah sekolah Tamil yang ditukar baru-baru ini sepertimana diumumkan oleh beliau sendiri dan sama ada bantahan terhadap penukaran itu telah diterima dan dari siapa; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan Seksyen tersebut, jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 5 buah SRJK (T) dan 2 buah SRJK (Punjabi) yang telah bertukar menjadi Sekolah Kebangsaan seperti berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Tahun Bertukar Bahasa Pengantar
1.	SRJK (T) Ladang Jabor Kemaman, Terengganu	1971

Bil.	Nama Sekolah	Tahun Bertukar Bahasa Pengantar
2.	SRJK (T) Ladang Kerilla, Tanah Merah, Kelantan.	1972
3.	SRJK (T) Ladang Taku, Kuala Krai, Kelantan.	1972
4.	SRJK (T) Ladang Kinta Klas, Batu Gajah, Perak.	1973
5.	SRJK (T) Y.M.H.A. Taiping, Perak.	1974
6.	SRJK (Punjabi) Khalsa, Taiping, Perak.	1974
7.	SRJK (Punjabi) Kalghidar, Ipoh, Perak.	1974

Tidak terdapat SRJK (C) yang telah bertukar menjadi Sekolah Kebangsaan.

- (c) Tiga buah SRJK (T) yang bertukar menjadi Sekolah Kebangsaan sepertimana yang telah diumumkan oleh Kementerian Pelajaran baru-baru ini adalah di atas permintaan ibu bapa murid-murid dan Lembaga-lembaga Pengurus Sekolah-sekolah tersebut. Sepanjang yang diketahui Kementerian ini tidak ada menerima bantahan terhadap penukaran itu.
- (d) Kementerian Pelajaran belum membuat apa-apa keputusan mengenai Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961, kerana pada masa ini Akta tersebut sedang dikaji secara menyeluruh dengan tujuan untuk memperkukuhkannya.

(Soalan No. 33. Sila lihat Jawapan No. 18 pada 12-3-87)

PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR TIMAH (ATPC)

34. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan apa hasilnya mesyuarat ATPC (Association of Tin Producing Countries) baru-baru ini di Kuala Lumpur dan Singapura.

Nyatakan:

- peranan bagi ATPC dan ITC (International Tin Council) untuk menstabilkan Pasaran Timah Dunia; dan
- langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk memastikan Negara Brazil dan Republik Rakyat China akan menjadi ahli ATPC.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):

- Penubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan negara-negara anggota, khususnya melalui bidang penyelidikan dan kemajuan bagi meningkatkan penggunaan timah dan juga supaya memperolehi pulangan yang berpatutan dari perusahaan melombong timah. Dalam keadaan pasaran timah dunia yang lembab seperti sekarang ini, APTC sentiasa berusaha mendapatkan kerjasama dari negara-negara anggota dan bukan anggotanya untuk memulihkan pasaran timah antarabangsa, khususnya mengenai langkah mengurangkan lebihan stok yang masih menjadi masalah utama pasaran itu.

Rundingan di antara Menteri negara-negara pengeluar timah ASEAN anggota ATPC yang telah diadakan di Singapura pada 9 Januari, 1987 merupakan sebagai satu usaha membuka

jalan ke arah mencapai persetujuan di dalam ATPC untuk melaksanakan rancangan tindakan bersama. Seterusnya di mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ATPC yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada penghujung bulan Januari, 1987, persetujuan telah dicapai supaya ATPC mengenakan kawalan eksport bagi mengurangkan kemasukan timah ke dalam pasaran. Tindakan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan lebihan stok yang dianggarkan sebanyak 81,000 tonne di dalam pasaran buat masa ini pada kadar kira-kira 22,000 tonne setahun bagi tempoh 2½ tahun akan datang. Dalam tempoh tersebut tindakan bersama itu dijangka dapat mengurangkan bekalan timah di dalam pasaran kepada kira-kira 20,000 tonne yang merupakan satu paras yang normal. Rancangan ATPC ini akan berkuatkuasa bagi tempoh satu tahun mulai 1 Mac 1987 dan bagi tempoh tersebut, negara-negara anggota ATPC hanya dibenarkan mengeksport 96,000 tonne timah sahaja.

Tindakan bersama oleh negara-negara anggota ATPC ini adalah diperlukan memandangkan bahawa Majlis Timah Antarabangsa (ITC) telah pun menggantungkan operasi stok penimbal dan kawalan eksportnya yang timbul akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh Majlis tersebut.

- (b) ATPC sentiasa berusaha menggesa negara-negara pengeluar timah yang belum lagi menganggotai ATPC supaya berbuat demikian. Buat masa ini usaha-usaha ditumpukan kepada Brazil dan Republik Rakyat China oleh

kerana kedua-dua negara tersebut merupakan pengaruh yang tidak kurang pentingnya di dalam pasaran timah. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa kedua-dua negara berkenaan telah pun menghantar wakil-wakil mereka sebagai pemerhati ke beberapa mesyuarat ATPC, kedua-duanya di peringkat pegawai dan menteri. Di samping itu, mereka juga telah menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha ATPC untuk memulihkan pasaran timah antarabangsa dengan kesediaan menghadkan eksport timah mereka ke paras eksport tahun 1986 bagi tempoh rancangan tersebut. Ini merupakan satu petanda baik dan merangsangkan negara-negara anggota ATPC untuk meneruskan usaha, sama ada melalui dua hala atau sebagainya, untuk menggesa kedua-dua negara tersebut menjadi ahli ATPC. Keputusan muktamad, walau bagaimanapun, terletak di tangan kedua-dua buah negara berkenaan.

PEMERIKSAAN LANDASAN KERETAPI

35. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada tindakan-tindakan seperti mengadakan pemeriksaan dan pemeliharaan landasan keretapi yang lebih kerap dijalankan untuk mencegah berlakunya sekali lagi kes kegelinciran keretapi penumpang seperti mana yang berlaku di Sengkang.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap keselamatan semasa mengendalikan perkhidmatan tren-trennya dan mengambil semua langkah yang perlu

untuk menentukan bahawa semua tren berjalan dengan selamat di seluruh rangkaianannya. Landasan adalah diperiksa setiap hari oleh pasukan peronda dengan menggunakan sebuah jentera pemeriksa dan perekot landasan untuk memerhatikan apa-apa kerosakan dan kecacatan pada landasan keretapi. KTM sedang menambahkan kerja-kerja meletak semula dan menguatkan landasan serta kerja-kerja penyelenggaraan dan dengan ini diharap bilangan kegelinciran akan berkurangan.

PERKARA 167 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN— MEMANSUHKAN

36. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan Perkara 167 Perenggan 7 Perlembagaan Persekutuan memandangkan pada hakikat bahawa ianya adalah satu perjanjian kolonial sebelum merdeka yang ketinggalan zaman. Jika tidak, kenapa.

Dato' Oo Gin Sun: Sehingga sekarang perkara ini telah berjalan dengan baik dan dengan itu tidak ada sebab mengapa Perkara 167 Perenggan 7 Perlembagaan patut dimansuhkan.

PENDATANG HARAM— KEMASUKAN

37. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Malaysia dan Indonesia telah menggariskan satu strategi bersama bagi menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram dari Indonesia ke negara ini memandangkan akan seriusnya masalah-masalah yang ditimbulkan oleh pendatang-pendatang haram tersebut di negara ini dan jika tidak, nyatakan sebab-sebab kegagalan dalam hal ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Masalah pendatang tanpa izin dari Indonesia telah dibincang dengan pihak Indonesia semasa lawatan Presiden negara itu ke Malaysia baru-baru ini. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk membantu dalam mengatasi masalah pendatang tanpa izin dari Indonesia. Kedua-dua pihak juga telah bersetuju untuk mengadakan perundingan lanjut dengan tujuan mengwujudkan langkah-langkah baru, jika perlu.

Di samping itu, langkah-langkah tegas ke atas pendatang tanpa izin dari Indonesia yang dikesan di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri juga sedang memperketatkan lagi rondaan dan pengawasan di kawasan perairan Malaysia dan sempadan bersama antara Malaysia/Indonesia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain jabatan yang berkaitan.

MENDERMA DARAH

38. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam menggalakkan lebih ramai orang menderma darah hasil dari projek utama yang dilancarkan di Hospital Besar Pulau Pinang pada 1hb Februari, 1987 dan insentif-insentif yang ditawarkan.

Dato' K. Pathmanaban: Keistimewaan yang sedia ada untuk penderma-penderma darah ialah rawatan pesakit luar percuma dan kecualian dari caj-caj rawatan dan caj-caj wad dalam kelas dua berdasarkan kepada kelayakan mereka. Selain itu Kementerian Kesihatan juga sentiasa mengadakan kempen untuk menggalakkan lebih ramai lagi orang menderma darah. Usaha ini telah dijalankan di Hospital Besar Pulau Pinang sejak 1hb Februari, 1987 di mana penderma-penderma darah diberi keutamaan ketika mendapatkan

perkhidmatan di kaunter pendaftaran dan di bilik pemeriksaan doktor, Jabatan Pesakit Luar.

Perlu dinyatakan projek ini baru sahaja dimulakan dan adalah terlalu awal untuk menilai faedah mengenainya.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG—SASARAN KAJIAN

39. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa Kerajaan menetapkan tahun 1990 bagi Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menunjukkan prestasinya dan jika gagal ia akan ditutup seperti dinyatakan oleh Ketua Pengarah Encik Khalid Hussin pada 23-12-86 di Seremban semasa merasmikan pembukaan Persidangan Agung tahunan LPP Negeri Sembilan yang ketiga. Apakah ini bermakna LPP yang ditubuhkan dalam tahun 1973 tidak berfungsi dengan sempurna dan mengapakah Kerajaan mengambil masa 13 tahun sebelum menyedari bahawa LPP tidak berdikari self-reliant.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kerajaan menetapkan tahun 1980 sebagai sasaran kajian semula prestasi LPP dalam masa lima tahun 1986-1990 sepertimana yang sering dikenakan kepada lain-lain Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dari semasa ke semasa. Ini adalah langkah Kementerian Pertanian untuk memperbaiki lagi kecekapan dan kekesanan Jabatan Agensi di bawahnya selaras dengan program peningkatan produktiviti Kerajaan. Ketua Pengarah LPP tidak menyebutkan soal pembubaran LPP dan apa yang dilaporkan oleh surat khabar adalah liputan yang salah mengenai kenyataannya semasa merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan 23-12-1986.

LPP semenjak tahun 1973 telah melaksanakan tugasnya sebagai pendaftar pertubuhan-pertubuhan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama asastani dan sebagai pembangun kemajuan ekonomi dan sosial pertubuhan-pertubuhan peladang dengan berkesan. Sebenarnya yang dikatakan sebagai tidak berdikari bukannya LPP, tetapi adalah pertubuhan-pertubuhan peladang. Selepas tiga belas tahun LPP berusaha bukan semua pertubuhan-pertubuhan peladang yang boleh berdikari dengan sepenuhnya. Ini adalah oleh kerana membangunkan kemajuan ekonomi dan sosial pertubuhan peladang adalah satu tugas pembangunan kemanusiaan "human development" yang rumit dan memakan masa yang panjang.

PERBINCANGAN MALAYSIA— INDONESIA—HUBUNGAN

40. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan persefahaman yang telah dicapai dalam perbincangan di antara Malaysia—Indonesia baru-baru ini mengenai:

- (a) apakah usaha-usaha positif kedua-dua buah negara (Malaysia—Indonesia) bagi menjadikan rantau Asia bebas dari senjata Nuklear.
- (b) apakah usaha-usaha positif bagi menyelesaikan masalah demi kepentingan keamanan rantau ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan Indonesia tidak sahaja mempunyai hubungan dan kerjasama yang rapat dalam bidang duahala, tetapi telah banyak juga bekerjasama dalam menjalankan usaha-usaha untuk menjamin kestabilan serantau dan keamanan dunia. Beberapa inisiatif tertentu telah diambil oleh kedua-dua buah negara.

Dalam pada itu juga banyak perbincangan dan pertukaran pendapat telah diadakan di antara pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara mengenai isu-isu politik dan keamanan dunia bukan sahaja di peringkat duahala, malah juga bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Ini termasuklah perbincangan yang telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto ketika pemimpin Indonesia itu melawat Malaysia baru-baru ini. Semasa lawatan tersebut saya telah juga berkesempatan untuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat saya dari Indonesia mengenai soal-soal kepentingan bersama.

Malaysia dan Indonesia berpendapat bahawa satu daripada langkah-langkah positif yang dapat diambil oleh negara-negara di benua Asia untuk mencapai keamanan dunia adalah di dalam bidang gencatan senjata, terutamanya langkah untuk menghapuskan senjata nuklear. Satu-satunya cadangan ke arah ini ialah idea untuk mempelopori pengisytiharan rantau Asia Tenggara sebagai sebuah zon bebas dari senjata nuklear. Cadangan ini adalah di antara beberapa cadangan yang telah diutarakan oleh negara-negara yang cintakan keamanan di beberapa rantau di dunia. Misalnya cadangan zon bebas senjata nuklear ini memang wujud di beberapa rantau di dalam benua Asia. Pada masa ini cadangan mengujudkan zon bebas dari senjata nuklear di Asia Tenggara sedang dalam proses pengkajian oleh negara-negara di rantau ini terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN. Di dalam pertemuan saya dengan Menteri Luar Indonesia baru-baru ini kami telah bersetuju supaya kajian ini diteruskan lagi agar idea yang telah ditukarkan itu dapat dijadikan suatu kenyataan di masa yang akan datang.

Dalam usaha pencapaian keamanan serantau memang banyak terdapat masalah dan rintangan yang harus diatasi. Di dalam hal ini, Malaysia dan Indonesia seperti juga negara-negara ASEAN yang lain mempunyai banyak pendapat yang sama tentang isu-isu tertentu. Antara usaha-usaha yang telah diambil demi kepentingan dan keamanan serantau adalah pengujudan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) di Asia Tenggara. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain berazam dan menyokong penuh usaha-usaha yang diambil untuk menjadikan ZOPFAN suatu kenyataan. Di samping itu Malaysia dan Indonesia bersependapat bahawa soal Kampuchea hendaklah diselesaikan melalui suatu penyelesaian politik yang kekal bagi menjamin keamanan di rantau Asia Tenggara. Dengan adanya keadaan ini dapatlah negara-negara di rantau ini menumpukan perhatian mereka kepada soal-soal pembangunan demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat masing-masing.

LAPORAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN 1962

41. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan penyelewengan, perubahan dan pemindaan syarat-syarat di dalam Jawatankuasa antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report) apabila Sabah menyertai Malaysia dalam tahun 1963 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi kepentingan rakyat Sabah serta langkah-langkah untuk melanjutkan kemerosotan laporan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Kerajaan tidak pernah menyeleweng dalam melaksanakan perkara-perkara yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report) 1962 iaitu salah satu perkara yang

termetri dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963. Dalam hubungan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan juga Sarawak adalah sentiasa dirundingi bersama bagi mendapatkan sebarang pandangan dan persetujuan ke atas perkara-perkara yang hendak dilaksanakan.

Mengenai kepentingan rakyat Negeri Sabah, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mengadakan peruntukan-peruntukan khas untuk melindungi kepentingan rakyat Negeri Sabah dan juga Sarawak. Di samping itu, berbagai-bagai tindakan yang bercorak pentadbiran yang diambil oleh Kerajaan dari semasa ke semasa untuk tujuan yang sama, dengan kerjasama dari kedua-dua Kerajaan Negeri itu.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH

42. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapa lesen sementara telah dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan kepada Are Sdn. Bhd. walaupun syarikat tersebut langsung tidak mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian yang termeteri pada 30-12-1983, dan apakah ARE Sdn. Bhd. telah menandatangani sebarang perjanjian dengan Kerajaan sebelum lesen sementara itu dikeluarkan. Bolehkah Kerajaan mengumumkan perjanjian tersebut kalau ada. Kalau tidak boleh, berikan sebab-sebabnya. Nyatakan sama ada buangan-buangan radioactive itu akan dihantar balik ke Jepun. Kalau tidak, berikan sebab-sebabnya.

Tuan Kasitah Gaddam: Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah menerima permohonan lesen dari Syarikat Asian Rare Earth pada awal tahun 1986. Setelah diteliti

permohonan tersebut, Lembaga ini mendapati bahawa langkah-langkah keselamatan yang sedia ada dan yang akan dilaksanakan kelak oleh Syarikat Asian Rare Earth tersebut dapat menjamin bahawa operasi syarikat itu adalah selamat dan tidak akan mengancam keselamatan sama ada pekerja-pekerjanya ataupun masyarakat umum, khususnya penduduk-penduduk di kawasan Lembah Kinta. Adalah menjadi amalan Lembaga ini untuk mengeluarkan lesen sementara bagi aktiviti-aktiviti yang sama seperti aktiviti Syarikat Asian Rare Earth tersebut, sebelum lesen pengendalian penuh (full operating licence) dikeluarkan. Langkah ini diambil untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Lembaga ini dipatuhi dan sekiranya mana-mana peraturan tidak dipatuhi lesen sementara tersebut akan ditarik balik pada bila-bila masa oleh Lembaga ini.

Pengeluaran lesen sementara oleh Lembaga ini tidaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri Perak dengan Syarikat Asian Rare Earth tersebut yang termeteri pada 30-12-1983 yang lalu. Ini ialah kerana perjanjian tersebut hanya menyenaraikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Perak sekiranya Syarikat Asian Rare Earth membina "repository" di satu kawasan di Papan, sedangkan rancangan untuk membina "repository" di Papan tersebut telah dibatalkan dan satu kawasan lain di Banjaran Kledang telah dikenalpasti.

Bahan buangan radioaktif thoria hidrokksida yang dihasilkan oleh syarikat itu tidak akan dihantar balik ke Jepun. Ini adalah kerana bahan tersebut mempunyai potensi untuk kegunaan komersial di masa akan datang. Atas sebab-sebab inilah yang keputusan telah dibuat untuk

menyimpan bahan thoria tersebut supaya ianya boleh diambil kembali bila-bila masa diperlukan.

**SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN (TAMIL)
YMHA/LADANG KINTA
KELLAS—PENUKARAN**

43. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada SRJK (T) YMHA di Taiping, Perak dan SRJK (T) Kinta Kellas Estate, Batu Gajah Perak telah ditukar bahasa pengantarnya dari bahasa Tamil ke Bahasa Malaysia. Jika ya, bilakah penukaran ini dilakukan dan mengapa ia dilakukan; sama ada sebarang bantahan terhadap penukaran ini telah diterima oleh Kementeriannya, jika ya, siapakah yang membuat bantahan-bantahan itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penukaran SRJK (T) YMHA, Taiping, Perak dan SRJK (T) Ladang Kinta Kellas, Batu Gajah, Perak menjadi Sekolah Kebangsaan adalah di atas permintaan ibu bapa murid-murid dan Lembaga-lembaga Pengurus sekolah-sekolah terlibat. Kementerian Pelajaran tidak ada menerima bantahan dari mana-mana pihak terhadap penukaran itu.

**BANK KERJASAMA PUSAT
(CCB)—SIASATAN**

44. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapa suatu Siasatan Awam tidak ditubuhkan untuk memeriksa dengan mendalam penyalahgunaan kuasa dan kecuai Bank Kerjasama Pusat (BKP) oleh pegawai-pegawai dan kakitangannya seperti yang dinyatakan oleh pengerusinya Datuk Dr Nik Hussein Abdul Rahman dan memberikan jumlah pinjaman yang lapuk yang ditimpa oleh BKP.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Siasatan Awam tidak wajar dijalankan di dalam kes ini oleh kerana Bank Kerjasama Pusat bukanlah sebuah perbadanan awam. Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia telah menjalankan siasatan ke atas BKP dan hasil siasatan telah disampaikan kepada Lembaga BKP. Lembaga BKP pula telah mengambil segala tindakan yang wajar.

Berhubung dengan jumlah pinjaman yang lapuk tertimpa ke atas BKP, jumlahnya tidak boleh ditentukan lagi oleh kerana pinjaman-pinjaman masih dalam tempoh bayaran balik. Pihak BKP mengambil segala langkah perlu memastikan pinjaman yang diberi dapat dikutip semula.

TANAH TERBIAR

45. **Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah kedudukannya mengenai masalah tanah terbiar dan sejauh mana pihak agensi yang berkaitan berjaya memulihkan tanah terbiar.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Untuk makluman Yang Berhormat, satu kajian telah dibuat dan mendapati (2,274 buah kampung mundur yang mengandungi) ada tanah-tanah milik yang terbiar dengan keluasan lebih kurang 569,132 hektar.

Sehingga ini FELCRA sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang bertanggungjawab memulihkan tanah-tanah terbiar telah menjalankan peranannya pada tahap yang amat memuaskan. Misalnya dalam tahun 1985 dan 1986 FELCRA telah berjaya memulihkan 67,953 hektar tanah terbiar iaitu 98%

daripada matlamat yang diperuntukkan (matlamat 69,000 hektar).

Untuk makluman Yang Berhormat juga FELCRA akan meneruskan usahanya sehinggalah masalah tanah terbiar ini akan dapat diatasi.

SISTEM INTERNAL TV CONTROL

46. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah Kerajaan melancarkan satu sistem untuk mengadakan "Internal TV Control" yang boleh dimonitor oleh setiap Ketua Jabatan untuk mengawasi dan meningkatkan perkhidmatan di semua Jabatan-jabatan Kerajaan yang dianggap sebagai Pusat Perkhidmatan kepada rakyat misalnya seperti Pejabat Pos, Pejabat Kastam, Pejabat Imigresen, Jabatan Hospital dan sebagainya.

Tuan Kasitah Gaddam: Soal peningkatan perkhidmatan di Jabatan-jabatan Kerajaan kepada orang awam seperti di Pejabat-pejabat Pos, Kastam, Imigresen, Hospital dan sebagainya adalah merupakan satu keutamaan dalam kempen yang dijalankan oleh Kerajaan. Berasaskan kepada beberapa kajian yang dijalankan, di antara sebab-sebab yang menjejaskan perkhidmatan yang baik adalah:

- (i) pengurangan ruang pejabat serta kemudahan-kemudahan asas;
- (ii) sistem penyimpan rekod;
- (iii) sistem kerja dan pengagihan beban kerja;
- (iv) sikap kakitangan; dan
- (v) pengawasan.

Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi mengadakan "Internal TV Control" di pejabat-pejabat yang memberi perkhidmatan kepada rakyat seperti yang tersebut

adalah baik. Walau bagaimanapun dari segi kos dan keutamaannya, cadangan itu adalah dianggap kurang praktikal. Perbelanjaan-perbelanjaan untuk membiayai "internal TV control" itu adalah lebih wajar ditumpukan bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan seperti ruang pejabat, sistem penyimpan rekod, kemudahan-kemudahan menunggu untuk orang awam dan penggantian alat-alat pejabat yang lain yang lebih kritikal seperti mesin taip, mesin penyalin dan sebagainya.

Pengawasan kakitangan boleh dijalankan dengan cara langsung di mana Ketua Jabatan sendiri melawat dan memerhati dari masa ke masa perjalanan kakitangannya. Cara ini adalah lebih sempurna dan berkesan.

HUKUMAN SEBAT—KENYATAAN AHLI PARLIMEN PULAI

47. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pihak polis mengambil masa yang begitu lama untuk bertindak ke atas laporan polis yang dibuat terhadap Ahli Parlimen Pulaui, Datuk Mohamad Rahmat kerana mengeluarkan kenyataan supaya rakyat bukan oumiputera juga mesti dikenakan hukuman sebat di bawah undang-undang syariah dan tidaklah Menteri sedar bahawa kenyataan itu telah menimbulkan rasa marah dan tidak puashati sebahagian besar rakyat bukan bumiputera dan juga mengeruhkan suasana harmoni rakyat Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah menerima laporan kes ini pada 30-1-1987 melalui laporan polis No. 425/87 di Balai Polis Melaka Tengah dan No. 497/87 di Balai Polis Brickfields, Kuala Lumpur. Kes tersebut sekarang masih dalam siasatan. Sekiranya ada bukti-bukti

yang cukup maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mendakwanya kelak.

FELDA DI SABAH— PEMBANGUNAN

48. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah luas tanah yang diberi oleh Kerajaan Sabah kepada FELDA dan kedudukan tanah-tanah yang telah diberi;
- (b) jumlah luas tanah yang diambil atau akan diambil oleh Kerajaan Sabah untuk FELDA dan jumlah pampasan yang dibayar sehingga kini;
- (c) jumlah pekerja-pekerja yang berada di beberapa tanah FELDA dan pendapatan bulanan mereka; dan
- (d) sama ada setengah-setengah tanah bersendirian di Lahad Datu telah diambil oleh Kerajaan Sabah tanpa pampasan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan kepada FELDA kawasan seluas 181,209 hektar. Sehingga kini seluas 57,579 hektar telah dan sedang dimajukan.
- (b) Tanah bermilik yang diambil alih oleh Kerajaan Sabah untuk FELDA setakat ini seluas 6451.9 ekar (2,611 hektar) melibatkan pembayaran pampasan berjumlah \$1,244,165.33.
- (c) Semua kerja pembangunan FELDA di Sabah dijalankan secara kontrak. Keperluan tenaga pekerja dan pembayaran upah adalah tanggungan pemborong. Dianggarkan

seramai 4,000 orang pekerja berada di tanah FELDA. Pendapatan mereka antara \$8.00—\$15.00 sehari bergantung kepada jenis pekerjaan dan keupayaan mereka bekerja.

- (d) Yang Berhormat, perlu ditegaskan di sini, tidak ada tanah bersendirian di Lahad Datu yang diambil alih oleh FELDA tanpa pampasan.

PASARAN HARTANAH

49. Tuan Adam bin Abdul Kadir minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan pasaran hartanah sangat lemah, apakah langkah-langkah sihat yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan bayaran yang dikenakan kepada pemaju-pemaju terhadap Perintah Pembangunan atau Development Order dan juga bayaran-bayaran lain yang lazimnya dikenakan kepada pemaju-pemaju.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Langkah-langkah yang sedang dan telah diambil oleh Kerajaan untuk menolong pemaju-pemaju mengatasi masalah pasaran hartanah yang sangat lemah dan meleset adalah dari segi bayaran-bayaran seperti berikut:

- (i) Bayaran Caj Pembangunan;
- (ii) bayaran "Improvement Service Fund" (ISF) bagi jalan dan perparitan; dan
- (iii) bayaran Deposit Runtuhan.

Pada masa-masa sebelum kemelesetan ekonomi, Caj Pembangunan yang dikenakan kepada setiap pemaju adalah dengan kadar seperti berikut:

- (i) Bagi luas lantai perdagangan yang melebihi nisbah plot yang dibenarkan, adalah pada kadar

\$4.00 dan \$6.00 (dalam pusat bandar) untuk setiap kaki persegi;

- (ii) Bagi penukaran zon gunatanah/zon ketumpatan, pihak pemaju dikenakan bayaran 30% daripada nilai kenaikan harga tanah akibat daripada penukaran zon tersebut; dan
- (iii) Bagi kekurangan peruntukan ruang letak kereta, setiap satu (1) ruang letak kereta yang tidak disediakan, pemaju dikehendaki membayar \$15,000.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua bayaran ini dikehendaki dijelaskan oleh pemohon/pemaju sebelum Perintah Pembangunan dikeluarkan.

Prosedur bayaran ini telah diubahsuai pada bulan Ogos, 1985 di mana pihak pemaju dikehendaki membayar Caj Pembangunan tersebut dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Perintah Pembangunan dikeluarkan. Pada 23 Oktober 1985, Kerajaan telah membuat keputusan yang baru, iaitu bagi pembayaran-pembayaran Caj pembangunan yang melebihi \$25,000.00 pemohon dibenarkan membayar secara ansuran. Akan tetapi pihak pemohon adakah dikehendaki menjelaskan bayaran 10% daripada jumlah caj tersebut dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Perintah Pembangunan dikeluarkan dan bakinya bolehlah dibayar dalam tempoh 2 tahun dengan kadar faedah yang telah diturunkan daripada 14% kepada 10% sahaja.

Memandangkan keadaan kelembapan dan kemelesetan ekonomi ketika ini, Kerajaan telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membuat kajian semula mengenai perkara ini. Sehubungan itu, pada

19 Disember 1986, Kerajaan telah memutuskan bahawa untuk semua bayaran Caj pembangunan secara ansuran dikecualikan daripada dikenakan sebarang faedah. Di samping itu, tempoh bayaran ansuran yang perlu dijelaskan, juga telah dipanjangkan daripada 2 tahun kepada tarikh sebelum Sijil Kelayakan dikeluarkan.

Bayaran "Improvement Service Fund" (ISF) bagi jalan dan Perparitan, adalah juga salah satu langkah sihat Kerajaan untuk mengurangkan bebanan bayaran yang dikenakan kepada pemaju-pemaju terhadap Perintah Pembangunan. Bayaran ini dikenakan adalah mengikut peruntukan di bawah seksyen 132, Akta Jalan, Perparitan dan Bangunan 1974. Pada masa-masa yang lepas, kadar bayaran ISF yang dikenakan adalah sepertimana berikut:

(i) *Kadar Bayaran ISF (Jalan)*

- (a) \$500.00 bagi setiap unit kediaman yang dicadangkan.
- (b) \$500.00 bagi setiap 1,000 kaki persegi luas lantai perdagangan atau perindustrian.

(ii) *Kadar Bayaran ISF (Perparitan)*

- (a) \$5,000.00 bagi setiap satu ekar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran tersebut adalah dikehendaki dijelaskan oleh pemaju/pemohon sekaligus sebelum pelan bangunan diluluskan.

Oleh yang demikian, bagi meringankan bebanan pemaju-pemaju mengatasi masalah kemerosotan ekonomi, Kerajaan telah bersetuju bahawa kesemua bayaran I.S.F. (Jalan dan Perparitan) boleh dibayar secara ansuran tanpa dikenakan sebarang

faedah. Bayaran ansuran ini hendaklah dijelaskan sebelum Sijil Kelayakan dikeluarkan.

Kadar-kadar Bayaran Deposit runtuh juga telah dikurangkan oleh Kerajaan mengikut jadual yang dinyatakan di bawah ini; bermula daripada 10 September, 1986;

(i) *Kadar Deposit Runtuhan*

- (a) Rumah Teres: Kadar biasa ialah \$500.00 seunit telah dikurangkan kepada \$250.00 seunit.
- (b) Rumah Pangsa: Kadar biasa \$500.000 seunit telah dikurangkan kepada \$100.00 seunit.
- (c) Perdagangan: Kadar biasa \$0.30 sen telah dikurangkan kepada \$0.10 sen telah dikurangkan kepada \$0.10 sen setiap kaki persegi.

Di samping itu, had maksima bagi Bayaran Deposit Runtuhan ini telah juga dikurangkan daripada \$100,000.00 kepada hanya \$20,000.00 di mana separuh daripadanya dibayar dengan wang tunai, manakala bakinya boleh dibayar secara jaminan bank.

Sebagai rumusan, kelonggaran dan kemudahan yang dinyatakan tadi, diberikan kepada pemaju/pemohon memandangkan kepada keadaan ekonomi yang meleset dan lembab sekarang ini. Kemudahan-kemudahan ini juga akan dikaji dari masa ke semasa untuk menyesuaikan dengan keadaan pertumbuhan ekonomi negara.

**SEKOLAH AGAMA MAAHAD—
AMBIL ALIH**

50. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian tidak bercadang untuk mengambilalih sepenuhnya semua Sekolah-sekolah Maahad di seluruh negara yang pengambilan

murid-muridnya hampir keseluruhan dari mereka yang mempunyai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan penilaian, sebagai sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah-sekolah Agama Maahad adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengambilalih sekolah-sekolah ini, kerana perkara ini bergantung kepada persetujuan Kerajaan Negeri masing-masing.

CUKAI JALAN

51. Dato Mohamed bin Rahmat minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah Kerajaan bercadang menghapuskan cukai jalan bagi kenderaan di seluruh Semenanjung menimbangkan cukai tersebut bertujuan mencari hasil membina dan menyenggara jalan dan mengingatkan bahawa Kerajaan sudah pun mengenakan "tol" bagi hampir seluruh jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya ingin menjelaskan bahawa kutipan pembayaran lesen kenderaan motor atau "cukai jalan" bukan sahaja bertujuan untuk mencari hasil bagi membina dan menyelenggarakan jalan raya. Hasil daripada lesen kenderaan motor adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan yang diagih-agihkan oleh Kerajaan untuk membiayai apa juga program kepentingan awam dan juga pembangunan negara.

Selain daripada itu kutipan lesen kenderaan motor ialah untuk membolehkan pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan mengawal selia industri

pengangkutan jalan secara yang lebih berkesan. Misal terdapat beberapa peringkat kadar lesen kereta motor dikenakan kerana kepentingan orang ramai, seperti lesen kereta motor yang rendah untuk pengusaha-pengusaha kenderaan perkhidmatan awam.

Mengenai kutipan "tol" asas-asasnya adalah berlainan mengikut Kementerian Kerja Raya.

POLIKLINIK MAMBANG DIAWAN

52. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan menunaikan janji Perdana Menteri untuk membina sebuah poliklinik di Mambang Diawan. Jawapan seperti "sebaiknya keadaan ekonomi pulih" tidak dapat diterima sebab walau bagaimanapun keadaan ekonomi negara, Kerajaan wajib memberi kemudahan ini kepada penduduk-penduduk di kawasan ini.

Dato' K. Pathmanaban: Kerajaan sememangnya ingin melaksanakan projek poliklinik di Mambang Diawan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Namun demikian, memandangkan peruntukan yang terhad, keutamaan hanya dapat diberi untuk membina kemudahan-kemudahan yang sangat-sangat penting dahulu di kawasan-kawasan yang belum mempunyai apa-apa kemudahan kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mambang Diawan sudah pun mempunyai sebuah klinik desa yang memberi perkhidmatan ke atas rawatan pesakit luar/klinik ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak serta perkhidmatan bersalin.

MAKANAN DAGING BABI BAGI PESAKIT-PESAKIT

53. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada terdapat sebarang peraturan tidak

membenarkan saudara mara pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan dari membawa makanan yang mengandungi daging babi ke dalam ruangan hospital.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan tidak ada sebarang peraturan yang tidak membenarkan saudara mara pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan dari membawa makanan yang mengandungi daging babi ke dalam ruangan hospital.

Bagaimanapun, memandangkan bahawa kebanyakan atendan-atendan hospital yang membasuh pinggan mangkok adalah beragama Islam, pesakit-pesakit disyorkan membasuh pinggan mangkuk sendiri atau membawa balik bekas-bekas sendiri ke rumah jika saudara mara membawa makanan yang mengandungi daging babi.

KAWASAN SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membasmi kawasan-kawasan setingan di Wilayah Persekutuan dan apa langkah-langkah yang diambil untuk memberi gantirugi kepada orang-orang yang terlibat ataupun memberi tempat tinggal yang lain.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dalam usaha Kerajaan membasmi kawasan-kawasan setingan, berbagai usaha telah dan sedang dijalankan seperti pemindahan, pembangunan semula kawasan setingan, memperketatkan langkah kawalan dan penyediaan kemudahan asas kepada setingan yang tidak terlibat dengan projek pembangunan.

Dari segi pembangunan pula, Kerajaan akan membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan yang ada. Buat masa ini Kementerian telah mengenalpasti 12 kawasan untuk dibangunkan, yang melibatkan pembinaan sebanyak 12,223 unit rumah kos murah. Pembinaan rumah-rumah ini sedang dilaksanakan secara penswastaan. Ini adalah merupakan tambahan kepada 12,634 unit rumah yang sedang dalam proses pembinaan, dan dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Selain daripada itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyiapkan pembinaan lebih kurang 4,000 unit rumah kos murah di Bandar Baru Wangsa Maju.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak memberi apa-apa gantirugi dalam bentuk wang tunai kepada setinggan-setinggan yang terlibat. Walau bagaimanapun, untuk meringankan beban mereka yang terlibat dalam projek-projek penswastaan Kementerian Wilayah Persekutuan, pihak pemaju sedia memberi beberapa kemudahan seperti pengangkutan percuma, sewa percuma dan bayaran tambang bas sekolah semasa penempatan sementara.

Selain daripada itu, setinggan-setinggan yang terlibat diberi

keistimewaan membeli rumah-rumah dengan harga yang paling murah. Mereka yang tidak mampu membeli akan diberi peluang menyewa di projek-projek perumahan yang baru ataupun rumah panjang kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi setinggan-setinggan yang menduduki tanah perseorangan, terpulang kepada tuan tanah untuk menguruskannya.

RUMAH KOS RENDAH/ SEDERHANA/MEWAH

55. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah jumlah rumah-rumah kos rendah, kos sederhana dan kos mewah yang diperlukan serta yang sedia ada dibina bagi 5 tahun yang lampau dan bagaimana pula jangkannya bagi 5 tahun yang akan datang. Dapatkah nisbah target yang diperlukan dan yang ada dibina diperbaiki dan apa usaha-usaha ke arah ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Jumlah rumah yang telah dibina oleh pihak swasta, persendirian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tempoh 5 tahun, iaitu (1981—1986) adalah seperti berikut:

<i>Jenis Rumah Mengikut kos</i>	<i>Dibina oleh</i>		
	<i>Swasta/ Persendirian</i>	<i>DBKL</i>	<i>Jumlah</i>
Kos Rendah	4,367	22,073	26,440
Kos Sederhana	4,458	—	4,458
Kos Tinggi	18,700	543	19,243
Jumlah ..	27,525	22,616	50,141

Mengikut statistik permohonan pembeli rumah berdasarkan pendaftaran terbuka di Jabatan Pengurusan Perumahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah permohonan untuk membeli rumah sehingga bulan Disember 1986 ialah:

<i>Kos Rumah</i>	<i>Jumlah Permohonan</i>
Kos Rendah	9,131
Kos Sederhana	43,965
Kos Tinggi	640
	<hr/>
Jumlah	53,736

Seterusnya, jumlah permohonan untuk menyewa rumah sehingga bulan Disember 1986 ialah 34,970 orang. Dengan ini keseluruhan jumlah permohonan, sama ada untuk menyewa atau membeli, ialah sebanyak 88,706.

Mengikut Pelan Struktur Kuala Lumpur, jangkaan keperluan rumah-rumah bagi 5 tahun yang akan datang ialah 68,100 unit. Oleh hal yang demikian, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan DBKL telah dan sedang menjalankan beberapa usaha untuk mencapai matlamat ini. Di antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Dengan mengenakan syarat peruntukan 30% rumah kos rendah di dalam arahan pembangunan (D.O.) bagi projek-projek perumahan swasta;
- (ii) Melaksanakan projek perumahan secara usahasama penswastan;
- (iii) Melaksanakan projek perumahan secara pasangsiap/atau "Sistem Construction"; dan
- (iv) Bagi mengatasi masalah kekurangan peruntukan kewangan yang diberi oleh

Kerajaan untuk projek-projek perumahan, maka Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sedang berusaha untuk menggunakan alternatif lain bagi mendapatkan sumber kewangan melalui institusi-institusi kewangan swasta.

OFFICE SPACE—TARGET DIPERLUKAN

56. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah jumlah "office space" yang diperlukan dan berapa pula yang sedia ada bagi tahun 1981 hingga 1986 serta jangkaan bagi 5 tahun yang akan datang. Dapatkah nisbah target yang diperlukan dan yang ada dibina diperbaiki dan apa usaha-usaha ke arah ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kerajaan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur telah membuat jangkaan keperluan penggunaan lantai pejabat dan lain-lain kegunaan perdagangan untuk setiap tempoh 5 tahun, iaitu tahun 1980 hingga 2000. Keperluan ruang lantai perdagangan untuk kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 1980 hingga 1985, Pusat Bandar Kuala Lumpur memerlukan 46 juta kaki persegi ruang lantai perdagangan di mana 31 juta kaki persegi adalah untuk ruang lantai pejabat. Pada tahun 1990, Pusat Bandar Kuala Lumpur dijangka memerlukan 58.5 juta kaki persegi ruang lantai perdagangan, di mana 43.3 juta kaki persegi daripadanya untuk ruang lantai pejabat. Pada tahun 2000 pula, Pusat Bandar

Kuala Lumpur dijangka memerlukan 91.4 juta kaki persegi ruang lantai perdagangan di mana 70.9 juta daripadanya adalah untuk ruang lantai pejabat; dan

- (ii) Jumlah ruang lantai perdagangan yang sedia ada di Pusat Bandar secara keseluruhannya sekarang ini ialah 66.4 juta kaki persegi. Daripada jumlah tersebut, 36.6 juta kaki persegi adalah untuk ruang lantai pejabat.

Pada tahun-tahun 1981 hingga tahun 1986, jumlah ruang lantai perdagangan yang telah siap dibina serta mendapat Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (DF) adalah 24 juta kaki persegi. Daripada jumlah ini sebanyak 11.6 juta kaki persegi adalah untuk ruang lantai pejabat yang terletak di kawasan Pusat Bandar. Berdasarkan kepada keperluan ruang lantai pejabat sehingga tahun 1990 iaitu 43.3 juta kaki persegi, ini bermakna ruang lantai pejabat yang sedia ada, belum mencapai keperluan tersebut.

Akan tetapi, terdapat juga kelulusan-kelulusan perancangan yang telah diberikan untuk pembangunan pejabat-pejabat di kawasan ini pada tahun-tahun sebelumnya, tetapi masih dalam peringkat pembinaan. Oleh itu, jika dijumlahkan keseluruhan ruang lantai pejabat pada peringkat ini, maka sudah tentulah jumlahnya akan melebihi keperluan sehingga tahun 1990. Kelebihan ruang lantai itu adalah sebanyak lebih kurang 1 juta k.p. (44.3 juta k.p. tolak 43.3 juta k.p.). Menyedari hakikat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada awal tahun 1986 telah mengambil langkah untuk membekukan kelulusan permohonan perancangan bagi projek-projek bangunan pejabat berbilang tingkat di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

PERISTIWA DI BALAI POLIS KOTA BHARU

57. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menerangkan mengenai peristiwa 143 orang keturunan Cina ditahan dan dibawa balik ke Balai Polis Kota Bharu dan diambil gambar mereka bersama dengan seolah-olah mereka adalah penjenayah pada 8-2-1987 dan menyatakan:

- (a) siapakah yang memberi arahan tersebut;
- (b) sama ada pihak berkenaan meminta maaf kepada orang-orang tersebut yang tidak bersalah itu;
- (c) apakah tindakan disiplin telah atau akan diambil terhadap pegawai polis yang mengeluarkan arahan itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Arahan untuk melakukan operasi dan mendokumentasikan tangkapan tersebut telah dibuat oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab pihak polis mengambil tindakan sedemikian dalam sesuatu operasi mencegah jenayah. Oleh itu soal meminta maaf tidak timbul.
- (c) Tidak.

PERPUSTAKAAN NEGARA— KOLEKSI BUKU

58. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama koleksi buku di Perpustakaan Negara dan cawangan-cawangannya akan diperbesarkan untuk memasuki lebih banyak karya-karya dalam Bahasa Mandarin dan Tamil serta sama ada terdapat

personelia yang terlatih di perpustakaan-perpustakaan ini untuk membantu pengguna-pengguna dalam bahasa-bahasa tersebut.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Saya bercadang menjawab pertanyaan ini dengan pertanyaan ahli dari kawasan Bakri, Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng yang dijadualkan pada 18-3-1987.

Di Perpustakaan Negara Malaysia dan cawangan-cawangannya di Wilayah Persekutuan memang telah disediakan bahan bacaan untuk rujukan dan pinjaman dalam Bahasa Mandarin dan Tamil, khususnya yang diterbitkan dalam negara. Bahan bacaan yang disediakan bukan sahaja buku, tetapi juga majalah dan pita kaset untuk mempelajari Bahasa Mandarin dan Tamil. Koleksi ini sentiasa ditambah mengikut peruntukan pembelian buku yang disediakan tiap tahun.

Kakitangan Perpustakaan Negara yang mahir dalam Bahasa Mandarin dan Tamil memang sedia ada dan terdiri dari pegawai-pegawai di peringkat ikhtisas dan kakitangan di peringkat Pembantu Perpustakaan.

Untuk menentukan buku-buku Bahasa Mandarin di katalog dengan betul, Perpustakaan Negara telah juga menganjurkan satu bengkel latihan mengkatalog buku-buku bahasa Mandarin mengikut sistem Pin Yin.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

59. Dr Lim Ann Koon minta Perdana Menteri menjelaskan kawasan luar bandar sepatutnya menerima 2/3 daripada peruntukan pembangunan di bawah Belanjawan 1987. Adakah definisi luar bandar meliputi kawasan

perlombongan, kampung baru, kawasan ladang dan kawasan perumahan bukan Bumiputera. Bolehkah beliau memberi jaminan bahawa peruntukan pembangunan luar bandar akan dibahagikan secara saksama kepada semua kumpulan ethnik yang miskin di luar bandar.

Tuan Kasitah Gaddam: Soal definisi luar bandar tidak penting, yang penting ialah komitmen Kerajaan untuk terus membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat secara keseluruhan menerusi program dan projek seperti kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Berhubung dengan masalah peruntukan pembangunan, Kerajaan sentiasa mengambil kira hasrat semua kaum supaya matlamat perimbangan kaum dan perpaduan dapat dicapai.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—PERUNTUKAN

60. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pelajaran menjelaskan mengapakah peruntukan pembangunan Kolej Tunku Abdul Rahman hanya sebanyak \$15 juta berbanding dengan \$225 juta untuk Institut Teknologi MARA di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan untuk Kolej Tunku Abdul Rahman adalah kurang daripada 1 peratus peruntukan Institut Teknologi MARA. Mengapakah terdapat jurang perbezaan yang besar ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima terdapat cadangan pembinaan 2 kampus cawangan yang akan memerlukan peruntukan sebanyak \$83 juta. Oleh yang demikian baki dari Rancangan Malaysia Kelima keseluruhan akan diagihkan pula kepada 8 Kampus Cawangan dan satu

Kampus Induk di Shah Alam. Dengan itu purata bagi setiap kampus adalah hanya sebanyak \$17 juta sahaja. Ianya hampir sama dengan peruntukan Kolej Tunku Abdul Rahman yang merupakan sebuah pusat pengajian yang telah lama dibina dan keperluan pembangunannya hanya untuk menampung tambahan kepada kemudahan yang sedia ada.

HOSPITAL DAERAH PASIR PUTIH—PENGAMBILAN TANAH RAKYAT

61. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa luaskah tanah milik rakyat yang telah diambil balik untuk dijadikan tapak hospital Daerah Pasir Puteh, berapa banyak wang telah dibelanjakan kerana pengambilan tersebut dan tahun berapa pengambilan itu telah dilakukan, bila projek Hospital Daerah Pasir Puteh ini akan siap.

Cik Teng Gaik Kwan: Kerajaan telah mengambil balik tanah seluas 12.1 hektar untuk tujuan pembinaan Hospital Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Pengambilan balik tanah tersebut melibatkan perbelanjaan \$479,908.00 yang telah dibayar kepada tuan-tuan tanah pada akhir tahun 1978. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenai pembinaan hospital ini memandangkan keadaan kewangan negara sekarang.

DAGING KERBAU

62. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa kerbau merupakan sejenis binatang ternakan yang cekap di dalam mengeluarkan bahan protein daripada bahan

tumbuhan (efficient converter of roughage to protein) dan juga lebih sesuai hidup di dalam iklim negara ini daripada kebanyakan ternakan kacukan yang diimport; adakah Kementerian sedar juga bahawa kajian-kajian yang dibuat mengenainya di Trinidad dan Selatan USA menghasilkan pemasaran buffalo steak dan susu yang bermutu tinggi sehingga kerbau "the Asian Water Buffalo" diisytiharkan sebagai "the US farm animal of the future" oleh akhbar The International Herald Tribune; jika sedar, setakat ini, apakah yang dilakukan untuk mengeksploitasikan sumber asli negara ini dan apakah tahap prestasinya.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Keupayaan kerbau dalam menukarkan bahan makanan kasap (roughage) kepada protein secara lebih efisien dari ternakan ruminan lain memang telah diketahui kian lama. Dari segi pengeluaran daging perkara ini memang tidak boleh dinafikan. Walaupun begitu mengikut hasil penyelidikan dari India dan Pakistan kerbau jenis susu mempunyai had yang tertentu, iaitu keberkesanan prestasi genetiknya tidak boleh diperbaiki lagi walaupun faktor-faktor persekitaran dapat ditingkatkan.

Apa yang terdapat di Malaysia bukanlah "the water buffalo" malahan 98% darinya adalah "swamp buffalo" atau kerbau sawah. Dahulunya kerbau-kerbau ini adalah digunakan untuk membajak, menarik dan secara kebetulan sahaja untuk penghasilan daging. Usaha-usaha yang dijalankan sekarang oleh pelbagai agensi MARDI, UPM dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah untuk mencari satu sistem penternakan yang paling sesuai dalam keadaan yang berubah di mana kawasan ragutan tradisional tidak ada lagi. Di samping itu mutu kebakaan, kadar pembiakan, tahap kesihatan dan prestasi

pertumbuhan sedang diperbaiki dan diperingkatkan melalui kerja-kerja pengembangan penubuhan ladang-ladang pembiakan dan program-program penternakan kerbau tertentu.

PERKHIDMATAN IMAM-IMAM

63. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan tentang sejauh manakah usaha JPM untuk berusaha menyelaraskan perkhidmatan imam-imam seluruh negara kerana mereka terletak di bawah perkhidmatan negeri masing-masing. Bolehkah kumpulan ini disamakan dengan perkhidmatan lain yang tertakluk di bawah kuasa negeri-negeri seperti pentadbiran yang telah lama diselaraskan umpamanya perkhidmatan pegawai-pegawai di Pejabat Daerah di seluruh negara, sungguhpun di bawah bidangkuasa negeri-negeri tetapi pentadbiran dan perkhidmatannya telah diselaraskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusoff bin Haji Mohamed Nor): Imam-imam di negara ini ada dua kategori, satu imam-imam yang merupakan kakitangan Kerajaan dan satu lagi imam-imam bukan kakitangan Kerajaan. Bagi imam-imam yang merupakan kakitangan Kerajaan skim perkhidmatan mereka telah diselaraskan. Imam-imam ini dimasukkan di bawah salah satu skim perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Agama Islam (Kumpulan A), Penolong Pegawai Hal Ehwal Agama Islam (Kumpulan B) atau Pembantu Hal Ehwal Agama Islam (Kumpulan C) mengikut kesesuaian dari segi tanggungjawab dan beban kerja. Ekoran daripada penyelarasan skim perkhidmatan ini semua imam yang di dalam Kumpulan D dinaikkan kepada Kumpulan C.

Dengan penyatuan skim perkhidmatan ini pegawai-pegawai

akan berpeluang memajukan kerjaya mereka dalam berbagai bidang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam dan dengan itu peluang kenaikan pangkat adalah lebih luas.

Dari segi latihan dan pembangunan tenaga manusia pula satu program latihan imam-imam telah disusun dan mula dilaksanakan pada tahun ini oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Program latihan ini adalah untuk semua imam di seluruh negara dan bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan kebolehan dan kecekapan kerja sebagai imam tetapi juga untuk menjadikan imam-imam itu pentadbir masjid yang berkesan dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berjaya.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA—BILIK DARJAH

64. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran dalam mengatasi kekurangan bilik darjah di Sekolah-sekolah Menengah Agama di seluruh Malaysia terutama di Terengganu memandangkan permintaan yang bertambah dari ibu bapa dan apakah rancangan masa depan mengenai sekolah-sekolah Menengah Agama berasrama penuh di Malaysia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kekurangan bilik darjah di Sekolah-sekolah Menengah Agama di seluruh Malaysia, Kementerian Pelajaran telah:

- (i) Mengambil tindakan sementara dengan mengadakan persekolahan dua sidang dan dengan meminjam bangunan sekolah-sekolah lain.

- (ii) Membangunkan bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah yang sedia ada dan membina sekolah-sekolah baru.

Di Terengganu, Kementerian Pelajaran bercadang membina 6 bilik darjah di sekolah Menengah Tok Jering, Kuala Terengganu. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama akan juga dibina di Dungun dan Besut, jika peruntukan kewangan mengizinkan.

MAS—JUALAN SAHAM KEPADA BRUNEI

65. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah MAS terpaksa menjual share-sharenya kepada Kerajaan Brunei.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Kerajaan Persekutuan (dan bukan MAS) telah menjual 35 juta saham dalam Malaysia Airline System Bhd (MAS) bersamaan dengan 10% dari modal dibayar syarikat kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Brunei Investment Agency (BIA) pada tahun 1986.

Kerajaan tidak terpaksa menjual stok tersebut kepada BIA atau pihak lain. Sebaliknya Kerajaan telah menerima beberapa permohonan dari dalam dan luar negeri untuk membeli saham MAS, dan BIA adalah salah satu dari pembeli yang dipilih berasaskan kriteria penjualan.

Penjualan ini adalah sebahagian dari penjualan stok MAS kepada pihak dalam dan luar negeri berikutan dari penswastaaan MAS bertujuan mengurangkan lagi pegangan ekuiti Kerajaan dalam MAS. Penjualan ini juga akan mengeratkan lagi kerjasama di antara Malaysia dengan Negeri Brunei Darussalam dan juga kerjasama di antara syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua negara.

MISI TEKNIKAL DAN EKONOMI GETAH

66. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah keputusan bagi Rombongan Teknikal Ekonomi ke Korea Selatan, Jepun dan Negeri China; dan
- (b) adakah ia telah menggalakkan lebih banyak import bagi barangan Malaysia ke negara-negara tersebut.

Dato' Dr Lim Keng Yaik:

- (a) Misi Teknikal dan Ekonomi Getah telah melawat ketiga-tiga negara Korea Selatan, Jepun dan Republik Rakyat China, manakala Misi Minyak Kelapa sawit hanya melawat negeri China.

Pada amnya Misi Teknikal dan Ekonomi Getah telah berjaya memperkenalkan kepada pengguna-pengguna mengenai penemuan-penemuan baru dalam teknologi getah asli serta penggunaannya dalam pelbagai bidang. Khususnya Misi telah memperkenalkan serta meyakinkan pengguna-pengguna mengenai kelebihan getah asli Malaysia dari segi mutu di samping kelebihan tekno-ekonomi getah asli. Hasil daripada perbincangan-perbincangan yang diadakan, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) telah mencapai persetujuan dengan sebuah syarikat pengeluar tayar terkemuka di Jepun bagi mewujudkan program kerjasama teknikal dan mengadakan dialog secara berterusan demi meningkatkan lagi penggunaan getah asli Malaysia di Jepun.

Misi Teknikal Minyak Kelapa sawit juga telah memberi penerangan lanjut mengenai minyak kelapa sawit dari segi kegunaan serta kelebihanannya yang tidak memudaratkan kesihatan. Misi telah dapat membuktikan "versatility" minyak kelapa sawit dalam pelbagai bidang kegunaan barangan makanan dan lain-lain barangan konsumer dan berjaya menarik minat pengguna-pengguna negeri China.

Di samping dapat memperkenalkan dengan lebih dekat lagi mengenai kedua-dua bahan utama Malaysia, lawatan Misi tersebut juga telah mewujudkan perhubungan terus antara pengeksport-pengeksport Malaysia dengan pengimport-pengimport di negara-negara berkenaan dan ini akan meningkatkan perdagangan antara kedua-dua pihak. Beberapa pengeksport telah pun membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan rundingan perdagangan seterusnya di masa akan datang. Perbincangan - perbincangan yang diadakan dengan Menteri dan Timbalan Menteri-Timbalan Menteri di negara-negara tersebut akan dapat memperkukuhkan dan memperluaskan hubungan ekonomi dan perdagangan Malaysia dengan negara-negara pengimport bahan-bahan utama kita.

- (b) Mengenai soalan berikutnya iaitu sama ada Misi telah dapat menggalakkan lebih banyak import bagi barangan Malaysia ke negara-negara tersebut saya yakin bahawa dalam tempoh jangka panjang negara-negara tersebut akan menambah lagi import barangan keperluan

mereka dari Malaysia. Ketiga-tiga negara yang dilawati telah menyatakan keinginan untuk menambah lagi import bahan-bahan berkenaan dari Malaysia. Sebagai menunjukkan kesan positif ke arah aliran ini, kecuali bagi Jepun, Malaysia adalah pembekal utama iaitu sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah penggunaan getah asli di Korea Selatan dan China. Eksport getah asli Malaysia ke Korea Selatan dan China telah meningkat dalam tahun 1986 berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu bagi Korea Selatan dari 113,126 tan kepada 133,627 tan manakala eksport ke negeri China meningkat dari 88,914 tan kepada 119,356 tan. Sementara itu eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke China telah meningkat lagi dari 60,000 tan dalam tahun 1985 kepada 120,000 tan dalam tahun 1986. Dengan terdapatnya pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara Asia Timur, khususnya Korea Selatan dan Republic Rakyat China yang sedang menyusun semula ekonominya dengan program-program pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat China, negara-negara tersebut merupakan pasaran yang berpotensi bagi getah asli, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan lain-lain barangan siap Malaysia.

PEMEGANG BIASISWA DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

67. Tuan Gerard Math Lee Min: minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa menurut sebuah kertaskerja bersama dan "inter-group relations" oleh Dr Kua Kia

Soong dan Dr Kuang Hee Pang, iaitu kebanyakan pemegang-pemegang biasiswa di pusat pengajian tempatan adalah dari keluarga yang berpendapatan tinggi dan sederhana dan hanya 15% daripada pemegang-pemegang biasiswa adalah dari keluarga yang berpendapatan rendah; dan

- (b) jika sedemikian, apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini dan memperbaikinya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tawaran biasiswa latarbelakang sosio-ekonomi. Asas pemberian biasiswa ialah pencapaian cemerlang dan keutamaan diberi kepada pelajar dari keluarga yang miskin.

PERUNTUKAN ANAK YATIM/ FAKIR MISKIN

68. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang diberi kepada anak-anak yatim dan fakir miskin setiap tahun. Berapa ramai anak-anak yatim dan fakir miskin yang menerima bantuan dari Kementerian ini sekarang. Setakat manakah pembelaan Kementerian ini kepada anak-anak yatim.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk membantu anak yatim dan fakir miskin adalah sebanyak \$9.6 juta pada tahun 1987 iaitu \$4.6 juta untuk anak yatim dan \$5.0 juta untuk orang-orang tua. Bantuan ini ditambah dari setahun ke setahun mengikut bilangan mereka yang memerlukan bantuan. Pada masa sekarang ini Kementerian

memberi bantuan kepada 22,200 orang anak yatim dan 10,900 orang tua.

Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab untuk membela nasib anak-anak yatim dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan seperti memberi bantuan sara hidup melalui Skim Bantuan Kanak-kanak, memberi Bantuan Persekolahan dan mengadakan institusi-institusi atau rumah kanak-kanak untuk memberi jagaan, perlindungan serta latihan kepada anak-anak yatim yang memerlukan.

Selain dari itu Kementerian Kebajikan Masyarakat juga mempunyai Skim Penjagaan Anak Angkat di mana keluarga-keluarga yang sesuai diminta menjaga dan mengasuh anak-anak yatim dengan bayaran sebanyak \$100.00 sebulan. Dengan perkhidmatan ini adalah diharapkan semoga seseorang anak yatim itu mendapat peluang hidup di dalam suasana kekeluargaan dan jika sesuai akan terus dijadikan anak angkat kepada keluarga yang berkenaan.

UNITED ENGINEERS— PEMBINAAN LEBUHRAYA UTARA—SELATAN

69. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Kerjaraya menyatakan berkenaan projek lebuhraya yang diberikan kepada Syarikat UE Bhd kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Siapakah pemegang saham terbesar UE Bhd itu;
- (b) Adakah benar bahawa sebilangan besar saham syarikat ini dipegang oleh rakyat asing;
- (c) Mengapakah projek sebesar \$4.0 billion itu hanya diberikan kepada satu syarikat sahaja dan tidak diagihkan kepada

syarikat yang mampu memandangkan banyak syarikat pembinaan yang terjejas akibat keadaan ekonomi meleset yang berpanjangan sekarang ini, dan

- (d) Bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan pengaliran wang ke luar negeri yang minima daripada projek ini dan langkah "foreign exchange control" yang akan dikuatkuasakan bagi memastikannya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):

- (a) Pemegang saham terbesar United Engineers Bhd ialah Syarikat Hatibudi Sdn Bhd.
- (b) Rakyat asing yang memegang saham dalam syarikat ini tidak melebihi 28%.
- (c) Pembinaan Lebuhraya Utara—Selatan bukannya diberi kepada satu kontraktor sahaja tetapi United Engineers mengetuai satu konsortium termasuk beberapa pemborong Bumiputera yang mana akan mengendalikan sekurang-kurang 30% kerja-kerja pembinaan itu.
- (d) Kerajaan memang sedar kemungkinan pengaliran wang ke luar negeri hasil daripada pelaksanaan projek yang sebegitu besar. Walau bagaimanapun Kerajaan akan memastikan supaya pengaliran wang itu adalah minima dan mengikut peraturan "foreign exchange control" yang dikuatkuasakan di negara ini.

MUASSASAH BAGI JEMAAH HAJI

70. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar masalah yang dihadapi oleh Jemaah-jemaah Haji

dari Malaysia semasa menunaikan Fardu Haji ke Tanah Suci Mekah dari segi:

- (a) peraturan muassasah di dalam memberikan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan, penginapan, kesihatan dan panduan Haji di Tanah Suci adalah kurang memuaskan; jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil;
- (b) adakah cadangan yang telah dibuat agar tambang para Jemaah Haji dari Malaysia khususnya dari Sabah dapat diturunkan memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi dan pendapatan yang dialami oleh mereka pada waktu ini.

Tuan Kasitah Gaddam:

- (a) Sistem atau peraturan Muassasah yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada Jemaah Haji Malaysia semenjak tahun 1984 tidak menimbulkan banyak masalah lagi. Mulai Musim Haji 1985 masalah Jemaah-jemaah Haji terpaksa berpecah keluarga telah dapat diatasi. Tempat menginap Jemaah Haji sama ada di Mekah, Arafah, Mina dan Madinah telah bertambah baik. Perkhidmatan bersangkutan dengan kesihatan telah banyak bertambah baik. Ini dapat dibuktikan dengan kadar pesakit dan kematian yang kurang. Begitu juga perkhidmatan yang bersangkutan dengan panduan Haji. Pendek kata, sistem atau peraturan Muassasah di dalam memberikan kemudahan dan perkhidmatan kepada Jemaah Haji Malaysia telah mencapai ke tahap yang memuaskan.
- (b) Tidak ada cadangan bagi mengurangkan tambang kepada

para Jemaah Haji Malaysia kecuali pihak berkuasa Arab Saudi menghapuskan bayaran royalti yang dikenakan bagi tiap-tiap Jemaah Haji sebanyak M\$198.00 (bersamaan US\$75). Pihak MAS/Tabung Haji sentiasa memberi perhatian penuh terhadap perkara ini tetapi memandangkan kos pengendalian penerbangan dan lain-lain kos seperti belian harga minyak telah meningkat, maka MAS tidak dapat mengurangkan harga tambang yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, Tabung Haji/MAS telah dapat mempertahankan harga tambang itu sejak tahun 1983 iaitu dari Semenanjung Malaysia ke Jeddah \$2,445.00 seorang, dari Sarawak ke Jeddah \$2,686.00 seorang dan dari Sabah ke Jeddah \$2,835.00 seorang.

KELUARAN KOMODITI PERTANIAN

71. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah Kementerian Pertanian telah berusaha untuk menambah pengeluaran pertanian seperti sayur-sayuran, tenusu dan buah-buahan tempatan supaya negara ini dapat mengurangkan pengimportan keperluan tersebut dan menyelamatkan sebahagian daripada pengaliran wang ke luar negeri.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Pada masa ini Kementerian sudah merancang dan melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan lagi keluaran komoditi-komoditi pertanian tersebut untuk memenuhi keperluan tempatan serta untuk meningkatkan eksportnya.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah menggalakkan

pelaburan sektor swasta dalam bidang pengeluaran bahan-bahan makanan secara besar-besaran dan intensif, melaksanakan program sayuran bersepadu yang mementingkan sistem pengurusan dan pengeluaran yang ekonomi, mengenalpasti zon-zon penanaman berasaskan faktor-faktor agronomi dan kesesuaian tanah bagi buah-buahan serta mengadakan program-program pengeluaran susu secara berkelompok membekalkan kredit melalui Bank Pertanian Malaysia dengan kadar faedah yang rendah, meningkatkan produktiviti serta dengan mempergiatkan semula kawasan-kawasan tanah terbiar dengan aktiviti pertanian.

Di samping itu bagi menjamin pengeluaran keluaran pertanian secara teratur dan dengan pesatnya. Kementerian telah memberi perlindungan dalam bentuk kawalan import bagi komoditi tertentu. Di masa akan datang kawalan import akan diperluaskan meliputi jenis komoditi yang boleh dikeluarkan di dalam negara dengan cukup dan ekonomi. Bagi menggalakkan eksport keluaran pertanian, Kementerian telah mengadakan kawalan eksport bagi tujuan memastikan supaya keluaran eksport negara adalah bermutu dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pasaran asing.

SUKAN NEGARA—PRESTASI

72. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai Rancangan Bersepadu dengan Kementerian Pelajaran berhubung dengan Rancangan Kementerian melahirkan ahli-ahli sukan dan olahraga yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Kiranya ada nyatakan di dalam bidang apa dan nyatakan juga sama ada Kementerian sudah berpuas hati dengan kejayaan

dan kemajuan yang tercapai. Apakah rancangan-rancangan Kerajaan pada masa akan datang.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai rancangan bersepadu dengan Kementerian Pelajaran untuk mempertingkatkan prestasi sukan negara. Kementerian dan Majlis Sukan Negara sentiasa mengadakan hubungan yang rapat dengan Kementerian Pelajaran melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ke arah ini.

Buat masa ini Majlis Sukan Negara sedang melaksanakan Program Pembangunan Baka yang diadakan di dalam dua peringkat iaitu program di peringkat kebangsaan dan peringkat sekolah-sekolah bertujuan melahirkan athlit-athlit yang bertaraf antarabangsa pada masa-masa yang akan datang. Di kedua-dua peringkat Kementerian Pelajaran adalah menduduki jawatankuasa ini yang mempunyai berbagai tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai matlamat dan objektif program ini:

(i) *Program Pembangunan Bakat Kebangsaan—*

Program ini adalah merupakan kerjasama antara Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Peserta-peserta adalah dipilih daripada kejohanan-kejohanan yang melibatkan athlit-athlit muda seperti kejohanan MSSM di mana mereka akan dididik dan dilatih secukupnya menerusi program latihan dan pendedahan yang saintifik dan sistematik ke arah meninggikan prestasi mereka.

(ii) *Program Pembangunan Bakat Sekolah-sekolah—*

Program ini adalah merupakan kerjasama langsung dengan Kementerian Pelajaran di mana athlit-athlit yang berpotensi dipilih dari kejohanan yang sama dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti. Athlit-athlit ini akan disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan bagi membolehkan mereka menjalani latihan sepanjang tahun di sekolah-sekolah berkenaan. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah:

- (a) Jurulatih yang berkelayakan.
- (b) Bantuan asrama.
- (c) Tuition.
- (d) Peralatan Latihan.
- (e) Insuran.
- (f) Penyertaan Pertandingan.

Buat peringkat permulaan, Majlis Sukan Negara telah mengenalpasti tiga jenis sukan iaitu Olahraga, Renang dan Badminton untuk dilaksanakan program ini yang melibat 47 athlit dari 10 buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Bantuan Latihan dan Penyertaan—

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara juga telah banyak membantu athlit-athlit sekolah yang telah mencapai tahap kebangsaan di dalam menjalani latihan dan menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa. Pusat-pusat Cemerlang

Sukan yang telah dibuka untuk menyediakan latihan sepanjang tahun kepada athlit-athlit dari berbagai jenis sukan banyak melibatkan athlit-athlit sekolah. Pusat Cemerlang Renang umpamanya yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Sibul dan Kuching sebahagian besarnya adalah melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Oleh yang demikian, pada masa akan datang, Majlis Sukan Negara akan menambahkan jenis-jenis sukan selain dari jenis sukan Olahraga, Renang dan Badminton yang akan dilaksanakan pada tahun ini menerusi program Pembangunan Bakat Sekolah-sekolah. Apabila Institut Sukan Negara siap pembinaannya nanti, Majlis Sukan Negara akan mengadakan kursus kepada guru-guru sekolah dalam bidang Jurulatih, Pentadbir dan Pegawai Teknik sukan supaya sukan di sekolah-sekolah dapat dipertingkatkan lagi.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)—BOIKOT KELAS

73. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab berlakunya "Boikot" oleh murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan di Batu Pahat disebabkan pertukaran Guru Besar sekolah berkenaan:

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian;
- (b) adakah campur tangan anasir yang tidak sihat dalam pemboikotan tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Pemuluan ("Boikot") kelas yang berlaku di SRJK(C) Batu Pahat, Johor adalah disebabkan oleh salah faham mengenai pertukaran guru besar sekolah tersebut. Walau bagaimanapun perkara itu telah dapat diselesaikan dalam suasana yang baik dan persefahaman. Murid-murid yang terlibat telah kembali semula ke kelas masing-masing dan sekolah tersebut sudah pun berjalan seperti biasa.

Setakat yang diketahui tidak terdapat campur tangan anasir yang tidak sihat dalam tindakan pemuluan itu.

PROJEK KILAT SEKOLAH RENDAH KERAJAAN

74. Tuan Michael Asang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau mengetahui bahawa baru-baru ini ada beberapa buah Sekolah Rendah Kerajaan di kawasan Jambongan, Sandakan di bawah peruntukan "Projek Kilat" telah gagal pembinaannya apabila tawaran tender diberikan kepada Kontraktor daripada Pantai Barat (Kota Kinabalu) yang tidak tahu langsung dengan keadaan tempatan seperti ongkos pengangkutan mahal dan kawasan terpencil. Adakah cadangan di masa akan datang supaya "Penender" harus dikhaskan daripada orang tempatan di Pantai Timur (Sandakan) sahaja untuk mengatasi masalah tersebut; dan apakah langkah-langkah yang lain jika ada.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Pelajaran, tidak ada "Projek Kilat" yang gagal pembinaannya di kawasan Jambongan, Sandakan, Sabah.

UNIVERSITI TEMPATAN— KEMASUKAN PELAJAR

75. Tuan Michael Asang minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah quota kemasukan ke Universiti

tempat dipatuhi agar quota untuk Negeri Sabah tidak akan digunakan untuk negeri lain, memandangkan ada terdapat pemohon tempatan yang layak tetapi terpaksa ditolak disebabkan tempat sudah tidak ada kekosongan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar ke Universiti tempatan bagi ijazah pertama tidak mengikut quota negeri tetapi berasaskan kepada quota 55% Bumiputera dan 43% bukan Bumiputera. Ini termasuklah pelajar-pelajar dari Sabah.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JAMBONGAN— PEMBINAAN

76. Tuan Michael Asang minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan peruntukan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Jambongan Sandakan yang sepatutnya dimulakan pembinaannya pada tahun 1987 mengikut sumber yang boleh dipercayai telah ditarik untuk kawasan lain:

- (a) apakah sebab-sebabnya dan kenapa peruntukan ini ditarik dan diuntukkan ke kawasan lain; dan
- (b) bilakah peruntukan ini akan ditarik balik ke kawasan Jambongan. Untuk maklumat pihak Kementerian ini di mana Jambongan berpuluh-puluh kampung di sekitarnya amat memerlukan pembinaan SMK di kawasan ini demi untuk menampung penempatan anak-anak mereka yang berkeleposan daripada Sekolah Rendah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk membina Sekolah Menengah Kebangsaan Jambongan, Sandakan.

AKTA KAWALAN PERUSAHAAN BABI

77. Tuan Mohd. Shariff bin Jajang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan suatu Akta ternakan babi; dan
- (b) apakah langkah dan usaha Kementerian Pertanian mengelakkan pencemaran alam hasil dari ternakan babi khususnya yang berdekatan dengan pekan, rumah ibadiah dan kampung tradisi.

Datuk Seri Sanusi bin Junid:

- (a) Pada hujung tahun 1985, Kementerian Pertanian telah mencadangkan suatu Akta Kawalan Perusahaan Babi yang mana derafnya telah dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia bagi mendapatkan pandangan dan pertimbangan tetapi belum mendapat jawapan dan keputusan rasmi daripada negeri-negeri tersebut.
- (b) Kementerian Pertanian bersama-sama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah terus menjalankan kajian, percubaan merancang langkah-langkah untuk mengurangkan dan mengatasi masalah ini. Dalam hal ini, kerjasama daripada Kerajaan Negeri terlibat adalah penting.

NEGARA-NEGARA OIC— KEDUDUKAN MALAYSIA

78. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kedudukan Malaysia di mata Negara-negara Arab dalam pertubuhan negara Islam dalam sidang puncak kelima OIC baru-baru ini

apakah sumbangan besar Malaysia kepada keamanan dunia Islam keseluruhannya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pada keseluruhannya Sidang Kemuncak Ke 5 ini telah berjaya dalam usaha untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Walaupun banyak masalah sensitif yang boleh mengakibatkan kerengangan malah perpecahan negara anggota namun ianya dibincangkan dengan penuh persefahaman untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama antara negara-negara anggota.

Mengenai isu Palestin, Sidang Kemuncak sekali lagi telah menekankan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO dan mana-mana usaha untuk mencari penyelesaian damai hendaklah menerusi penyertaan PLO serta perlunya diadakan dengan seberapa segera persidangan antarabangsa mengenai keamanan di Asia Barat di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu.

Masalah perang Iran-Iraq pada mulanya dijangka akan diberi keutamaan dalam Sidang Kemuncak dalam rangka usaha mencari penyelesaian damai secara aman. Walaupun dengan ketiadaan Iran, Sidang Kemuncak telah memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan menggesa supaya segala usaha dilaksanakan ke arah penyelesaian oleh kerana ianya telah mengorbankan begitu banyak nyawa dan harta benda serta mengancam keamanan dan kesetabilan di kawasan Teluk.

Jawatankuasa Damai Islam juga telah mengadakan mesyuaratnya semasa Sidang Kemuncak dalam meneruskan usaha-usahanya serta membincang keadaan semasa perang ini walaupun Jawatankuasa Damai tidak dapat melaksanakan usaha-usaha

damainya oleh kerana pendirian Iran dan Iraq yang tidak dapat direkonsailkan. Dalam rangka ini Sidang telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha Jawatankuasa ini dan telah menggesa supaya negara-negara anggota bekerjasama untuk menamatkan peperangan.

Malaysia tidak pernah dilantik sebagai orang tengah mengenai perang Iran-Iraq. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai penubuhan kontek group atau kumpulan kecil dari negara-negara anggota Jawatankuasa Damai yang ditugaskan untuk mengadakan perbincangan dengan Iran dan Iraq. Jikalau ini dimaksudkan ianya tidak dapat dilaksanakan oleh kerana usaha-usaha untuk mengadakan lawatan ke Iran tidak dapat diterima.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia ingin supaya peperangan ini ditamatkan dengan segera demi kepentingan perpaduan negara-negara Islam dan oleh sebab inilah Malaysia telah memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa Damai Islam. Malaysia juga mengambil berat tentang masalah penjualan senjata oleh kerana ianya membawa akibat yang lebih buruk kepada kedua-dua negara dalam mesyuarat yang lalu. Dalam rangka ini Malaysia telah menggesa negara-negara OIC yang berpengaruh bagi mengelakkan penjualan senjata oleh negara-negara pengeluar senjata. Malaysia juga mengharapkan supaya kemajuan akan dicapai berikutan dengan usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Pengerusi OIC iaitu Baginda Amir Kuwait. Malaysia juga menyokong inisiatif Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan satu "Ad Hoc Committee" untuk mencari penyelesaian ke atas masalah ini.

Mengenai masalah Afghanistan, Sidang Kemuncak memandang serius terhadap pencerobohan tentera Soviet Russia dan menghargai langkah yang dibuat oleh Setiausaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mencari penyelesaian damai dan menggesa Soviet Russia supaya menarik balik tenteranya dari Afghanistan.

Dalam sidang ekonomi, Malaysia telah memainkan peranan utama bagi meningkat kerjasama antara negara-negara anggota memandang bahawa ini adalah merupakan satu faktor yang penting bagi mencapai kemajuan dalam bidang ini. Untuk mencapai tujuan ini adalah perlu bagi OIC sebagai pertubuhan utama mengadakan "infrastructure" untuk menggalakkan hubungan ini dengan menubuhkan beberapa badan bagi memajukan aktiviti-aktiviti perdagangan dan lain-lain. OIC juga telah menubuhkan skim "longer term trade financing" bagi membantu dalam bidang perdagangan.

OIC juga telah mengadakan rancangan khusus untuk meningkatkan kemajuan dan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sains dan teknologi dan faedah-faedah negara-negara anggota.

Di samping ini Malaysia telah juga mengemukakan dua isu yang penting iaitu mengenai masalah dadah dan Antartika yang telah mendapat sokongan penuh di Sidang Kemuncak. Mengenai masalah dadah, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul menggesa supaya negara-negara anggota bukan sahaja bekerjasama dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan supaya negara-negara anggota mengambil bahagian yang aktif dalam persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah yang akan datang. Mengenai masalah Antartika pula, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul supaya negara-negara anggota mengambil bahagian dalam usaha

untuk menubuhkan satu regim baru mengenai Antartika untuk faedah manusia sejagat.

Malaysia menyokong penuh tindakan OIC dalam rangka untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang di kalangan negara-negara anggota dan telah memainkan peranan penting berasaskan kepada dasar kita terhadap pertubuhan ini. Selaras dengan ini Malaysia telah memberi sumbangan yang membina bukan sahaja bagi menentukan kejayaan usaha yang dilaksanakan oleh OIC bahkan juga dalam rangka untuk melicinkan pentadbiran pertubuhan ini supaya ianya menjadi lebih berkesan.

GRADUAN MENGANGGUR— LATIHAN

79. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan apakah jenis latihan yang boleh diberikan kepada graduan-graduan yang diambil bekerja sementara dari menganggur supaya mereka tidak bergantung kepada Kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Kasitah Gaddam: Kerajaan sedar bahawa penganggur di kalangan siswazah semakin bertambah dan Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya untuk mengurangkannya. Di antara program-program yang boleh diadakan ialah satu skim latihan untuk melatih graduan-graduan yang menganggur supaya membolehkan mereka berdikari dan bergiat dalam bidang perniagaan. Di bawah skim ini, latihan akan ditumpukan kepada perubahan sikap dan pembinaan semangat dan motivasi di mana nilai-nilai dan sikap yang lama perlu diubah dan ditanam dengan nilai-nilai baru yang positif. Program latihan ini juga akan menyediakan latihan asas untuk membolehkan graduan-graduan mencebur diri dalam perniagaan-perniagaan kecil sebagai usahawan.

Latihan asas seperti cara-cara untuk memula dan mengendalikan sesuatu perusahaan, teknik-teknik perakaunan dan pemasaran, perancangan dan pengurusan perniagaan dan lain-lain akan dititikberatkan.

Program-program latihan yang lain boleh juga diadakan dengan tujuan membantu graduan-graduan yang menganggur meningkatkan kemahiran mereka melalui program-program seperti penempatan di syarikat-syarikat Kerajaan dan juga di sektor swasta bagi graduan-graduan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tertentu. Misalnya, graduan-graduan dalam bidang kejuruteraan elektronik di negara ini supaya mereka mendapat latihan tertentu dalam bidang elektronik. Mereka yang berjaya mengikuti skim penempatan seperti ini bukan sahaja dapat menambahkan kemahiran mereka tetapi juga dapat meningkatkan keupayaan mereka mendapat pekerjaan tetap.

GURU-GURU UTS DI SABAH

80. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah guru-guru UTS (Unified Teaching Scheme) di Sabah yang telah terbantut sejak tahun-tahun 70an yang mana menyebabkan semakin hari semakin ramai di kalangan mereka yang meletak jawatan untuk mencari nafkah yang lebih baik (greener pasture).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengiktiraf guru-guru UTS di Sabah sebagai pegawai di dalam Perkhidmatan Pelajaran yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1980. Selain dari itu Kerajaan juga telah melonggarkan syarat kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/SRP

kepada lulus sahaja bagi perlantikan dan pengesahan jawatan guru-guru yang berkhidmat sebelum 1hb Ogos, 1986. Kelonggaran syarat ini berkuatkuasa hingga 31hb Disember, 1989 sahaja. Dengan ini pegawai/kakitangan yang masih dalam taraf sementara, kontrek atau sandaran boleh dilantik ke taraf tetap jika/apabila sudah memperolehi kelayakan lulus Bahasa Malaysia di peringkat SPM/SRP.

Kelonggaran syarat ini difikirkan sudah memadai dan sepatutnya tidak menimbulkan masalah lagi. Oleh kerana Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan atau kelonggaran baru bagi menjamin agar taraf perkhidmatan guru-guru tidak terjejas.

PROTON SAGA—HARGA DI AMERIKA

81. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada ianya benar bahawa "Proton Saga" telah dijual dengan harga US\$5,000 (iaitu lebihkurang M\$13,000) di Amerika Syarikat. Harga "Proton Saga" di Amerika separuh harga di negara kita, mengapakah sebabnya ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Buat masa ini kereta Proton Saga belum lagi dijual di Amerika Syarikat. Ia dijangka memasuki pasaran kereta negara tersebut pada bulan Februari/Mac 1988. Oleh yang demikian, kedudukan harga Proton Saga di Amerika Syarikat masih belum ditentukan lagi.

PASARAN KERETA

82. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada ia sedar bahawa penjualan kereta di negara ini telah merosot dengan cepatnya, apakah langkah-langkah telah diambil oleh

Kementerian untuk memberhentikan ataupun memperlahan kemerosotan penjualan kereta ini. Adakah Kerajaan berniat untuk menurunkan tax ke atas kenderaan dan alat-alat ganti. Kalau tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kerajaan sedar mengenai kemerosotan pasaran kereta dalam negeri ini. Aliran ini berkait rapat dengan keadaan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang. Juga harga-harga kereta telah naik melambung oleh sebab kenaikan kadar pertukaran wang asing negara-negara pengeluar utama seperti Jepun dan Eropah Barat. Malah Kerajaan mendapati masalah yang dihadapi oleh industri kereta adalah sangat rumit yang meliputi isu-isu lain, di samping masalah cukai. Masalah-masalah berkenaan yang berupa jangka pendek dan panjang telah dikenalpasti oleh Pelan Induk Perindustrian dan kini Kerajaan sedang meneliti beberapa perakuan secara prioriti. Kajian dan perbincangan termasuklah mengenai soal cukai sedang giat diadakan dengan sektor swasta dengan tujuan untuk mengatasi masalah dan memajukan sektor ini di masa akan datang.

INSTITUSI DIPERALATKAN OLEH ZIONIS

83. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah institusi yang berpengaruh yang telah dikenalpasti terlibat dengan anasir-anasir zionis dan berapa ramai jumlah mereka yang terlibat; jika ada;
- (b) jika ada, apakah tindakan-tindakan Kerajaan di dalam usaha membanteras pengaruh-pengaruh zionis dan Yahudi di dalam beberapa institusi yang berpengaruh di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak dapat mengumumkan maklumat mengenai bilangan institusi dan jumlah orang yang secara sedar atau tidak telah diperalatkan oleh pihak zionis kerana siasatan masih dijalankan dan apa-apa pendedahan mengenainya akan menjejaskan siasatan selanjutnya.

Mengenai tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan dan pengaruh zionis, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai cukup keupayaan sama ada dari sudut undang-undang atau penguatkuasaan untuk mengawasi, mengesan dan mencegah ancaman ini daripada menjadi lebih serius dan berlarutan. Langkah-langkah yang dapat diambil oleh Kerajaan termasuklah tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966, Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA

84. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) tentang bagaimana imbalan perdagangan Malaysia dengan negara-negara yang berdagang dengannya dan berapakah jumlah negara tersebut;
- (b) apakah Imbalan Perdagangan itu menguntungkan Malaysia; dan
- (c) jika ada yang merugikan, apakah tindakan dan langkah yang diambil untuk mengatasi ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk bulan Januari—November, 1986 Malaysia memperolehi lebih dagangan sebanyak \$6,742.3 juta, iaitu import

berjumlah \$25,437.8 juta dan eksport berjumlah \$32,180.1 juta, Malaysia memperoleh imbalan perdagangan keseluruhan yang positif sejak tahun 1983. Malaysia berdagang dengan hampir semua negara di dunia, melainkan Israel dan Afrika Selatan.

Walau bagaimanapun Malaysia tidaklah mempunyai imbalan perdagangan yang positif dengan semua rakan-rakan perdagangannya. Bagi negara-negara di mana Malaysia mempunyai imbalan yang negatif Kerajaan akan menambahkan perdagangan ke negara-negara tersebut dengan menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara itu, mengambil bahagian di dalam rundingan-rundingan perdagangan antarabangsa di peringkat dua-hala dan pelbagaihala, menggalakkan "countertrade" di dalam keadaan tertentu serta menjalankan kegiatan-kegiatan eksport melalui pejabat-pejabat perdagangan dan Pusat Galakan Eksport Malaysia (MEXPO). Kementerian juga telah menubuhkan Majlis Galakan Eksport dengan tujuan mencari jalan untuk meningkatkan lagi eksport negara dengan kerjasama sektor swasta.

(Soalan No. 85. Sila lihat jawapan No. 3 pada 11-3-1987)

AGENSI PELANCONGAN MELANGGAR PERATURAN TDC

86. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat kendalian pelancongan atau agensi-agensi pengembaraan yang telah diambil tindakan mahkamah di atas kesalahan melanggar Peraturan TDC (Perniagaan Kendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Peranginan). Berapa jumlah denda yang telah dikenakan. Berapakah pengusaha-pengusaha yang telah dihukum

penjara. Adakah Bahagian Penguatkuasa TDC akan dipertingkatkan untuk mengambil tindakan kepada penganjur-penganjur haram umrah yang berselindung dibalik tujuan pelancongan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Perniagaan Kendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1985 telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia mulai 1 Jun 1985. Dari tarikh tersebut sehingga 5 Mac 1987, sebanyak 44 buah syarikat kendalian pelancongan dan agensi pengembaraan telah didapati melakukan kesalahan di bawah peraturan berkenaan. Sebanyak 34 kes telah disabitkan (convicted) kesalahan mereka, 6 kes akan dibicarakan dan 4 kes lagi akan disebutkan di mahkamah-mahkamah yang berkenaan.

Denda yang telah dijatuhkan oleh mahkamah bagi kes-kes tersebut adalah di antara tiga ratus ringgit (\$300.00) hingga dua ribu ringgit (2,000.00). Jumlah denda yang telah dikutip oleh mahkamah adalah sebanyak empat puluh satu ribu empat ratus lima puluh ringgit (41,450.00). Sehingga sekarang tiada pengusaha yang telah dipenjarakan.

Mengenai kegiatan penganjur-penganjur haram umrah, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serious terhadap kegiatan tersebut dan telah mengambil tindakan terhadap penganjur-penganjur berkenaan dan lain-lain kegiatan haram yang berkaitan dengan perniagaan enterprais pelancongan. Dalam hal ini kerjasama dari orang ramai adalah diminta untuk memberikan maklumat berhubung dengan kegiatan-kegiatan pengusaha-pengusaha haram sedemikian supaya tindakan segera dapat diambil terhadap mereka.

**BANK KOPERASI PUSAT
(CCB)—SIASATAN POLIS**

87. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan pihak polis berikutan perbuatan aduan Pengerusi Baru Datuk Dr Nik-Hussein Abd. Rahman, Lembaga Pengarah Bank Koperasi Pusat Bhd. (Cooperative Central Bank Bhd. CCB) di Balai Polis pada 28hb Januari, 1987 mengenai penyelewengan pinjaman di bank tersebut adakah benar;

- (i) bukan sahaja pegawai-pegawai bank terlibat; sebaliknya sebab pinjaman-pinjaman besar melebihi \$2.5 juta dibuat melalui Lembaga Pengarah Bank itu, beberapa ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi terlibat juga;
- (ii) pinjaman-pinjaman besar diluluskan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan saudara mara mereka melalui syarikat dan nominee mereka;
- (iii) pinjaman-pinjaman besar dibuat kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah Bank CCB termasuk Pengerusinya, dan selepas mengeluarkan pinjaman tersebut ada Pengarah Bank CCB dilantik menjadi ahli baru Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat si peminjan pula;
- (iv) Ketua Akauntan Negara Datuk Shamsir Omar terlibat sebagai peminjam, dan juga sebagai pihak yang memberi kelulusan pinjaman. Jelaskan peranannya; dan
- (v) sebarang pinjaman besar yang diluluskan mengandungi percanggahan kepentingan ahli Lembaga Pengarah CCB sebab mereka terlibat sebagai pemilik saham atau ahli

Lembaga Pengarah Syarikat pemilikan si peminjam dari CCB.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memang benar aduan telah dibuat oleh Yang Berbahagia Datuk Pengerusi Bank Koperasi Pusat Bhd. itu di Balai Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur pada 27-1-1987. Sukacita saya maklumkan bahawa pihak polis sedang giat menjalankan penyiasatan berhubung dengan aduan itu. Memandangkan aduan itu sedang dalam siasatan polis maka tidak wajar dan tidak adil bagi saya untuk membuat apa-apa kenyataan pada masa ini.

Berhubung dengan lima perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak dapat mengesahkan sama ada perkara-perkara tersebut benar atau tidak kerana adalah tidak wajar dan tidak adil untuk menuduh pihak-pihak tertentu sebelum proses pendakwaan selesai.

SIMEN—LEBIHAN PENGELUARAN

88. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kelulusan lesen pengilang simen baru akan dihadkan atau terhenti memandangkan negara kita sekarang dialami dengan kelebihan besar simen keluaran kilang tempatan. Adakah cadangan atau bantuan yang akan diberi kepada pengeluar simen tempatan supaya mengatasi kekurangan permintaan simen mereka.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Memandangkan lebih pengeluaran simen oleh kilang-kilang tempatan, Kerajaan pada masa ini tidak lagi menggalakkan penubuhan kilang-kilang simen yang baru. Jika ada permohonan untuk menubuhkannya, Kerajaan terpaksa berhati-hati di dalam pengeluaran lesen-lesen pengilang simen yang baru dengan

mengambil kira antara lain, bilangan kilang yang ada dan keupayaan pengeluaran yang sedia wujud sekarang.

Kerajaan dalam usahanya untuk membantu industri simen yang sedang menghadapi kemerosotan pasaran telah pun mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan permintaan simen dalam negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada akhir tahun 1985 telah memutuskan supaya simen digunakan bagi pembinaan jalan-jalan baru. Pada tahun 1986 pula, Kerajaan telah melancarkan Program Khas Perumahan Kos Rendah sebagai satu langkah untuk merencanakan aktiviti pembinaan dan menambahkan penggunaan bahan-bahan binaan termasuk simen. Seterusnya, Kerajaan juga telah melonggarkan sekatan eksport terhadap simen dengan tujuan supaya industri tersebut dapat meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi pasaran eksport.

TEKSI/KERETA SEWA/BAS/ LORI—INJIN DIESEL/PETROL

89. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah teksi/kenderaan sewa, bas, bas mini dan lori yang menggunakan enjin diesel berbanding dengan yang menggunakan enjin petrol di seluruh negara; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan mengurangkan pencemaran udara (air pollution) enjin diesel.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Sehingga 31hb Disember 1986 bilangan teksi/kereta sewa/, semua jenis bas dan lori di jalan raya yang menggunakan enjin disel dan

petrol adalah sebagaimana jadual berikut:

KENDERAAN	BAHANAPI	
	DIESEL	PETROL
Teksi/Kereta Sewa	7,755	4,791
Bas	13,744	320
Lori	68,328	79,195

Mengenai langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran udara akibat pengeluaran asap dari enjin diesel, langkah-langkah berikut telah diambil oleh Kerajaan;

- (i) Semua kenderaan perdagangan sebelum dibenarkan berjalan di atas jalan raya akan dikehendaki menjalani ujian menentukan kadar keluaran asap. Ujian ini dilakukan semasa pemeriksaan awal ke atas kenderaan (iaitu sebelum kenderaan dilesenkan). Bagi kenderaan yang telah berada di jalan raya ujian akan diadakan setiap 6 bulan sekali iaitu semasa pemeriksaan kenderaan menjalani pemeriksaan biasa. Ujian yang dijalankan adalah untuk menentukan kadar pengeluaran asap kenderaan tidak melebihi had yang ditentukan iaitu 50 Hartridge Smokemeter Unit (HSU). Jika pengeluaran asap melebihi 50 HSU kenderaan berkenaan perlu dibaiki dan dibawa untuk diuji semula. Semua pengujian ini dijalankan di pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri; dan
- (ii) Melalui tindakan penguatkuasaan (pemeriksaan) di jalan raya. Ini dilakukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan juga Jabatan Alam Sekitar dari semasa ke semasa ke atas kenderaan yang mengeluarkan asap hitam.

KEMATIAN KEMALANGAN JALAN RAYA

90. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kematian kemalangan jalan raya tiap-tiap tahun sejak tahun 1980 sehingga Disember 1986.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara sejak tahun 1980 hingga tahun 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah kematian
1980	2,568
1981	2,769
1982	3,266
1983	3,523
1984	3,637
1985	3,603
1986	2,685

KUTIPAN TOL DI JALAN KUCHING

91. Tuan Haji Abdul Razak Abu Samah minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejak ujudnya Tol Plaza, Jalan Kuching hingga ke 28hb Februari 1987 berapakah hasil kutipan yang telah dapat dikutip dan nyatakan hitung panjang yang diperolehi setiap hari sepanjang kutipan itu dijalankan dan juga perbelanjaan pengawasan tol setiap hari.

Dato' S. Samy Vellu: Saya telah diberitahu bahawa jumlah kutipan tol di Jalan Kuching dari 8hb Januari 1987 hingga 28hb Februari 1987 adalah sebanyak \$1,887,513.00, manakala hitung panjang kutipan tiap-tiap hari adalah sebanyak lebih kurang \$36,298.00 dan perbelanjaan

pengawasan setiap hari adalah sebanyak \$6,200.00.

PEOPLES WEEKLY—PERMIT PENERBITAN DIBATALKAN

92. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab musabab KDN sebuah majalah bahasa Tionghua digantung dan namakan majalah itu..

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sepanjang tahun 1986, akhbar mingguan berbahasa Tionghua yang bertajuk "Peoples Weekly" telah menerbitkan beberapa rencana yang didapati boleh memudaratkan kepentingan awam dan kepentingan negara. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Dalam Negeri telah memberikan beberapa amaran kepada penerbit akhbar itu. Walau bagaimanapun, amaran-amaran itu telah tidak dipedulikan oleh akhbar berkenaan. Sebagai langkah terakhir, maka terpaksa Permit Penerbitan akhbar itu dibatalkan.

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM—SIASATAN

93. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Menteri dari Jabatan Perdana takut untuk:

- (i) mengumumkan laporan siasatan yang dijalankan oleh pegawai dari Lembaga Perlesenan kalau-kalau laporan itu tidak mengandungi perkara-perkara yang perlu dirahsiakan;
- (ii) menemui penduduk-penduduk tempat tersebut; nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Kasitah Gaddam: Hasil dari siasatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom itu telah diumumkan kepada masyarakat umum melalui berita TV3

pada 11-2-1987 yang lalu. Pihak Kerajaan tidak merahsiakan sebarang fakta yang didapatkan dari siasatan tersebut dan oleh yang demikian Kerajaan telah bersetuju supaya laporan tersebut dibuka kepada orang awam. Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan salinan laporan tersebut bolehlah menghubungi pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Lawatan untuk menemui penduduk-penduduk di sekitar kawasan Bukit Merah tidak begitu mendesak memandangkan laporan dari pegawai-pegawai Unit Tenaga Nuklear dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang mengatakan keadaan di situ adalah terkawal dan hasil penyiasatan menunjukkan bahawa paras sinaran di kawasan itu adalah di dalam paras yang dibenarkan dan tidak membahayakan. Kerajaan memberi jaminan dan sentiasa mengikuti Isu Syarikat Asian Rare Earth dengan mendapatkan laporan-laporan daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom yang pada ketika ini mengadakan pengawasaan rapi operasi syarikat tersebut.

HOSPITAL DAERAH PENAMPANG—PEMBINAAN

94. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang hendak membina sebuah hospital daerah bagi Penampang di masa hadapan memandangkan hospital besar Kota Kinabalu kian bertambah sesak sementara daerah Penampang pula sedang membangun, dengan penambahan bilangan penduduk.

Cik Teng Gaik Kwan: Kementerian Kesihatan mengkaji dan mempertimbangkan keperluan perkhidmatan bagi penduduk-penduduk di sesuatu kawasan bagi jangka masa lima tahun semasa penyediaan tiap-tiap satu Rancangan Malaysia.

Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian tidak dapat memberi keutamaan untuk membina sebuah hospital bagi kawasan Penampang yang hanya 11 km mengikut jalan raya daripada Hospital Besar di Kota Kinabalu. Kajian semula keperluan perkhidmatan bagi kawasan ini akan dibuat semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam kelak.

UMBC—PEMBELIAN SAHAM- SAHAM

95. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kos yang ditanggung oleh PERNAS dalam membeli 51% saham dalam UMBC yang dipegang oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Daim Zainuddin dengan memberikan butir-butir lanjut yang penuh mengenai kos dan sumber pembiayaan, dan apakah PERNAS tidak dapat membeli 51% saham UMBC tersebut dengan kasar yang lebih murah sekiranya urusaniaga tersebut dijalankan di pasaran terbuka dan "at arm's length".

Tuan Kasitah Gaddam: Adalah menjadi dasar serta amalan PERNAS sebagai sebuah Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat tidak membuat pengumuman secara terperinci atas perkara-perkara yang berkaitan dengan urusniaganya terutama mengenai urusan jual-beli saham. Pembelian saham-saham UMBC juga tidak terkecuali daripada amalan dan dasar tersebut sebagaimana pembelian-pembelian lain yang dijalankan oleh PERNAS sebelum ini.

Pembelian-pembelian saham oleh PERNAS sememangnya dilakukan di atas dasar "at arm's length" dan selaras dengan peranannya sebagai sebuah agensi amanah yang ditubuhkan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 *ptg.*

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Ordinan Keretapi (Pindaan) 1987 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Keretapi 1948. Pindaan kepada Ordinan Keretapi 1948 ini adalah bertujuan untuk mengadakan beberapa peruntukan bagi membolehkan Keretapi Tanah Melayu diswastakan kerana pada masa ini Ordinan tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan sedemikian.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memastikan bahawa pelaksanaan penswastaaan Keretapi adalah berasaskan kepada peruntukan perundangan yang sah. Keputusan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu telah dibuat di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 yang lalu. Kementerian Pengangkutan sedang mengenalpasti cara-cara yang sebaik-baiknya menswastakan KTM antaranya ialah melantik sebuah bank saudagar untuk menjalankan kajian bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rasional di sebalik penswastaaan agensi-agensi Kerajaan adalah untuk menambahkan kecekapan, produktiviti dan memberi khidmat yang lebih baik di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Pada masa sekarang KTM menanggung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan yang besar seperti

membayar gaji kakitangan yang seramai lebih kurang 8,600 orang dan belanja pembangunan seperti pembelian rolling stock, pemulihan landasan dan lain-lain. Walaupun KTM tidak pernah meminjam daripada Perbendaharaan untuk membayar gaji dan lain-lain kemudahan kepada kakitangannya, KTM membiayai atau menanggung perbelanjaan-perbelanjaan pembangunannya melalui pinjaman luar dari Kerajaan. Cadangan penswastaaan KTM adalah pilihan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah kewangan yang kian meruncing di samping mewujudkan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan barangan yang lebih cekap, selamat dan berekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Ordinan Keretapi 1948 ini adalah untuk mengadakan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (1) Seksyen baru 4A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi menceburi bidang-bidang perniagaan dan perdagangan dengan mana-mana syarikat yang difikirkan boleh memberi keuntungan kepada Keretapi Tanah Melayu.
- (2) Seksyen baru 12A adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri bagi membuat arahan berbentuk am kepada pentadbiran Keretapi Tanah Melayu berhubung dengan perkara-perkara yang menyetuh kepentingan negara.
- (3) Seksyen baru 39B adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri untuk memberi kuasa kepada atau melesenkan mana-mana syarikat bagi menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi Tanah Melayu.

Seksyen baru 41A adalah bertujuan bagi menghendaki mana-mana syarikat yang telah diberi kuasa atau dilesenkan di bawah Ordinan mengemukakan memorandum berkenaan dengan pengubahan struktur tambang, kadar dan lain-lainnya kepada pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk kelulusan Menteri.

Seksyen baru 122A pula adalah bertujuan memberi kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perdana Menteri semasa berlakunya darurat mengambilalih perkhidmatan keretapi bagi menjaga kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang disebutkan ini adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Ordinan Keretapi 1948. Saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa Akta Keretapi (Pindaan) 1987 tidak melibatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Puchung.

3.43 ptg.

Dr V. David (Puchung): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dengan pindaan Ordinan Keretapi ini Kerajaan minta kuasa KTM hendak diberi kepada tangan swasta. Kuasa ini adalah kuasa

yang besar. Fasal apa? Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada 8,600 orang pekerja dalam Jabatan KTM. Kalau Menteri dapat kuasa yang kuat dan kuasa ini boleh diberi kepada tangan swasta, badan swasta itu boleh juga menukar faedah-faedah yang sekarang diperolehi oleh 8,600 orang pekerja. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi sedikit keterangan.

Ada juga dalam Ordinan ini, iaitu Seksyen 4A yang mengatakan, dengan izin:

“(a) enter into any arrangement for sharing profits, union of interest, cooperation or joint venture with any person or body of persons;”

Ini boleh dikatakan kuasa yang kuat. Kuasa itu, perbezaannya Menteri boleh memberi kepada tangan sesiapa yang tidak boleh jaga faedah-faedah 8,600 orang pekerja.

Seksyen 122A boleh dipakai bila-bila ada darurat. Apa darurat, saya pun tidak faham; barangkali boleh dikatakan mogok atau badan swasta tidak boleh menjalankan Jabatan KTM, Perdana Menteri boleh menarik balik lesennya atau beliau boleh rampas. Ini saya tidak faham dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi keterangan.

Seksyen 122A perenggan (a) menyebutkan:

“take temporary possession of any railway services or facility established, maintained or worked by a person authorised or licensed under this Ordinance;”

Barangkali Kerajaan fikirkan bila sudah diberi kepada tangan swasta terjadi darurat atau mogok, maka Kerajaan boleh mengambil balik, boleh paksa orang itu kerja atau boleh

panggil askar untuk jalankan kerja keretapi. Ini lebih baik kita mendapat sedikit penerangan daripada Menteri yang berkenaan.

Satu lagi saya dengar Kerajaan sudah berunding dengan bahagian swasta untuk diswastakan Jabatan KTM. Kalau sudah ada apa-apa perundingan, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan dalam Dewan ini. Saya dapat tahu Kerajaan ada berunding dengan syarikat-syarikat di Jepun, tetapi tidak tahu syarikat mana dan apa sudah jadi.

Bila Dewan ini sudah meluluskan pindaan kepada Ordinan ini, barangkali dalam dua, tiga minggu lagi, Kerajaan boleh beri kepada tangan swasta. Masa depan 8,600 orang pekerja dan faedahnya tidak dapat jaminan dalam Dewan ini. Lebih kurang 100,000 rakyat terlibat. Sekiranya dalam satu keluarga itu dikira 5 orang, maka sudah jadi lebih kurang 100,000 orang rakyat dalam negara kita (*Disampuk*). Jadi faedah-faedah bagi pekerja-pekerja ini perlulah dijamin. Diharap penerangan diberi dalam Dewan ini. Apa boleh jadi kepada masa depan pekerja-pekerja yang diambilalih oleh syarikat ini. Jabatan KTM bila sudah diswastakan, adakah fare boleh naik atau ratepun boleh naik atau tidak. Ini mestilah ada jaminan supaya rakyat tidak susah.

Di tangan swasta, swasta untung, dia tidak pandang kepada rakyat sama ada miskin atau kaya, dia mahu untung lebih. Ini semua berkehendakan satu jaminan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuantan.

3.47 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlibat sama di dalam

perbahasan mengenai pindaan Ordinan Keretapi 1948, iaitu Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membetulkan sedikit perhitungan keluarga yang diberi jumlahnya oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Puchung. Pekerjanya 8,600 dan hypothesisnya kalau 5 orang satu keluarga, dia kata lebih 100,000. Ini cukup optimistik, tetapi sebenarnya saya rasa lebih kurang 43,000 sahaja. Jadi, itu pembetulan saya daripada segi arithmetic.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang diperkatakan di sini berkaitan dengan pindaan Ordinan Keretapi 1948 ini tidak jauh bezanya dengan apa yang diperkatakan terhadap pindaan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pada hari kelmarin. Semuanya mencakupi perkara-perkara yang sama, iaitu memberikan kemudahan ataupun facilitation, dengan izin, untuk menswastakan Keretapi.

Kedua, memberi kuasa untuk mengeluarkan lesen bagi pihak-pihak tertentu berniaga dengan Keretapi dan juga menambah wang Keretapi dan berbagai-bagai lagi di samping menentukan, menggerenti apabila berlaku keadaan darurat dalam berbagai hal. Saya tak tahu apa darurat sebenarnya dalam perkara ini, tetapi berbagai-bagai ke kemungkinan; maka kuasa yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau sesiapa sahaja yang diturunkuasakan dapat mengekalkan keadaan yang stabil dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberi perhatian terhadap keraguan yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchung iaitu nasib masa depan 8,600 orang yang bekerja dengan KTM ini. Walaupun keraguan ini merupakan sesuatu yang mulia, tetapi saya rasa kita harus memikirkan daripada aspek bahawa tiap-tiap

majikan, apa lagi Kerajaan sentiasa menjaga kebajikan pekerja-pekerjanya.

Ini merupakan satu "lesson" yang pertama bagi semua majikan di dalam dunia ini, baik swasta ataupun kerajaan menjaga kepentingan pekerja-pekerjanya, apatah lagi sebuah negara seperti Malaysia ini. Sekiranya rakyatnya tidak berbahagia dalam perkara ini, apalah maknanya Perkhidmatan Keretapi sekiranya pekerja-pekerjanya tidak bahagia, tidak happy, maka perkhidmatan itu tentu sekali akan terjejas. Jadi, saya rasa sambil kita memberi perhatian terhadap "concern" yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Puchong itu, kita juga harus, saya rasa berpuas hati bahawa dalam rekod Kerajaan kita tidak ada kecenderongan untuk membawa malapetaka ataupun segala-galanya yang menyusahkan rakyat dan menyusahkan pekerja-pekerja di mana-mana badan, di mana-mana pertubuhan ataupun di mana-mana pihak sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal Keretapi ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawan pada bulan Oktober, 1986 yang lepas. Saya masih ingat beliau telah menawarkan harga \$1.00 sahaja bagi Keretapi Tanah Melayu tetapi tawaran \$1.00 itu ada dia punya twistnya, kerana apa yang menjadi kos di dalam Perkhidmatan Keretapi adalah pinjaman yang masih ditanggung oleh KTM dan liability-liabilitinya yang sedang ditanggung oleh KTM ini.

Pada waktu itu saya telah membuat sedikit perhitungan terhadap sebenarnya apa yang menjadi asas sekiranya mana-mana pihak untuk mengambilalih Perkhidmatan Keretapi di Malaysia ini. Pada waktu itu, saya dapati untuk 10 tahun yang pertama "turnover" ataupun pendapatan

Keretapi, ini bukan kita bercakap daripada segi keuntungan tetapi "turnover", pendapatan keretapi daripada jualan tiket dan sebagainya lagi, hendaklah sekurang-kurangnya \$500 juta setahun, untuk menampung hutang, untuk menampung perkhidmatan dan juga berbagai-bagai lagi. Itu pun lebih sedikit sahaja, rasa saya, daripada keadaan "break-even". Ini bererti kita mesti membuat perhitungan sebenar-benarnya. Adakah KTM ini akan memberikan perkhidmatan yang boleh membawa pendapatan \$500 juta setahun, kalau tidak sudah pasti kerugian akan terus menerus.

Tuan Yang di-Pertua, soal kerugian dalam perkhidmatan keretapi bukan particularly ataupun hanya berlaku kepada perkhidmatan KTM sahaja tetapi juga semua perkhidmatan keretapi yang terbesar di dalam dunia mengalami kerugian. Negara Jepun yang sentiasa bermotivasi keuntungan pun mengalami satu kerugian di dalam hal keretapi, walaupun ada bullet trainnya dan macam-macam lagi, itulah sebenarnya aspek yang tak dapat diatasi oleh satu bangsa yang begitu terkenal dengan pengurusan dan dengan business accumennya, apatah lagi negara kita seperti Malaysia ini, tanpa persaingan keretapi tentunya keadaan lebih melemahkan lagi.

Saya pun tahu di India sekalipun yang mempunyai "network" keretapi yang paling luas, salah satu yang paling luas di dalam dunia, pun mengalami kerugian. Juga berlaku di England dan di negara-negara Eropah dan setengah-setengah perkhidmatan keretapi di Amerika Syarikat pun mengalami kerugian. M—Tracknya pun masih mengalami kerugian.

Jadi, dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dan saya ingin mencadangkan supaya pihak Pentadbiran Keretapi dan pihak Kerajaan kita menerusi Kementerian

Pengangkutan supaya memikirkan langkah-langkah yang lebih positif dalam kita melaksanakan langkah-langkah penswastan ini. Dalam kita menawarkan \$1.00 sahaja kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengambil keretapi ini, kita harus juga memikirkan bagaimana harus kita melupuskan tanggungan-tanggungan yang tertentu baik dalam bentuk berupa pinjaman ataupun tanggungan-tanggungan hutang-hutang lain yang masih dipikul oleh Perkhidmatan KTM.

Sekiranya langkah-langkah ini tidak kita laksanakan, sekiranya masih lagi kita membuat syarat mana-mana pihak sahaja yang ingin mengambil Keretapi, harus juga mengambil "in toto" semua sekali liabilitinya, saya rasa tidak akan ada pihak-pihak daripada negara lain yang ingin datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya ingin "menepuk dada" tetapi saya ada juga "contact" tertentu di negara asing, yang sebenarnya yang menjadi Naib Presiden Kanan sebuah badan keretapi yang besar, yang mempunyai "turnover", saya rasa lebih kurang 10 ataupun 20 kali ganda daripada KTM ini, apabila dia melihat angka-angka yang ada pada saya, di dalam buku Belanjawan ini, dia sebenarnya menggeleng kepala, tidak mahu bercakap panjang lagi tentang memikirkan untuk menerima tawaran \$1.00 itu. Ini merupakan satu kenyataan, satu realiti.

Walau bagaimanapun, kita ingin mendapat keuntungan jangka pendek ataupun jangka panjang kita harus ketepikan sedikit soal-soal kewangan supaya kita, walaupun tidak dapat duit, sekurang-kurangnya kita dapat hilangkan beban daripada peruntukan Kerajaan untuk menjalankan KTM ini. Walaupun tidak mendatangkan duit sekarang ini kepada Kerajaan, biarlah

pihak swasta itu jangan dibebankan dengan tanggungan-tanggungan yang tidak mungkin dapat diatasi dalam masa 10 tahun yang akan datang. \$500 juta pada perhitungan saya, bukanlah satu angka yang kecil, tetapi \$500 juta ini merupakan satu peruntukan sebuah kementerian yang besar di negara kita iaitu selain daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan ataupun Kementerian Kewangan, saya rasa Kementerian yang hampir yang mempunyai \$500 juta peruntukan adalah satu Kementerian yang besar. Jadi untuk mendapatkan pendapatan \$500 juta dalam masa 10 tahun semata-mata "to float", dengan izin, bukanlah satu angka yang senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama-sama menghayati apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kos pengurusan dan pembangunan yang dihadapi oleh KTM. Sungguhpun begitu, seperti mana yang saya sebutkan ketika berhujah di dalam soal Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang kelmarin, kita janganlah kerana kita ingin mendapat kewangan untuk menampung perkhidmatan KTM ini, kita berpindah kepada aktiviti-aktiviti sebagai licensing authority, semata-mata kita keluarkan lesen, memberikan kepada orang suatu lesen dengan mendapat bayaran dan sebagainya, sehingga akhirnya kita lupa bahawa yang paling utama yang menjadi teras, yang menjadi inti diperkatakan di sini adalah perkhidmatan keretapi itu sendiri.

Jadi, segala-galanya diukur daripada perkhidmatan yang diberi dan bukan daripada perkara-perkara lain. Kata orang, kalau suratkhbar itu suratkhbar yang businessnya yang pertama ialah mengeluarkan suratkhbar dengan segala-galanya menghitung suratkhbar, tetapi kalau suratkhbar itu terlalu bangga dengan pendapatan pengiklanan, jadi

tujuan utama suratkhobar itu sudah diatasi oleh satu tujuan yang pada mulanya tidak menjadi tujuan utama.

Itulah saya rasa, saya harap pihak Kementerian dalam memikirkan untuk membuat duit menerusi berbagai-bagai langkah pelesenan dan sebagainya lagi, kita juga jangan hilang perspektif kita untuk menawarkan, untuk memberikan satu perkhidmatan pengangkutan yang ekonomik, yang baik, yang boleh menolong "Velocity" manusia bergerak dari satu tempat ke satu tempat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pada zaman ini soal pengangkutan merupakan satu perkara yang penting terutama di dalam zaman teknologi advanced ini pengangkutan merupakan satu-satu perkara yang penting. Bukan sahaja pengangkutan tetapi speed atau kelajuan kita berpindah daripada satu ke satu tempat itu adalah satu perkara yang penting. Ini lagi banyak orang berpindah dari satu tempat ke satu tempat, bukan berpindah secara tetap, tetapi berpindah di dalam menjalankan aktiviti itu lebih baik ianya menyumbangkan kepada integrasi nasional dan juga kepada aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi dan juga aktiviti-aktiviti ekonomi. Kalau dalam bidang kewangan umpamanya, selagi ligat pusingan wang, selagi cepat pusingan wang, makin bertambah baik dunia kewangan dan dunia ekonomi. Begitu juga selagi manusia itu suka bergerak daripada satu tempat ke satu tempat, selagi itulah kita akan bertambah baik daripada segi kehidupan manusia dan daripada segi kehidupan manusia ini, tidak lain dan tidak bukan ialah mencari rezeki untuk menampung hidup kerana hidup ini kalau boleh saya berfalsafah sedikit, tidak lain dan tidak bukan ialah soal-soal menguruskan rezeki kita. Dalam hal ini keretapilah salah satu kemudahan yang memberi sumbangan terhadap soal-soal menguruskan rezeki kehidupan rakyat kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya pun berkongsi sedikit pendapat dengan saudara kita Ahli dari Puchong tadi, kerana apabila beliau melahirkan keraguan juga tentang apakah kemungkinan sekiranya berlaku satu-satu darurat dan sebagainya lagi, kerana di dalam Ordinan ini kita tidak tahu apa sebenarnya darurat, mungkin darurat daripada segi politik, darurat daripada segi pekerja, ataupun darurat daripada segi malapetaka alam. Tetapi janganlah hendaknya kuasa yang diberi di bawah darurat ini, akhirnya akan membawa sesuatu imej yang tidak baik kepada business pengangkutan terutamanya business pengangkutan keretapi ini bukan sahaja dari segi rakyat di sini tetapi juga daripada pandangan mata pihak orang di luar negara kita. Yang paling penting, seperti mana yang saya sebutkan tadi ialah nasib dan rezeki 8,600 orang yang menampung kita-kira 50,000 orang pekerja. Kalau kita, dengan izin, kita menggunakan prinsip multiplier effect saya rasa, 50,000 itu tentu sekali menjejaskan kehidupan, menjejaskan periuk nasi lebih daripada 100,000 ataupun 200,000 orang. Ini memandangkan keretapi itu menular daripada utara sampai selatan seolah-olah menjejaskan nama keluarga baik secara langsung atau tidak langsung.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sambil menyeru supaya pertimbangan sewajarnya diberikan kepada apa yang saya kemukakan tadi dan juga kepada rakan saya di sebelah sini, saya akhiri dengan kata-kata, saya menyokong Ordinan Keretapi 1948 iaitu Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) 1987 ini. Jadi, dengan itu sekali lagi saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.05 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang sentiasa menggunakan keretapi di negara kita untuk berjalan dari satu tempat ke satu tempat, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Dalam perbincangan saya atas Rang Undang-undang (pindaan) ini, saya mempunyai pendapat yang agak berbeza sedikit daripada apa yang telah disuarakan tadi oleh rakan-rakan saya.

Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) 1987 bertujuan untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 dan membuka jalan untuk penswastakan keretapi. Menerusi ini 5 seksyen baru telah diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini kepada Ordinan Keretapi iaitu Seksyen-seksyen Baru 4A, 12A, 39B, 41A dan 122A dan Dewan ini diminta menimbang dan meluluskan pindaan-pindaan ini.

Menerusi Rang Undang-undang ini, Kerajaan bercadang untuk membuat arahan-arahan dan garis panduan dengan tujuan untuk memperuntukkan kuasa-kuasa tertentu berkaitan dengan penswastakan keretapi di samping memberi kuasa atau melesenkan mana-mana syarikat atau seseorang bagi menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi Tanah Melayu.

Yang sebenarnya, telah pun dicadangkan oleh Kerajaan pada masa yang lalu untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu selaras dengan konsep penswastakan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Saya suka menggesa Kerajaan terutamanya Kementerian yang berkenaan supaya menimbang secara serius cadangannya untuk menswastakan satu saluran pengangkutan awam yang sangat popular dan digemari dalam negara kita iaitu Keretapi Tanah Melayu.

Saya tidak menentang konsep penswastakan, sebaliknya saya menyokong tindakan menswastakan beberapa perkhidmatan dalam negara ini yang saya rasa perlu dan akan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dibincangkan pada hari ini, saya tidaklah bersetuju penswastakan Keretapi Tanah Melayu ini kerana saya rasa Kerajaan sehingga hari ini masih belum membuktikan bahawa ia telah berbuat seberapa baik untuk memperbaiki dan memperkemas sistem rel kita menerusi pemberian peruntukan kewangan yang besar dan cukup kepada Keretapi Tanah Melayu bagi menukar ganti stok keretanya ataupun, rolling stock, dalam bahasa Inggeris, dan memperbaiki landasan-landasan untuk maksud keselamatan. Malah jika Kerajaan bercadang untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu, apakah jaminan yang ada bahawa tindakan penswastakan ini akan menghasilkan satu jenis perkhidmatan yang lebih cekap dan lebih selamat untuk para pengguna? Apakah ada jaminan bahawa tidak akan ada kenaikan bayaran tambang yang tidak munasabah yang akan membebankan para pengguna? Apakah ada jaminan bahawa penswastakan ini akan berjaya 100%?

Saya tiak bermaksud untuk bersikap pesimist. Tetapi saya berfikir adalah penting bagi pihak Kerajaan mempelajari dari pengajaran-pengajaran yang lalu yang boleh didapati dari kegagalan penswastakan Hospital Lady Templer di Cheras.

Saya sentiasa berpegang pendapat bahawa sebagai satu bentuk perkhidmatan awam, Keretapi Tanah Melayu hendaklah ditadbir dan diurus dengan baik dan teratur oleh Kerajaan, oleh Kementerian yang berkenaan yang mempunyai satu tanggungjawab sosial ke arah penyediaan satu

perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan dan tidak menyerahkannya sahaja kepada sektor swasta dengan motif mencari keuntungan. Kebanyakan keretapi, terutamanya keretapi nasional ataupun kebangsaan di seluruh dunia tidak mendapat keuntungan menerusi operasinya dan Malaysia tidak terkecuali.

Bagi mereka yang mendapat keuntungan, ianya menerusi ataupun melalui pelaburan dan bukan operasi. Malah keretapi-keretapi kebangsaan dalam negara-negara maju seperti Jepun yang tadi telah disentuh oleh Wakil dari Kuantan misalannya Keretapi Kebangsaan Jepun ataupun JNR dalam Bahasa Inggeris menguruskan bullet train. Dan di negara Perancis, keretapi dinamakan SNCF juga mengalami kerugian. Apa pula bercakap tentang Keretapi Tanah Melayu.

Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian pada masa lalu dan sehingga sekarang kerana kelalaian Kerajaan terhadap keretapi di negara kita. Bukanlah satu perkara mustahil dinyatakan di sini bahawa Kerajaan hanya memberikan keutamaan yang sangat rendah kepada memperbaiki sistem rel kita, jika dibandingkan dengan lain-lain sistem pengangkutan awam dalam negara ini. Peruntukan wang untuk sistem pengangkutan darat, untuk pengangkutan laut dan udara telah bertambah, sementara peruntukan wang untuk keretapi merosot selama 4 kali Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Misalannya, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Keretapi Tanah Melayu dijangka mendapat peruntukan berjumlah \$343.97 juta, tetapi ini tertakluk kepada Semakan Semula Rancangan Malaysia Kelima kerana kemelesetan ekonomi semasa. Untuk tahun 1987, Keretapi Tanah Melayu telah diperuntukkan sebanyak \$150.18 juta. Ini jauh lebih kecil dari

peruntukan yang diminta berkait dengan memperbaiki keretapi kita untuk keselesaan orang ramai dan keselamatan mereka.

Saya berpendapat bahawa jawapan kepada masalah ini terletak kepada Kerajaan dan ia patut meletakkan keutamaan yang tinggi kepada keretapi sama seperti sistem pengangkutan darat, laut dan udara berkaitan dengan peruntukan kewangan bagi tujuan untuk pembangunan. Lebih banyak peruntukan hendaklah diberi kepada keretapi bagi memperkemaskannya dan menjadikan lebih kompetitif dengan sistem pengangkutan awam yang lain dan hutang-hutang lapuk hendaklah digururkan daripada hanya memberi tawaran \$1.00 kepada sesiapa yang berminat kepada Keretapi Tanah Melayu.

Satu perkara lagi yang ingin saya menyentuh di sini ialah tentang sistem pentadbiran Lembaga Keretapi Tanah Melayu hendaklah dikaji dan disusun semula bagi membolehkannya berupaya membuat keputusan berkait dengan segala urusan keretapi dan lebih banyak kuasa otonomi bagi Pengurus Besar dan Badan Pengurusnya. Pengurus Lembaga Keretapi hendaklah seorang yang mahir dan biasa yang tahu mengenai semua aspek pengurusan keretapi. Keretapi Tanah Melayu ialah satu bentuk pengangkutan awam yang digemari oleh golongan-golongan berpendapatan biasa dan rendah. Dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk melaksanakan dan menguruskannya dengan cekap, dengan melepaskan tanggungjawab kepada sektor swasta. Malah jika ada pihak yang bersedia memikulnya akan juga mempunyai akibat yang serius kepada orang-orang biasa, orang-orang miskin, orang yang berpendapatan rendah yang menggunakan pengangkutan ini, lebih-lagi kerana ada jaminan yang

ianya akan memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan lebih selamat bagi orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini hanya memberikan pandangan-pandangan saya sebagai seorang peminat KTM ini mengenai Rang Undang-undang ini, terutama berkait dengan keputusan Kerajaan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pandangan-pandangan saya tidak akan boleh mempengaruhi Kerajaan untuk menukarkan fikirannya. Akan tetapi, memandangkan kepada niat Kerajaan untuk meluluskan Rang Undang-undang ini, saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan beberapa perkara yang saya anggap adalah begitu penting.

Yang pertama, kenapakah Kerajaan mengeneikan Keretapi Tanah Melayu selama ini seperti yang terbukti dengan peruntukan yang sangat kecil untuk memperkemaskan sistem rel kita yang menjadi salah satu sebab berlakunya beberapa kemalangan rel pada masa yang lalu?

Keduanya, apakah asas atau kriteria pemilihan syarikat-syarikat yang akan melaksanakan konsep penswastakan Keretapi Tanah Melayu ini? Berapa banyak syarikat yang telah melahirkan minat mereka setakat ini? Daripada jumlah itu, berapa pula syarikat asing atau luar negeri dan beberapa pula syarikat tempatan?

Ketiga, apakah jaminan yang Kerajaan boleh berikan bahawa penswastakan Keretapi Tanah Melayu ini akan berjaya 100% dan benar-benar memberi faedah kepada rakyat Malaysia?

Keempat, apakah jaminan yang boleh Kerajaan tawarkan bahawa ia akan menolak mana-mana permintaan untuk menaikkan tambang yang tidak

menasabah oleh syarikat-syarikat berkenaan? Dan adakah Kerajaan akan berunding dengan pengguna-pengguna sebelum membuat keputusan tentang tambang ini; dan

Kelima, sepertimana yang tadi telah disentuh oleh Wakil dari Puchong mengenai masa depan kakitangan dan pekerja KTM ini tentang apakah syarat-syarat pekerjaan yang dapat diperolehi oleh mereka selepas penswastakan sama ada syarat-syarat pekerjaan itu adalah setanding dengan apa yang dinikmati oleh mereka pada masa kini ataupun dengan lebih baiknya. Dan tidak lupa juga satu hal yang saya anggap mustahak iaitu adakah Kerajaan akan memastikan bahawa semua penumpang-penumpang diberikan perlindungan insuran selepas ia diswastakan? Ini adalah satu hal yang timbul baru-baru ini apabila berlakunya satu kemalangan di Negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

4.19 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan berucap tentang Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) bacaan kali kedua tadi, nama Ahli Yang Berhormat ada sebut Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Speaker, nama Keretapi Tanah Melayu adalah satu nama, dengan izin, outdated, dengan izin, a name which is incongruous to the times. Nama ini, Tuan Speaker, ada dalam masa FMS; sekarang bukan zaman FMS, Tuan Speaker, sekarang zaman moden sudah lebih 100 tahun apabila nama ini ada dalam rekod-rekod tetapi sampai sekarang nama ini ada kekal.

Adakah ini baik untuk perpaduan dalam negara kita satu negara di mana ada berbilang kaum, agama, bolehkah Timbalan Menteri Pengangkutan dalam jawapannya selepas hujah-hujah kami di sini beri sebab-sebab nama ini ada kekal sampai sekarang.

Tuan Speaker, saya merayu kepada Kerajaan, jangan ambil masa lagi, terus tukar nama Keretapi Tanah Melayu kepada Keretapi Malaysia. Itu nama yang betul bagi kepentingan orang ramai, bagi kepentingan kaum-kaum yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Speaker, saya pun sebut kepada Fasal 6 dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami sekarang dan saya baca, Tuan Speaker:

"6. The Ordinance is amended by inserting immediately after PART XIV the following new PART XIV A:

PART XIV A

SPECIAL POWERS

122A. (1) On the occurrence of any public emergency or in the interest of public safety the Prime Minister or any officer specially authorised by him in that behalf may—

(a) take temporary possession of any railway services or facility established, maintained or worked by a person authorised or licensed under this Ordinance; or

(b) withdraw either partially or totally the use of any railway services or facility from any person or class of persons or from the public at large.

(2) If any doubt arises as to the existence of a public emergency or whether any act done under subsection (1) was in the interest of public safety, a certificate signed by the Prime Minister and exhibited at such places as the Minister deems fit shall be conclusive proof on the point."

Tuan Speaker, dalam Special Powers, dengan izin, yang ada diberi bukan kepada Menteri Pengangkutan tetapi Perdana Menteri dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987 yang ada diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kelmarin ada satu peruntukan seperti ini dalam Rang Undang-undang itu juga.

Apa yang ada di sana Tuan Speaker, on all force, dengan izin, apa yang ada di dalam ini Special Powers, yang ada diberi kepada Perdana Menteri.

Tuan Speaker, dalam Undang-undang biasa apabila dalam Undang-undang itu ada sebut "Minister", itu jadi Minister yang tanggungjawab dalam perkara-perkara yang ada dalam Undang-undang itu dan dalam pindaan ini, Tuan Speaker, Menteri berkenaan itu jadi Menteri Pengangkutan. Oleh kerana dalam peruntukan ini bukan Menteri Pengangkutan yang ada beri kuasa-kuasa darurat tetapi Perdana Menteri, ini bermakna satu undi tidak percaya ada diluluskan dalam Menteri Pengangkutan. Adakah oleh kerana MCA sudah hancur sekarang, oleh kerana itu Kerajaan dan Perdana Menteri juga khasnya tidak ada apa-apa kepercayaan dalam MCA? Saya mahu dapat tahu. Jangan tengok di sini macam itu. Timbalan Menteri jikalau berani berdiri dan jawab, adakah ini bermakna satu undi tidak percaya dalam MCA? Jangan gelak.

Apa yang saya faham Timbalan Menteri di sana ada dapat permanent residence di Canada bukan? Boleh nafikan? Inilah Timbalan Menteri yang ada disebut di dalam satu pertanyaan tadi. Jikalau Menteri tidak ada dapat permanent status itu, dengan izin, dalam negara asing, sekarang berdiri dan nafikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): (Bangun)

Tuan Chua Jui Meng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya beri jalan kepada Menteri, bukan . . .

Tuan Chua Jui Meng: Ini point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau point of order boleh.

Tuan Chua Jui Meng: Apa kaitan ini dengan . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Chua Jui Meng: Point of order 36 (1). Apa kaitan permanent residence dengan Bil Keretapi ini?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya jawab Tuan Speaker.

Tuan Chua Jui Meng: One track mind seperti Keretapi sahaja. Tidak ada relevant.

Tuan R. Karpal Singh: Menteri yang ada sebut dalam Ordinan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Ada lawyer di sana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri, sila duduk.

Yang Berhormat dari Bakri membangkitkan Perkara 36 (1) iaitu seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Bakri. (Tepuk)

Dan saya minta Ahli dari Jelutong meneruskan ucapannya dengan tidak menyentuh perkara yang disebutkan tadi. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, kuasa yang ada diberi kepada Perdana Menteri. Dalam fikiran saya Menteri yang dapat kuasa ini bukan jadikan Menteri, Perdana Menteri tetapi Menteri Pengangkutan. Special powers in emergency tidak ada apa-apa kesan dalam peruntukan yang ada dalam Fasal 6. Apa emergency ini, apa darurat? Tidak ada definisi emergency.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan beri jawapan atas satu perkara yang mustahak itu oleh kerana Perdana Menteri ada kuasa luas untuk, dengan izin, take temporary possession of any railway services or facility established, withdraw either partially or totally the use of any railway services or facility from any person or class of persons or from the public at large.

Jikalau, dengan izin, ada privatization, ini jadi harta benda atau hak seorang warganegara boleh

dihapuskan oleh Perdana Menteri. Dan, Tuan Speaker, bukan itu sahaja peruntukan dalam seksyen baru yang ada dalam Fasal 6, Seksyen 122A (2):

“(2) If any doubt arises as to the existence of a public emergency...” Apa ini public emergency? “. . . or whether any act done under subsection (1) was in the interest of public safety, a certificate signed by the Prime Minister and exhibited at such places as the Minister deems fit shall be conclusive proof on the point.”

Ini bermakna, Tuan Speaker, jikalau ada satu surat akuan yang ada ditandatangani oleh Perdana Menteri itu jadi muktamad.

Adakah ini bermakna mahkamah pun tidak ada kuasa untuk beri keputusan atas perkara ini seperti surat akuan ini tidak sah oleh kerana the subjective satisfaction, dengan izin, of the Prime Minister is not based on a situation which is factual enough for that certificate to be issued. Adakah ini bermakna, Tuan Speaker, tidak ada judicial review, dengan izin, apabila surat akaun seperti ini ada dikeluarkan oleh Perdana Menteri. Ini dalam guise darurat. Perdana Menteri mahu cuba untuk dapat kuasa-kuasa sangat luas.

Perdana Menteri ini, Tuan Speaker, dalam krisis constitutional dalam tahun 1984, Perdana Menteri kita ada cuba masa itu; ini jadi undang-undang yang kecil, masa itu undang-undang pindaan yang ada Perdana Menteri cuba buat pindaan kepada, dengan izin, the supreme law of the land—the Federal Constitution masa itu.

Perkara 150 yang ada sekarang dan juga masa dulu, Tuan Speaker, lepas mereka peruntukan Perkara 150 ada dalam Perlembagaan ada kuasa diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan satu masa darurat

jikalau perlu in the national interest, dengan izin.

Dalam tahun 1984 Perdana Menteri kita ada cuba untuk pinda Article 150 dan juga lain-lain Article yang ada kaitan dengan Article 150 untuk rebut kuasa itu daripada Raja-raja dan dapat kuasa itu dalam tangan sendiri. Ada pindaan-pindaan masa itu yang ada dibentangkan oleh kerana Raja-raja masa itu ada realise, dengan izin, Perdana Menteri ada cuba untuk dapat kuasa-kuasa seperti yang saya sebut tadi untuk jadi diktator. Itu bermakna percubaan untuk adakan pindaan-pindaan yang Kerajaan ada cuba buat masa itu. Ada tanda-tanda, Tuan Speaker, Perdana Menteri kita mahu jadi diktator. Tetapi sekarang ada perpecahan dalam UMNO. Ada pemimpin-pemimpin dalam UMNO yang bijaksana sekarang. Kesan-kesan yang ada, yang kami boleh lihat, Tuan Speaker, Perdana Menteri kita mahu jadi diktator jikalau kami pergi ke highway. Kediaman Perdana Menteri ada syarat. Warna yang ada digunakan kuning—kuning warna Raja-raja. Hijau warna bagi agama Islam kalau saya tidak silap. Dia mahu jadi satu religious dictator. Itu percubaannya. Kami ada Raja-raja, ada Yang di-Pertuan Agong di Kuala Lumpur.

Saya tahu Yang di-Pertuan Agong tidak suka saya, itu lain hal. Tetapi adakah syarat mana-mana, Tuan Speaker? Adakah Tuan Speaker sendiri atau Yang Berhormat-Yang Berhormat lain di sini termasuk Menteri Kerjaya lihat di mana istana? Ini perkara kecil, bukan besar. Tetapi kelmarin ada undang-undang seperti ini special power on all fours, dengan izin, ada di sana. Hari ini—ini, besok boleh jadi undang-undang lain. Barangkali sekarang tektik lain start from the small and go towards the big dengan izin. Masa itu mahu start dengan the supreme law of the land, dengan izin, the Constitution. Bila kena hentam oleh Raja-raja sudah takut, sekarang mahu cuba jalan lain.

Saya mahu dapat tahu daripada Timbalan Menteri Pengangkutan oleh kerana apa kuasa darurat, kuasa yang luas ini Pedana Menteri mahu sendiri guna. Oleh kerana apa? Dan juga saya mahu tahu apa ini public emergency. Kami di sini mahu tahu apa public emergency. Dalam Perlembagaan pun, Tuan Speaker—Tuan Speaker pun jadi seorang lawyer—saya ingat Perlembagaan pun tidak ada sebut public emergency—“if any emergency”.

Perkara 150 Tuan Speaker, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris:

“(1) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a grave emergency exists whereby the security, or the economic life, or public order in the Federation or any part thereof is threatened, he may issue a Proclamation of Emergency making therein a declaration to that effect.”

Tidak ada public emergency. Public order—yes, benar. Mana ada public emergency? Adakah perbezaan dengan public emergency yang ada dalam peruntukan baru ini dan emergency yang ada dicontemplated, dengan izin, dalam Perlembagaan. Jikalau ada perbezaan, apa perbezaan ini? Kami di sini mahu tahu.

Tuan Speaker, baru-baru ini ada kemalangan keretapi. Bukan satu atau 2 dan dalam 2 tahun yang lalu, saya ingat lebihkurang 3 atau 4. Adakah badan yang bertanggungjawab keretapi ini—saya tidak mahu cakap “Keretapi Tanah Melayu”, oleh kerana itu, saya ingat itu adalah “outdated” dan misnomer—adakah Keretapi Tanah Malaysia, badan yang bertanggungjawab, memeriksa bukan sahaja landasan tetapi juga, memeriksa keretapi-keretapi untuk menetapkan keretapi-keretapi ini ada, dengan izin, “up to the standard”, dan bukan satu punca nahas kemalangan di mana ada maut warganegara dan juga bukan warganegara.

Tuan Speaker, dalam kemalangan baru-baru ini di Johor, jikalau saya tidak silap ada seorang warganegara Amerika Syarikat yang terlibat. Apa yang menghairankan lagi, Tuan Speaker iaitu Menteri Pengangkutan apabila beliau pergi ke tempat kemalangan itu ada membuat satu kenyataan rasmi dan dalam kenyataan itu beliau ada bercakap bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pampasan/gantirugi kepada keluarga mangsa yang mati dalam kemalangan itu dan juga mangsa-mangsa yang cedera, cedera parah pun ada. Kerajaan tidak ada cadangan. Saya ingat itu menjadi satu statement, satu kenyataan yang arrogant. Boleh jadi Timbalan Menteri Pengangkutan boleh kata apabila menjawab, “Oh, ini jadi satu perkara yang boleh dibawa ke Mahkamah dan tunggu keputusan Mahkamah, Mahkamah ada di sana”.

Tuan Speaker, ada perbezaan apabila satu kes ada bersangkutan dengan kemalangan keretapi. Sebagai seorang peguam Tuan Speaker pun sedar bahawa di bawah Public Authorities (Protection) Act, 1948, tempoh untuk menjalankan sesuatu kes tentang Kerajaan adalah 3 tahun—36 bulan, tetapi dalam satu perkara kemalangan keretapi, Tuan Speaker, jikalau saya tidak silap, saya ingat satu tahun atau boleh jadi 2 tahun—saya tidak check, tetapi ada perbezaan. Mengapa perbezaan ini? Inipun satu perkara yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan apabila menjawab hujjah-hujjah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker untuk memberi peluang ini kepada saya dan nasib baik Timbalan Speaker yang lain itu tiada di sini (*Ketawa*). Tidak mengapalah—it does not arise.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

4.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih kerana Timbalan Menteri Pengangkutan membangkitkan Rang Undang-undang untuk menswastakan sistem Keretapi Malaysia kerana pada pendapat saya beliau tidak mendalami masalah-masalah dan kerumitan yang terdapat di dalam sistem Keretapi di negara ini. Bahkan juga nampaknya beliau kurang faham mengenai masalah dan kemusykilan kewangan terhadap sistem Keretapi ini.

Hari ini saya akan menyentuh 100% ke atas faktor-faktor yang penting mengapa setakat ini negara kita tidak boleh menswastakan sistem Keretapi dengan begitu sahaja tanpa mempertimbangkan tanpa berfikir dengan masak-masak, tanpa menyelidik dengan lebih mendalam dan teliti lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar bahawa ada pertanyaan-pertanyaan dari United Kingdom, Jepun, Perancis dan Canada mengenai hasrat Kerajaan untuk menswastakan sistem Keretapi kita dan khabarnya Timbalan Presiden dari Canadian Railways Corporation dilaporkan ingin berjumpa dengan Timbalan Menteri Pengangkutan dengan syor-syor untuk mengambilalih sistem Keretapi ini. Nampaknya Timbalan Menteri juga telah membuat satu cadangan untuk memberi ekuiti 70% kepada pihak syarikat luar negeri dan bakinya 30% dipegang oleh Kerajaan. Saya pun merasa hairan juga, sebelum kita bangkitkan Rang Undang-undang seperti ini, Timbalan Menteri pergi menawarkan penswastakan ini. Itulah satu sikap yang kurang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, sistem Keretapi Malaysia ini merupakan satu sistem ketinggalan zaman, ketinggalan zaman dari segi pengurusan dan sebagainya dan dari segi kelengkapan

serta dengan single-line operation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan halangan-halangan yang lain, ketinggalan zaman juga terdapat dengan undang-undang mengenai sistem Keretapi. Tetapi saya tidak dengar, tidak nampak Timbalan Menteri membangkitkan hal ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Satu sebab lagi kita terpaksa berwaspada dengan cadangan untuk menswastakan sistem keretapi ini ialah setakat ini ada lebih daripada 6 juta penumpang tiap-tiap tahun dan sebahagian besarnya lebih kurang 4.5 juta atau 5 juta itu daripada golongan berpendapatan rendah. Bolehkah syarikat asing ataupun syarikat tempatan yang mengambilalih sistem rel ini dapat memastikan dan menjamin bahawa 5 juta atau 6 juta orang penumpang ini dengan pendapatan yang rendah dapat terus menggunakan sistem keretapi ini. Ini satu soalan yang pokok kerana di negara ini kita mempunyai 130 stesen, daripada 130 stesen ini hanya 30 stesen memberi keuntungan kepada keretapi negara ini. Adakah Timbalan Menteri Pengangkutan dapat menjamin bahawa dengan diambilalihnya oleh syarikat swasta, 100 stesen lagi ini akan dikekalkan kerana dengan syarikat swasta ini ia bermaksud untuk mengaup keuntungan yang besar. Kalau stesen itu tidak untung, dia memang hendak tutup. Saya tidak nampak tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ini menjelaskan perkara yang begitu penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengurusan, dari segi kecekapan, dari segi kelengkapan sistem rel Malaysia ini, ada setengah-setengah pegawai di semua peringkat menjalankan tugas yang betul sehingga dengan sistem rel sekarang pihak Keretapi boleh menguruskan kelajuan keretapi sehingga 120 kilometer sejam. Jadi ini menunjukkan ada setengah-setengah

pegawai yang boleh dianggap cepak untuk menjalankan tugasnya. Akan tetapi ada setengah-setengahnya tidak begitu cepak juga di antara hampir 10,000 kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sistem rel Malaysia ini yang mempunyai aset lebih kurang \$1 billion dan hutang accumulated debts lebih daripada \$325 juta dan pinjaman \$770 juta ini, saya tidak nampak bagaimana ia dapat diwastakan. Syarikat yang manakah yang hendak menanggung hutang dan pinjaman yang begitu besar dan kalau kita kira accumulated debts dengan pinjaman itu, ia jadi lebih daripada \$1 billion. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak menjelaskan bagaimana syarikat swasta dapat mengambilalih pinjaman dan hutang yang begitu besar.

Satu lagi saya berpendapat kalau syarikat swasta mengambilalih sistem rel kita memang dia akan adakan satu sistem keselamatan yang minimum, standard yang minimum kerana kalau ia hendak adakan standard keselamatan dengan falsafah fail safe, dengan izin, jadi kosnya akan meningkat dan adalah tabiat syarikat swasta untuk mengurangkan kos dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pun menjelaskan perkara kos ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu dengan wang yang dilaburkan oleh Kerajaan nampaknya untuk Rancangan Malaysia Yang Keempat, \$559 juta diperuntukkan untuk memodenkan sistem keretapi di negara ini, akan tetapi ia belum mencukupi. Ada setengah-setengahnya diperbaiki seperti ada membeli 15 main line locomotive, 50 unit gerabak penumpang dan 509 wagon dan sebagainya dan ada \$30 juta setahu saya diperbelanjakan untuk sistem telekomunikasi dan signalling. Ada juga sistem ticketing dicomputerisekan dan setakat ini membelanjakan \$½ billion. Saya tidak nampak bagaimana

syarikat swasta akan dapat mengambilalih perbelanjaan yang begitu besar dan setakat ini dengan belanja \$½ billion ini, di antaranya \$156 juta digunakan untuk mengganti rel dan sleepers, dari sleepers buatan kayu kepada concrete dan sistem drainage pun diperbaiki. Itu hanya setakat 1,000 kilometer rangkaian rel ini sahaja dan bakinya tidak dapat diperbaiki dan ini bermakna Kerajaan terpaksa memperbelanjakan lebih banyak lagi untuk memperbaiki, untuk memodenkan sistem rel kita supaya meningkatkan perkhidmatan dan keselamatannya kepada satu sistem yang lebih sempurna.

Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau berharap dengan menswastakan sistem ini, wang pelaburan yang banyak, yang berbillion ringgit dapat dicurahkan oleh pihak swasta di dalam sistem pengangkutan rel Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat yang lebih wajar dan lebih waras ialah supaya Kerajaan memperbaiki lagi pengurusan sistem rel kita terutamanya dari segi kecekapan, dari segi sopan santunnya dan dari segi productivity kerana walaupun ada setengah-setengah pegawai dan kakitangan itu baik juga tetapi masih ada masalah disiplin yang tidak cukup sama ada dari tenaga separuh mahir, ahli teknik, technical assistant dan jurutera dan dari segi inilah Kerajaan patut menumpukan perhatian daripada cadangan untuk menswastakannya dan juga dari segi prestasinya walaupun ada disebutkan oleh pihak Keretapi bahawa kegelinciran keretapi itu pada tahun yang lepas hanya 47 kes sahaja dan pada tahun ini satu kes, itu menjadi satu tragedi yang besar yang memakan nyawa yang merugikan negara ini.

Akan tetapi ini belum mencukupi. Dari segi penyelenggaraan rolling stock tadi ada disebutkan, rolling stock

yang ketinggalan zaman, enjin dan sebagainya. Saya mencadangkan penyelenggaraan ini dipertingkatkan terutamanya di Sentul Works yang nampaknya ada setengah-setengah kakitangan itu tidak begitu cekap.

Satu cadangan lagi ialah untuk mengkaji undang-undang yang kenamengena dengan keretapi yang ketinggalan zaman ini. Selepas kajian yang teliti itu undang-undang yang lebih moden, yang lebih sesuai hendaklah digubal untuk menggantikan undang-undang yang lama, yang ketinggalan zaman supaya hasrat rakyat dan juga hasrat setengah-setengah kakitangan Kerajaan untuk mewujudkan satu pertubuhan keretapi yang berotonomi dan dapat hidup dengan baik dari segi kewangan—setakat ini tidak, tiap-tiap tahun menampung kerugian. Saya sedari bahawa kalau hendak wujudkan satu sistem rail yang dapat memperolehi keuntungan itu susah kerana sepertimana disebutkan oleh rakan saya susah untuk dapat sistem rail yang dapat keuntungan di seluruh dunia sama ada di Jepun, di Perancis, di United Kingdom ataupun Kanada.

Satu lagi cadangan ialah Kerajaan hendaklah meningkatkan pengiktirafan ke atas sistem keretapi, kerana setakat ini 30 tahun kemerdekaan tetapi pengiktirafan ke atas sistem keretapi ini yang digunakan oleh lebih daripada 6 juta orang tiap-tiap tahun, ini tidak nampak dan itulah satu kegagalan Kementerian Pengangkutan. Saya pun tidak tahulah, sebelum ia mengiktirafkan sistem rail ini dia hendak swastakan. Mungkin kerana tidak iktiraf sistem ini dia hendak swastakan.

Selain daripada meningkatkan pengiktirafan satu prioriti hendak diadakan untuk mewujudkan sistem keretapi yang lebih sempurna, kerana selama 3 dekad ini tidak ada prioriti untuk sistem rail dan mungkin kerana

tidak ada prioriti inilah dia hendak swastakan. Satu cadangan saya ini hendaklah dilaksanakan untuk meningkatkan pengiktirafan dan prioriti untuk sistem keretapi.

Satu lagi cadangan ialah sikap Kementerian Pengangkutan terhadap sistem rail ini hendaklah diubah dan diperbaiki.

Satu lagi cadangan, cadangan yang terakhir, ialah saya berharap Kementerian Pengangkutan dapat mengadakan satu dasar pengangkutan negara untuk berbagai jenis pengangkutan di negara ini. Ini merupakan satu perkara yang penting kerana Kementerian Pengangkutan setakat ini kurang menumpukan perhatian ke atas dasar pengangkutan yang lebih sempurna. Sekarang dia tidak ada dasar, kalau ada kegelinciran keretapi dia barulah hendak adakan jawatankuasa untuk menyiasat. Itulah satu kegagalan, satu kelemahan yang teruk.

Akhir sekali saya berharap Kementerian Pengangkutan dapat menerima cadangan-cadangan bernas saya ini. Janganlah sekali-kali degil tidak mahu mengakui, tidak mahu insaf mengenai kelemahan-kemelahan yang terdapat di dalam Kementerian Pengangkutan, terutamanya terhadap sistem keretapi di negara ini dan patutlah mengadakan satu dasar pengangkutan negara yang lebih sempurna, yang lebih moden, yang sesuai dengan kehendak negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.08 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil

sedikit perbahasan dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 yang mana Akta ini boleh dinamakan Akta Keretapi (Pindaan) 1987 yang sebentar tadi telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan daripada fasal ke fasal. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun memberikan pandangan dan hujah-hujah. Di sini saya ingin juga hendak mengambil sedikit kesempatan iaitu mengikut Fasal 2 bertujuan memasukkan Seksyen 4A yang baru untuk memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan dan seterusnya. Ini adalah dengan tujuan sebagaimana yang kita telah luluskan juga semalam berhubung dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang mana juga akan diswastakan dan pada hari ini satu lagi akan diswastakan untuk mendapatkan sokongan di dalam Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya juga sebagai rakyat biasa yang mana kita juga merasai supaya pihak Keretapi Tanah Melayu dan juga pihak Kerajaan lebih-lebih lagi Kementerian Pengangkutan. Sungguhpun Ordinan ini dibawa saya fikir supaya dapat kembali dikaji agar hendak diswastakan Keretapi Tanah Melayu ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya, kerana sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan tadi Keretapi Tanah Melayu ini ialah keseluruhannya boleh dikatakan digunakan oleh orang-orang yang berpendapatan rendah dan juga yang banyak keluarga, yang tidak ada kereta, lebih-lebih lagi mereka yang duduk di luar bandar, yang mana mereka ini bergantung ke atas kenderaan keretapi inilah dari Singapura ke Perlis hingga daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan dan berulang alik.

Oleh itu, dalam masalah ini, saya mengharapkan jikalau sekiranya pihak

Kementerian memandang Keretapi Tanah Melayu ini menempuh kesulitan tentang kewangan, kerugian dan seterusnya, saya fikir janganlah pihak Kerajaan; apa sahaja ada dalam negara kita ini yang dipandang tidak mendatangkan faedah, rugi dan seterusnya tetapi kita tidak menyelidik bagaimana dan apa sebab-sebab kesulitannya, terus kita hendak swastakan sahaja; rasa saya lama kelamaan apa yang ada dalam negara kita ini nanti semuanya diswastakan, dipegang oleh orang lain. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan supaya kita berjaga-jaga khasnya dalam masalah Keretapi Tanah Melayu ini iaitu bagaimana kerugian yang berlaku. Umpamanya selalu jatuh, tergelincir dari landasan, tentulah ada sebab-sebabnya. Mungkin sebab landasan itu lama atau mungkin tidak diganti dan banyak lagi kemungkinan-kemungkinan yang lain. Ini patut diselidiki supaya perjalanan Keretapi Tanah Melayu ini berjalan dengan lancar dan tidak diswastakan.

Begitu juga kalau kerugian penumpang-penumpang, apa sebabnya penumpang-penumpang tidak banyak naik keretapi. Kemungkinan ini juga sebabnya yang saya pandang sekarang ini sungguhpun ada yang di katakan oleh Yang Berhormat tadi lebih kurang ada 130 buah stesyen keretapi dalam negara Malaysia ini, hanya 30 sahaja yang digunakan. Apa salahnya dalam masalah untuk kepentingan orang ramai, di mana-mana orang yang ramai supaya keretapi ini berhenti, umpamanya, dari Kuala Lumpur ke Kuala Kubu. Saya dengar ada juga orang mengatakan mengapa tidak berhenti di Serendah. Di Serendah sana umpamanya banyak juga orang-orang yang duduk di Kuala Lumpur mengatakan banyak penumpang-penumpang, tetapi keretapi tidak mahu berhenti. Oleh itu, dalam salah satu sebab itulah umpamanya rasa saya dibuat kajian oleh pihak Keretapi

Tanah Melayu, mana stesyen-stesyen yang tidak berhenti sekarang ini dapat dilihat dan dibuat kajian supaya keretapi penumpang ini dapat berhenti dan mengambil penumpang-penumpang.

Begitu juga tentang masalah barang-barang daripada Pelabuhan Pulau Pinang umpamanya hendak dibawa ke Kuala Lumpur. Dari Port Swettenham atau Pelabuhan Kelang hendak dibawa ke Kuala Lumpur yang sekarang ini banyak menggunakan lori-lori, trailer-trailer yang panjang-panjang. Apa salahnya pihak keretapi mewajibkan sebab ini hak Kerajaan, mewajibkan lori-lori, trailer ini tidak digunakan, ia boleh digunakan di tempat-tempat yang dekat sahaja, yang jauh-jauh mesti digunakan keretapi. Dengan keadaan ini, saya rasa menambahkan lagi pendapatan-pendapatan yang boleh menghidupkan semula keretapi kalau sekiranya sekarang ini kerugian dengan begitu banyak.

Di samping itu, sungguhpun dalam keadaan keretapi rugi tetapi kita lihat pula Stesyen Keretapi Kuala Lumpur. Umpamanya jalan bawah tanah yang dibuat di depan masjid untuk menyeberang, tetapi hingga hari ini saya rasa tak banyak orang yang menyeberang, tetapi perbelanjaannya begitu banyak. Apa sebab pihak Kementerian dan juga pihak pentadbir Keretapi Tanah Melayu tidak terlebih dahulu membuat kajian adakah mendapat keuntungan atau sebagainya dengan adanya terowong ataupun jalan kaki di bawah tanah yang menyeberang jalan besar di depan Keretapi Tanah Melayu.

Begitu juga sekarang ini saya lihat membuat pagar-pagar. Sepatutnya tak perlu benda-benda itu dengan keadaan ekonomi merosot, dengan keadaan Keretapi Tanah Melayu tidak ada wang seperti yang dikatakan. Saya rasa itu patut dihentikan dahulu. Ini rasa saya yang perlu diambil tindakan. Tidak

hanya terus nampak sahaja rugi, kita hendak swastakan. Nampak sahaja rugi, kita hendak swastakan semuanya. Lagi apa yang ada kepada kita semua.

Soal-soal yang lain, Tuan Yang dipertua, Fasal 6 tadi ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bertujuan memasukkan Bahagian XIVA baru untuk memberi kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam.

Saya rasa sungguhpun saya belum lagi mengatakan hendak meluluskan Rang Undang-undang ini, dalam masalah ini patut juga pihak Kerajaan, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dengan adanya keadaan ini jikalau sekiranya pihak keretapi ini diswastakan nanti, pandangan saya bukan untuk memberi jawapan kepada pihak Menteri—tidak, ini pandangan diri saya; ini memang elok diadakan kerana ini adalah untuk menjaga kepentingan orang awam. Jikalau sekiranya besok Keretapi Tanah Melayu ini diswastakan, kemungkinan tidak ada kaitan dengan Perdana Menteri ataupun Menteri-menteri yang berkenaan, kemungkinan apa-apa berlaku di masa darurat, pihak Keretapi Tanah Melayu ataupun apa-apa nama apabila diswastakan nanti, mereka ini akan mengambil tindakan sewenang-wenang kepada orang awam. Dengan keadaan ini, dengan adanya Perdana Menteri yang boleh mengambil sesuatu untuk kepentingan awam, rasa saya tidak ada apa salahnya dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini untuk menjaga kepentingan orang awam.

Selain daripada itu, sebagaimana yang dikatakan tadi lebihkurang 8,600 kata Yang Berhormat Timbalan Menteri kakitangan Keretapi Tanah Melayu. Mereka ini kita juga mesti

pandang jauh ke hadapan. Dengan adanya 8,600 ini, ini bukan sedikit manusia, sebagaimana juga yang dikalikan 5 orang satu keluarga telah menjadi 43,000. Apabila diswastakan nanti kemungkinan orang-orang ini akan dibuang kerja dan sebagainya. Ini akan menanggung lagi beban kepada pihak Kerajaan. Ini juga patut kita mengambil ingatan supaya mereka ini tidak teraniaya apabila Keretapi Tanah Melayu ini diswastakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Benut.

5.17 ptg.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Benut): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948, saya ingin membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan soal ekonomi di dalam pengurusan perjalanan keretapi.

Pada pandangan saya KTM ini mempunyai hartabenda yang boleh dikatakan tinggi nilainya terletak di dalam bandar-bandar yang terbesar. Tanah-tanahnya terletak juga di pertengahan bandar-bandar di mana KTM berkhidmat dan banyak daripada tanah-tanah dan bangunan-bangunan ini adalah bersejarah.

Saya rasa kalau kita mengambil penilaian di dalam hartabenda yang dipunyai oleh KTM, kita mungkin mendapat suatu nilai yang tinggi yang boleh kita mencagarkan untuk mendapat pinjaman yang tinggi untuk terus memperbaiki khidmat KTM. Jadi saya rasa, eloklah kalau Kerajaan dapat menimbangkan itu sebagai satu

alternatif selain daripada penswastaan. Ini adalah kerana kalau KTM ini diswastakan dengan tidak mengambilkira harta-harta yang terletak di dalam bandar-bandar, kita akan menggadaikan hakmilik generasi-generasi yang akan datang. Lebih baik, kalau Kerajaan memikirkan alternatif-alternatif yang lain seperti menggabungkan dua-tiga Kementerian ataupun agensi-agensi Kerajaan seperti Syarikat Telekom Malaysia (STM) ataupun UDA untuk menggunakan tanah-tanah KTM, selain daripada tujuan pengangkutan.

Maksud saya, di dalam perjalanan keretapi dari satu tempat ke satu tempat, STM misalnya boleh menggunakan perjalanan itu sebagai satu 'route' untuk menempatkan 'cable fibre optic' di mana saya difahamkan STM akan cuba menjalankannya sebagai satu aktiviti untuk meningkatkan lagi perkhidmatan telekom. Jadi, tidak payahlah STM mengambil tanah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya rasa agensi-agensi Kerajaan seperti UDA boleh membangkitkan lagi tanah-tanah yang ada kepunyaan KTM untuk, dengan izin, commercial purposes, sebagai satu cara di mana kewangan itu boleh mengalir balik kepada pembangunan perkhidmatan KTM.

Saya rasa soal kecemasan boleh dijawab kalau sebahagian daripada pembangunan KTM ini diambil daripada anggaran belanjawan yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan. Sebab saya rasa di dalam kegunaan selain daripada orang awam, pihak tentera kita juga berjalan dari satu tempat ke satu tempat adalah pengguna pengangkutan keretapi yang besar juga dan seperti mana yang telah dilakukan di negara-negara membangun yang lain, apabila kita merasa bahawa pengangkutan adalah satu daripada aktiviti ataupun kegiatan yang strategik kepada negara, negara-negara itu telah pun memberi sedikit

sebanyak anggaran dari Kementerian Pertahanan kepada perkhidmatan seperti KTM. Tetapi kalau penswastaaan ini tidak dapat dielakkan, saya rasa lebih eloklah kalau Permodalan Nasional Berhad (PNB) ataupun Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) diberikan peranan yang besar bagi menentukan barang-barang yang di dalam kepunyaan KTM ini tidak digadaikan kepada syarikat-syarikat asing. Sebab saya rasa adalah di dalam budaya syarikat-syarikat swasta untuk memperbesarkan keuntungan sebelum perkhidmatan untuk orang awam dipertimbangkan iaitu, dengan izin, commercial interest plays greater importance than public service.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa.

5.23 *ptg.*

Drs Sulaiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Ordinan keretapi 1948 iaitu Akta Keretapi (Pindaan) 1987, dan bagi pandangan saya adalah tepat masa dan ketikanya KTM ini diswastakan, khususnya mengenai harta-harta KTM yang terdapat begitu banyak dan besar jumlahnya di Kuala Lumpur ini.

Saya suka menarik perhatian Kementerian bahawa hampir 100 ekar, kalau saya tak silap, yang terdapat di bandar Sentul, yang tidak dapat diuruskan dengan baik oleh KTM, misalnya quarters kakitangan KTM yang terdapat di Sentul. Kita dapat takrifkan seperti 'reban ayam' yang tidak terurus, yang begitu lama, barangkali lebih daripada 30-40 tahun.

Ini amat malang kepada pekerja atau kakitangan KTM yang tidak mendapat perhatian yang baik daripada Kementerian, mahupun daripada KTM sendiri. Kalau tanah-tanah itu turut diswastakan, barangkali bandar Sentul itu merupakan satu bandar baru di mana KTM sendiri akan memperolehi keuntungan dan dapat memperbaiki pengurusan atau pentadbiran KTM yang ada.

Saya fikir ini juga akan memberi manfaat kepada kakitangan KTM yang ada dalam keadaan kesengsaraan, dilihat daripada keadaan quarters itu dan dengan penswastaaan tanah-tanah yang ada di Sentul itu boleh memberikan peluang bagi mereka untuk mendapat rumah-rumah yang barangkali kos rendah atau kos sederhana yang boleh dibuat atas penswastaaan dengan pihak-pihak swasta.

Atas konteks inilah saya suka menyokong supaya Keretapi Tanah Melayu ini dapat diswastakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.28 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beri sedikit pandangan saya berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu.

Saya rasa sungguhpun Kerajaan ada satu Rang Undang-undang (Pindaan) di sini untuk menswastakan keretapi kita, tetapi saya rasa cadangan ini pun tidak boleh mendatangkan apa-apa faedah, sebab saya masih ingat, kalau tak silap, tahun lepas apabila mengemukakan Budget, Menteri Kewangan ada tawarkan sesiapa hendak mengambilalih atau 'take-over' pentadbiran KTM ini boleh membelinya dengan harga \$1.00, dan boleh mengambilalih KTM. Tetapi

sampai sekarang tidak ada orang yang mahu membayar \$1.00 untuk takeover KTM itu.

Sebabnya ialah kerana pihak swasta, apabila dia siasat KTM, tengok dia punya asset, benda-benda, harta-harta dan lain-lain dan rolling stock, enjin-enjin dan sebagainya, dia nampak itu tidak boleh jadi satu syarikat untuk mendapat keuntungan wang dan kalau mahu ambillah mesti jadi hilang wang dan jadi bankrap di masa akan datang. Apa sebabnya, Tuan Yang di-Pertua? Pertama sekali KTM semenjak dijalankan dahulu, 100 tahun atau beberapa dekad dahulu, sampai sekarang tidak ada apa-apa pengubahsuaian landasan-landasan, sampai sekarang sama juga, sama sahaja tidak ada ubahsui sampai sekarang walaupun sudah beberapa dekad. Sekarang pun masih satu landasan, one single track dan track itupun narrow gauge, sempit punya gauge, bukan lebar punya gauge. Kalau orang dari luar negeri melihatnya, ia akan ketawa sebab sangat sempit dan sudah sangat tua dan tidak mengikut modernisation. Oleh kerana single track, apabila koc-koc berjalan selalu tidak mengikut jadual. Keretapi kita selalu dipercakapkan oleh orang ramai selalu lewat sampai destinasi, always slow, always late. Oleh sebab itu, pihak swasta tidak mahu mengambil alih atau takeover Keretapi Tanah Melayu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Di dunia, mana-mana negara yang ada perkhidmatan keretapi yang mendapat keuntungan jikalau mereka menjalankan perkhidmatan keretapi? Amerika Syarikat yang ada perkhidmatan keretapi mendapat kerugian yang besar. Di Jepun juga, sungguhpun dia ada memodenkan perkhidmatan keretapinya, ada bullet train tetapi dia juga mendapat kerugian yang besar. Ada satu tempat sahaja di mana transportation, dengan izin, dengan bas, dengan subways, dengan

feri ada mendapat keuntungan, ialah Hong Kong. Di Hong Kong sahaja syarikat-syarikatnya ada mendapat keuntungan apabila mereka berniaga bas-bas, feri-feri dan subways. Tempat lain tiada, Jepun pun tiada. Sebab itu saya katakan bil ini sungguhpun tujuannya untuk meminda, Ordinan dahulu untuk menswastakan untuk tujuan menyelamatkan keretapi, saya ingat tidak akan mendapat apa-apa faedah, mesti gagal, tiada guna. Kalau Rang Undang-undang ini memberi sedikit faedah jika diswastakan, misalnya services, itupun susah juga. Kita boleh lihat khidmat kantin dalam keretapi sahaja. Apabila kita pergi ke Penang atau Singapura, servicenya sungguhpun baru tetapi tidak berapa baik dan harga menunya sangat mahal jika dibandingkan beberapa tahun dahulu. Ini terjadi kerana kantin itu telah diswastakan, bagi kontrak swasta.

Mana ada faedah yang diberikan kepada pengguna-pengguna keretapi, passengers, tiada apa-apa faedah. Sebab itu saya rasa undang-undang ini tidak akan memberi apa-apa perkhidmatan kepada rakyat kita. Kerajaan boleh try, tetapi saya rasa lebih baik take the bull by the horns, dengan izin. Ada satu pentadbiran lebih baik memberi khidmat kepada negara, kepada rakyat kita, kalau diswastakan keretapi ini, saya rasa tambang-tambang mesti naik, sure to go up, dengan izin. Ada banyak contoh, misalnya Telekom, apabila sudah menjadi Syarikat Telekom, apa yang berlaku sekarang? Deposit pun naik, semua pun naik. Sampai Malaysia Consumers Association pun complain, mengadu, Ini tidak sihat. Apa ini penswastakan? What sort of privatisation is this? Kalau penswastakan ialah untuk faedah kepada rakyat, ialah baik, saya sokong. Tetapi apabila penswastakan lebih menyusahkan kepada rakyat, rates naik, deposit naik, semua pun naik. Apa tujuan ini? What is the

purpose? Lebih baik Syarikat Telekom itu diambil balik oleh Kerajaan. Berhentikan Syarikat Telekom itu kerana tiada guna.

Saya rasa kalau keretapi menjadi satu syarikat, keretapi itu pun akan terjadi juga. Tambang akan naik. Kalau tambang naik, siapa susah? Rakyat susah, khasnya penduduk-penduduk di luar bandar, di kampung-kampung, mereka susah. Sebab itu saya harap kepada Kerajaan supaya keretapi ini tidak diswastakan, jangan kita membuang masa dan membuang wang. Lebih baik Kerajaan sendiri bekerja kuat sedikit, buat satu pelan. Kerajaan mesti beri subsidi, tiada jalan lain. Mesti subsidi untuk khidmat rakyat. Lihat Jepun, kita ingat boleh swastakan dan beri satu sistem moden, tambang lebih murah? Tidak boleh. Jepun tidak boleh, kita boleh? Tidak boleh. Rolling stock semua sudah lama, berapa tahun sudah? Enjin pun lama, landasan pun lama, semuanya lama. Undang-undang ini tidak ada guna. Saya berharap kepada Kerajaan memeriksa, menyasiat semula dan jangan menswastakan Keretapi Tanah Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

5.38 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan satu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan Akta ini. Saya bersetuju dengan

beberapa pendapat di atas kebimbangan yang disuarakan oleh pihak ahli-ahli yang telah memberikan hujah-hujah. Memanglah sebenarnya bahawa Akta ini adalah untuk membolehkan pihak Kerajaan menswastakan keretapi ini. Tujuan-tujuan dan sebab-sebab utama yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa dan kenapa Kerajaan sepatutnya atau seharusnya menswastakan setengah-setengah badan perkhidmatan awam ini. Salah satu sebabnya, sebagaimana yang telah pun diterangkan oleh beberapa orang pemimpin ataupun Yang Berhormat Menteri-menteri tentang betapa besarnya sektor awam di dalam negara kita ini, kerana jika dikaji dengan lain-lain negara di dunia ini nisbah kadar kakitangan Kerajaan di sektor awam ini adalah 17:1, boleh dikatakan satu jumlah yang paling tinggi di dunia hari ini.

Dan dengan sebab itulah di dalam Belanjawan Negara kita walaupun pada tahun 1987 kita telah memperuntukkan sebanyak lebih hampir \$28,000 juta tetapi yang boleh diperuntukkan kepada pembangunan hanyalah \$6,000 juta sahaja kerana sebahagian besar daripada wang itu adalah diperuntukkan dalam \$22,000 juta itu untuk Belanja Mengurus. Daripada Belanja Mengurus ini sebahagian besar daripadanya adalah untuk membayar wang gaji kepada kakitangan Kerajaan. Salah satu jalan keluar untuk membolehkan Kerajaan menambahkan lagi wang kepada pembangunan-pembangunan di dalam negara kita ini ialah mengurangkan kos pengurusan di sektor awam ini. Salah satu sektor yang difikirkan munasabah ialah Keretapi. Memanglah diakui Keretapi merupakan salah satu aliran pengangkutan yang termasyhur, yang terkenal dan yang diminati oleh rakyat di negeri ini terutamanya bagi mereka dari golongan yang berpendapatan rendah.

Langkah Kerajaan ini saya rasa bukanlah sebagaimana yang ditohmahkan oleh setengah-setengah anggota hendak menyusah dan membebankan kepada rakyat dengan tambang yang mahal dan berbagai-bagai lagi. Tetapi tujuan yang sebenar seperti yang saya katakan tadi untuk meringankan beban Kerajaan di dalam menguruskan negara ini supaya wang-wang yang ada itu dapat ditokotambah bagi menambahkan wang dalam pembangunan negara.

Hari ini kita berterima kasih terutama masyarakat di luar bandar kepada Kerajaan kerana setahu saya dalam sejarah pembangunan pada tahun ini, 60% daripada wang pembangunan iaitu \$4,000 juta, \$6,000 juta telah diperuntukkan pada pembangunan di sektor luar bandar. Saya rasa dengan adanya dasar Kerajaan dapat menswastakan Keretapi ini, segala Belanja Pengurusan yang hari ini terpaksa dibebankan atau ditanggung kepada Jabatan Keretapi ini, wang-wang itu akan dapat diselamatkan bagi menambahkan lagi pembangunan untuk rakyat di kawasan luar bandar.

Jika sekiranya rakyat yang ada di kawasan-kawasan luar bandar ini dapat dimajukan dari segi sosio ekonominya, maka kita tidak bimbang walaupun tambang keretapi itu dinaikkan sedikit. Tetapi kita bimbang tambang naik, kehidupan rakyat luar bandar makin susah. Ini yang kita bimbang. Jadi, ini ada imbngan (balance). Kerajaan beri di sini, ambil duit tambah di sana. Kalau dia boleh mendapat penghidupan yang baik, dia tidak takut. Dalam masalah ini tidaklah benar mengatakan kita mempunyai tujuan menswastakan ini untuk membebankan kehidupan rakyat. Tambahan pula kalau kita lihat pada Fasal 5, saya mohon izin untuk membaca, Tuan Yang di-Pertua:

“Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen 41A baru yang menghendaki mana-mana orang

yang diberi kuasa atau di lesenkan di bawah Ordinan mengemukakan memorandum kepada Pentadbiran Keretapi berkenaan dengan apa-apa perubahan struktur tambang, dan lain-lain, yang sedia ada.”

Jadi, berdasarkan hakikat ini bermakna Kerajaan tentulah tidak sewenang-wenangnya membenarkan mana-mana pihak membebankan orang ramai seperti menaikkan tambang dan lain-lain lagi kepada penumpang-penumpang, kepada orang ramai. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, saya yakin dan percaya apabila Keretapi ini hendak diswastakan kelak, sudah tentulah satu faktor yang utama yang penting yang diambil berat ialah tentang masalah-masalah tambang dan lain-lain bagi kepentingan umum. Dan saya yakin dan percaya masalah kepentingan rakyat ini tidak akan dipengapakan oleh pihak Kerajaan kerana Kerajaan sedar kekuasaannya, kekuatannya hanya antara empat, lima tahun sahaja. Sampai empat, lima tahun, ia terpaksa serahkan balik kuasanya kepada rakyat. Jadi, adakah manasabah untuk mendapat kuasa balik dalam masa mereka berkuasa, mereka membebankan rakyat dengan bermacam-macam masalah. Kalau beginilah sikap Kerajaan maka sudah tentu mereka tidak akan dipilih bagi tempoh yang akan datang. Hakikat yang ada kita nampak tiap-tiap kali Pilihanraya, Barisan Nasional dapat menambah majoritinya. Ini adalah bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat tentang kepentingan rakyat.

Berhubung dengan masalah kakitangan Keretapi ini, saya memang bersimpati dengan pandangan daripada rakan-rakan saya sama ada dari Pembangkang ataupun pihak Kerajaan tentang betapa perlunya Kerajaan memberi perhatian yang serius ke atas kepentingan kakitangan ini. Tetapi dari amalan-amalan yang lepas meyakinkan saya seumpamanya

di dalam masa Kerajaan hendak menswastakan Telekom, beberapa perundingan demi perundingan telah dibuat sehingga ke akhirnya mereka diberi peluang memilih sama ada mahu kekal dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun masuk di bawah pengurusan pihak swasta. Seluruh kakitangan telah menimbang dengan matang. Kita yang di luar ini tidak tahu. Kata pepatah Melayu: "Mana berat mata memandang, berat lagi bahu memikul". Orang yang bekerja itu lebih tahu susah atau senang. Kita ini boleh cakap sahaja, susah, susah, susah. Yang tahu susah bukan kita, dia. Jadi, dia telah memilih swasta ini bagus kata dia, dia masuk swasta. Cuma hari ini ada kita yang bising-bising kata tidak bagus. Itu kita kata.

Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya di dalam konsep yang sama, Kerajaan akan melakukan bagi memproses kakitangan Perkhidmatan Keretapi ini apabila tiba masanya Kerajaan bersetuju hendak menswastakan Keretapi ini. Dan pada masa itu saya berharap pihak kakitangan Keretapi sendiri sama ada yang telah lama atau yang baru berkecimpung dan memberi perkhidmatan kepada Keretapi ini akan menimbang dengan teliti, akan membuat keputusan yang wajar sama ada mereka akan kekal dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun diserap di bawah pengurusan pihak swasta.

Jadi saya rasa tidaklah perlu kita bimbang kerana hujah saya ini berdasarkan kepada pengalaman konsep penswastakan Kerajaan dalam Bahagian Telekom yang lepas. Itu asas, ini bukan cakap berdasarkan kepada logik yang saya sebutkan tadi. Namun demikian oleh sebab Kerajaan juga manusia dan saya manusia kita perlulah ingat mengingati. Saya mengingatkan kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri yang

berkenaan supaya dapat mengambil pandangan sama ada daripada Pembangkang ataupun daripada Kerajaan kerana matlamat kita satu sahaja untuk memberikan sebaik-baik perkhidmatan kepada rakyat dan negara seluruhnya, tidak semua yang disebutkan oleh Pembangkang tidak betul, terutamanya sahabat saya daripada Bukit Bintang, saya banyak juga bersetuju kecuali ada seorang, berdua di sini saya tidak setuju (*Ketawa*). Tidak payah sebut, rahsia.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Keretapi ini, kawan-kawan saya dari Kerajaan, juga daripada pihak Pembangkang semua Keretapi dalam dunia ini rugi. Maknanya menjalankan khidmat keretapi mempunyai risiko yang tinggi tetapi saya hairan di dalam sejarah Keretapi Tanah Melayu ini waktu berlaku pertukaran Pengurus Besar, yang hari ini menjadi Ketua Audit Negara, di dalam masa pentadbiran beliau, Keretapi telah mencatatkan keuntungan.

Jadi dengan sebab itu saya rasa adalah sebab-sebab dan penyakit-penyakit di dalam Jabatan Keretapi ini. Jika penyakit-penyakit ini boleh diubati, saya rasa semua perjalanan ini akan sihat dan akan dapat menelurkan keuntungan dan hasil yang baik.

Oleh sebab itu untuk menarik minat pelabur-pelabur asing atau dalam negeri yang akan mengambil atau menguruskan perjalanan keretapi ini, pihak Kementerian perlulah melihat mana-mana ada kuman penyakit yang ada di dalam pentadbiran Keretapi sekarang perlulah disuntik atau inject supaya orang-orang ini akan dapat kita ubati dan boleh meyakinkan pihak-pihak berkenaan atau mereka yang berminat untuk menjalankan perkhidmatan Keretapi di negara kita ini.

Selain daripada itu, perkara ini juga apabila kita menyebut Keretapi, bersangkutan paut juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, terutamanya dalam masalah rel-rel keretapi yang hari ini kita tahu banyak tempat-tempat, get-get keretapi yang tidak dikawal rapi sehingga menyebabkan beberapa kemalangan yang berlaku dalam perkhidmatan keretapi ini.

Oleh hal yang demikian, saya berharap pihak Kementerian ini tidak memandang sepi di dalam masa hendak menswastakan keretapi ini, kes-kes yang seperti ini, masalah-masalah yang seperti ini perlu diambil kira bagaimana perkhidmatan ini dapat dijalankan bagi masa akan datang untuk mengelakkan berlakunya kemalangan-kemalangan seperti yang berlaku di Negeri Perak tidak lama dahulu. Sekiranya perkara-perkara seperti yang saya katakan tadi, get-get yang terbiar begitu sahaja, tidak diambil kira oleh pihak-pihak swasta kerana hendak memungut keuntungan yang lebih, kalau sekiranya mereka terpaksa mengadakan pembaharuan dan sebagainya, sudah tentulah akan menambah kos perbelanjaan dan boleh akan menjejaskan keuntungan. Saya kira itu adalah tidak wajar kerana sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan hendaklah sentiasa mengambil inisiatif atau daya usaha bagi menjamin keselamatan orang ramai, bukan sahaja penumpang keretapi tetapi mereka yang menggunakan jalanraya di mana lintasan atau rel keretapi ada di atasnya.

Jadi perkara ini saya rasa mungkin boleh dibuat perundingan sama ada dengan Kerajaan Negeri atau Majlis-majlis Perbandaran di mana terdapat keadaan-keadaan seperti itu supaya kita dapat membendung bertambah atau berlakunya kemalangan di jalan-jalan keretapi bagi masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sama berpendapat dengan beberapa orang Ahli-ahli yang bercakap tadi mengenai Fasal 6. Jadi di dalam Fasal 6 ini iaitu saya mohon izin untuk membaca, iaitu Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan Bahagian XIVA baru untuk memberi kuasa-kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam.

Dalam Fasal ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak menjelaskan dengan nyata, apakah yang dimaksudkan dengan darurat awam itu, Saya rasa ini juga kita perlu mendapat penjelasan dan langkah yang positif yang akan diambil oleh Kerajaan jika berlaku keadaan yang tidak diinginkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian saya menyokong dengan sepenuhnya Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.58 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Keretapi 1948 iaitu Akta Keretapi (Pindaan) 1987 yang baru sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini sebelum ianya dibentangkan di Dewan ini sudah pun ditinjau, dikaji dengan teliti bahawa ianya bertujuan tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mewujudkan suatu

pentadbiran Keretapi yang cekap. Cekap dalam erti kata untuk mengurangkan bebanan kepada Kerajaan di samping memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia, saya rasa kita patut merasa bangga di atas sejarah perkembangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Ini adalah berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman kita bahawa walaupun dari sejak wujudnya Keretapi Tanah Melayu hingga ke saat ini Kerajaan sentiasa mengalami kerugian ataupun Keretapi sentiasa mengalami kerugian. Tetapi daya usaha dan hasrat Kerajaan untuk memastikan bahawa perkhidmatan keretapi yang baik, yang cekap tetap diteruskan.

Saya sebagai salah seorang yang sentiasa menaiki keretapi melihat perkembangan ini melalui pengalaman saya. Kalau dahulunya kita lihat bahawa keretapi bertolak dengan jadual yang tidak tetap tetapi pada hari ini saya patut memberi pujian bahawa jadual-jadual itu telah dapat diperbaiki. Begitu juga dari segi koc dan tempat-tempat yang ada di dalam keretapi juga telah diperbaiki dan ini menunjukkan bahawa memang hasrat Pentadbiran Keretapi untuk memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, daripada huraian tujuan Rang Undang-undang ini dibentang jelaslah kepada kita bahawa apa yang hendak dimaklumkan kepada kita ialah supaya Pentadbiran Keretapi ini dapat diperbaiki sama ada dari segi kos pentadbirannya agar ianya mencapai keuntungan melalui perkongsian ataupun atas kepentingan negara atau atas kepentingan Pentadbiran Keretapi maka Rang Undang-undang ini dibentangkan.

Saya berpendapat bahawa kita tidak bolehlah melihat bahawa Rang Undang-undang ini sebagai untuk mengswastakan keseluruhan Pentadbiran Keretapi sekaligus kerana saya lihat dalam perenggan 4 iaitu:

"Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen 39B baru bagi memberi kuasa kepada Pentadbiran Keretapi dengan kelulusan Menteri untuk memberi kuasa kepada atau melesenkan mana-mana syarikat atau orang bagi menjalankan mana-mana aktiviti Keretapi Tanah Melayu."

Di sini jelas kepada kita bahawa mungkin terdapat aktiviti-aktiviti tertentu di dalam Pentadbiran Keretapi yang jika diswastakan boleh memberi keuntungan ataupun yang baik kepada Pentadbiran Keretapi dengan cara diswastakan. Tetapi jika ianya ditadbirkan oleh Pentadbiran Keretapi ianya akan membebankan dari segi pegawai dan kakitangan keretapi dan ini menambahkan kos pentadbiran keseluruhannya.

Jelas kepada kita sebagai satu contoh. Kita dapati bahawa di sekeliling kawasan jalan-jalan keretapi ialah reserve atau tanah-tanah keretapi yang tidak digunakan. Saya rasa Pentadbiran Keretapi ataupun pihak Kerajaan, Kementerian yang berkenaan hendaklah berunding dengan pihak Kerajaan Negeri supaya tanah-tanah ini juga boleh digunakan untuk diswastakan bagi membangunkan apa-apa projek yang boleh menguntungkan supaya dapat menambahkan pendapatan kepada Pentadbiran Keretapi dengan cara diswastakan.

Saya rasa perkara ini patut diberi keutamaan. Daripada utara hinggalah ke selatan beribu-ribu ekar tanah yang sebegini rupa terbiar begitu sahaja. Mungkin rumah-rumah kos rendah

boleh didirikan. Mungkin rumah-rumah untuk pegawai dan kakitangan keretapi boleh didirikan dan dijual kepada mereka ataupun disewakan kepada mereka untuk mendapatkan pendapatan kepada pihak Pentadbiran Keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dengan penswastan juga, kecekapan selalunya dapat dilihat. Ini adalah berdasarkan kepada pihak swasta akan sentiasa menimbangkan ataupun mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan kos.

Pada hari ini kita lihat bahawa boleh dikatakan di tiap-tiap perhentian keretapi ada kepadatan tempat-tempat untuk jual tiket keretapi. Saya ingin mencadangkan supaya di tempat-tempat yang mana penumpang-penumpang tidak begitu ramai untuk menaiki keretapi supaya ianya dijual di atas keretapi ataupun dijual di stesen yang berikutnya dan ini boleh mengurangkan kakitangan bagi mereka yang berkhidmat sebagai penjual tiket. 'Ini juga harus diberi pertimbangan demi untuk mengurangkan kos.

Di samping itu pihak Pentadbiran Keretapi hendaklah juga memikirkan supaya railway gate ataupun pintu-pintu keretapi yang mana sekarang ini di tiap-tiap pintu keretapi mesti ada dua ataupun tiga orang pekerja keretapi. Saya rasa ini juga boleh dikurangkan dengan cara kita membuat jalan di atas ataupun di bawah dengan tanpa menggunakan gate-gate keretapi lagi. Dengan keadaan demikian dari segi jangka panjangnya, mungkin dalam jangka pendek kita membebankan Kerajaan, tetapi dari segi jangka panjangnya ini akan mengurangkan kos penyelenggaraan kepada pihak Pentadbiran Keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan kepada pihak Yang Berhormat yang berkenaan dan

perkara ini telah saya bangkitkan beberapa kali. Pertamanya walaupun keretapi memberi perkhidmatan tetapi kita perlu juga bersaing dengan pengangkutan-pengangkutan yang lain dan saya rasa Ekspres Rakyat dan Ekspres Sinaran adalah satu pengangkutan yang boleh kita banggakan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengapakah Ekspres Rakyat dan Ekspres Sinaran di dalam kawasan saya iaitu di Parit Buntar tidak ada. Kerana Parit Buntar merupakan satu stesyen yang mana boleh memberi khidmat kepada penduduk-penduduk di selatan negeri Kedah, penduduk-penduduk di selatan Seberang Perai dan penduduk-penduduk di Serdang, Bagan Serai. Saya rasa kalau iaitu dijadikan satu kenyataan, maka sekurang-kurangnya dari segi penumpang akan bertambah bagi tujuan Ekspres Rakyat dan Ekspres Sinaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang ini. patutlah diberi sokongan daripada semua pihak dan ini jelas kepada kita walaupun diswastakan, walaupun aktiviti-aktivitinya diswastakan, apa sahaja yang hendak dilakukan, tetapi kuasanya masih lagi terletak kepada Perdana Menteri ataupun kepada mana-mana pegawai seperti yang diperuntukkan di dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini akan mempertingkatkan perkhidmatan Keretapi yang lebih cekap dan kita sebagai rakyat negara ini patutlah berbangga dengan pentadbiran keretapi kita. Walaupun kita perlu bersaing, membandingkan diri kita dengan keretapi Jepun, Peranchis dan negara-negara yang maju, tetapi kita jangan lupa, kita adalah sebuah negara

yang kecil. Oleh kerana yang demikian, persaingan kita dengan mereka ada batasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

6.11 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Ordinan Keretapi (Pindaan) 1987 yang dibentangkan tadi. Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun berucap dari Puchong, Kuantan, Bukit Bintang, Jelutong, Kepong, Lembah Pantai, Benut, Titiwangsa, Seremban, Tasek Chenderoh dan Parit Buntar.

Semua pandangan, keraguan dan hujjah-hujjah Ahli-ahli Yang Berhormat kepada saya amat penting sekali terutama yang dibangkitkan soal kepentingan pekerja, soal kecekapan, soal keselamatan, soal keuntungan, soal tanah, soal tanah rezab, adalah soal pokok yang sedang dan akan diberikan perhatian oleh Kementerian. Tetapi ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat membuat tuduhan melulu, seperti kononnya Kementerian tidak memberi perhatian kepada pentadbiran KTM. Ada yang mengatakan bahawa ianya dianaktirikan. Kalau begitulah pendapat setengah-setengah Ahli Yang Berhormat sudah tentu tidak ada improvement, dengan izin, dapat kita adakan kepada perkhidmatan KTM itu sendiri. Kenapalah Ahli-ahli Yang Berhormat nafikan sedangkan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga hari ini menggunakan KTM untuk berulang alik daripada tempat

Yang Berhormat ke Kuala Lumpur. Dengan niat tidak mahu membebankan rakyatlah Kerajaan menampung belanja yang besar untuk mengendalikan KTM. Pentadbiran KTM memang sentiasa mengambil berat, memberi perhatian terhadap keselamatan semasa mengendalikan perkhidmatan tren-trennya, mengambil semua langkah yang perlu untuk menentukan bahawa semua tren berjalan dengan selamat di seluruh rangkaianannya.

Soal tergelincir ada satu dua yang berlaku itu, itu adalah kuasa Tuhan. Kita berikhtiar sedaya upaya dengan berbagai usaha dapat mengurangkan soal kematian, soal kegelinciran, tetapi hal-hal ini yang saya pelik, terutamanya beberapa Ahli dari Parti Pembangkang, Parti DAP tidak mengambil kira, hanya membuat tuduhan-tuduhan melulu membangkitkan soal keinsafan, kesedaran apakala pihak Kerajaan membawa pindaan-pindaan ataupun usul-usul tertentu, baharu pula mereka insaf. Kami sudah insaf lebih dahulu sebab itulah kami bawa pindaan ini kepada Dewan ini.

Ada satu perkara yang saya hairan, bercakap berputar belit. Ada satu bercakap repeat sampai 2, 3 kali satu-satu perkataan, kononnya hendak memberi expression seolah-olah kita ini tidak faham apa yang dicakapkan. Contohnya bila Kementerian mengadakan perundingan negara-negara tertentu, ditegur, tetapi bila dia bercakap dia gunakan negara-negara tertentu tidak apa. Ini untuk kepentingan mereka. Kepada mereka ini sukalah saya katakan janganlah hendak mengajar itik berenang. Tidak payah, itik itu memang sudah pandai berenang, dia tahulah buat kerja dia.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Puchong meminta definasi public emergency, interest of public safety. Public emergency yang dimaksudkan ialah apa-apa kejadian atau malapetaka yang mungkin menjejaskan penyediaan satu perkhidmatan keretapi yang baik dan selesa kepada orang ramai.

Peruntukan pindaan ini bertujuan untuk membolehkan intervention daripada Kerajaan untuk menjamin perkhidmatan keretapi berterusan dan semua penumpang akan menggunakannya dengan selamat dan selesa.

Menyentuh berkenaan dengan kebajikan pekerja-pekerja KTM, pelaksanaan penswastaan akan mengambil kira kebajikan para pekerja keretapi sebagaimana yang pernah dilakukan semasa pelaksanaan penswastaan Telekom dan Pelabuhan Kelang. Para pegawai dan kakitangan KTM akan diserapkan ke dalam syarikat yang akan mengambil alih KTM. Kerajaan telah menetapkan sebagai satu syarat pelaksanaan penswastaan ialah menyerapkan pekerja-pekerja KTM sebagai pekerja-pekerja syarikat yang akan mengambil alih KTM. Syarat ini adalah sama dengan penswastaan Telekom dan Terminal Kontena Pelabuhan Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan pinjaman dan liabiliti KTM, perkara liabiliti ini akan dirundingkan antara Kerajaan dengan syarikat yang akan mengambil alih KTM ini. Kemungkinan untuk mencapai pungutan \$500 juta tidak ada, tetapi seperti yang telah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Pengangkutan akan melantik sebuah bank saudagar untuk menjalankan kajian yang teliti mengenai cara yang sebaik-baiknya supaya KTM boleh diswastakan dan boleh memberi keuntungan di masa hadapan. Pengalaman penswastaan

keretapi di negara lain akan dijadikan perbandingan dalam menswastakan KTM.

Menyentuh berkenaan jaminan tambang tidak akan dinaikkan, pindaan Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan di mana Menteri Pengangkutan diberi kuasa untuk melulus atau menolak apa-apa permohonan untuk menaikkan kadar tambang. Kita sedar bahawa kita tidak mahu membebankan rakyat. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan Kementerian ini keutamaan kita berikan supaya tidak membebankan rakyat, apatah lagi dalam soal tambang ini.

Mengapa peruntukan kewangan bagi pembangunan KTM adalah kecil—dalam soal ini kerana kos pembinaan infrastruktur dan pengurusan adalah tinggi dan sumber kewangan Kerajaan perlu diagihkan kepada perbelanjaan pembangunan lain seperti pertanian, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Apabila KTM diswastakan, peranan Lembaga Keretapi dan Pengurus Besar Keretapi akan lebih berkesan lagi bagi kepentingan perniagaan keretapi secara keseluruhannya, asal sahaja kedua-dua pihak bertindak di bawah peruntukan-peruntukan perdagangan yang berkenaan.

Soal pemilihan syarikat yang mengambil alih KTM ini, kriteria kriteria pemilihan syarikat akan ditentukan selepas bank saudagar yang dilantik membuat kajian terperinci dan siap menyediakan laporan dan mengemukakan syor-syornya itu kepada Kementerian.

Menyentuh berkenaan dengan perlindungan insurans, sungguhpun Ordinan Keretapi, 1948 tidak menghendaki KTM menyediakan perlindungan insurans kepada para penumpang, Kerajaan mengkaji cara-cara perlindungan insurans yang dapat

disediakan kepada para penumpang di masa hadapan.

Soal nama Keretapi Tanah Melayu (KTM) dikatakan "out-of-date", ini adalah termaktub dalam Ordinan Keretapi, 1948. Ianya akan dipinda kepada nama yang lebih baik apabila Ordinan Keretapi, 1948 ini dipinda kepada satu Akta yang baru. Buat masa ini Kerajaan telah pun mula mencari jalan untuk hendak mengubahsuaikan nama tersebut.

Menyentuh Fasal 6, peruntukan ini juga memberi kuasa kepada orang lain untuk melaksanakan kuasa ini. Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri ini bukan the sole person untuk menjalankan kuasa tersebut tetapi orang lain yang dilantik boleh melaksanakannya. Ini bermakna Perdana Menteri itu bukan seorang dictator, dia tidak merupakan Perdana Menteri "Kuku Besi". Soal ini tidak timbul sama sekali. Kalau hendak melepaskan geram, di tempat lainlah, jangan dikaitkan perkara itu dengan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan jaminan syarikat swasta tidak membebankan lebih 6 juta penumpang KTM, Kerajaan ada kuasa untuk terus menguasai syarikat-syarikat swasta supaya tidak bertindak secara sewenang-wenangnya. Ini adalah di dalam peruntukan, tidak perlulah—dia seorang lawyer, saya pun tidak kuasa hendak bercakap di dalam soal ini.

Dasar Pengangkutan Negara—kalau Yang Berhormat mengikuti perkembangan Kementerian ini, tindakan yang diambil oleh Kerajaan, perkara ini tidak payah dibangkitkan. Tidak benarlah jika dikatakan Kerajaan tidak ada Dasar Pengangkutan. Perkara ini ada termaktub dalam perancangan Pelan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan. Buat masa ini Kerajaan dan

Kementerian Pengangkutan sedang membuat satu kajian pengangkutan kebangsaan bagi mengemaskinikan lagi Dasar-dasar Pengangkutan yang ada.

Menyentuh berkenaan dengan 30 buah stesen yang digunakan sepenuhnya yang membawa keuntungan dan yang lain itu katanya tidak membawa apa-apa hasil, jumlah 130 buah stesen, sama ada besar atau kecil yang ada sekarang, ialah jumlah yang optimum bagi operasi penumpang dan dagangan di semua rangkaian KTM. Masalah penutupan sebahagian stesen tidak timbul kerana setesen-stesen tersebut akan terus digunakan, diperlukan walaupun KTM diswastakan kelak.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sebentar. Dia minta penjelasan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya tidak mahu beri jalan. Masa yang cukup sudah diberi kepada mereka semua. Jadi keputusan menswastakan KTM telah dibuat selepas Kerajaan mengambil kira beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan yang semakin berat dan perlu diatasi dengan cara menswastakan KTM ini. Soal bila, itu soal kemudian. Kita membuat peruntukan pada hari ini supaya apakala sampai masanya akan kita laksanakan tetapi kalau kita tidak sedia, tiba-tiba hujan turun, baru hendak cari payung, tentulah susah jawabnya, takkanlah ini pun tidak erti!

Di masa ini KTM sendiri berusaha dengan sedaya upaya meningkatkan lagi mutu perkhidmatan. KTM telah melakukan penjualan tiket-tiket dengan bantuan komputer di Stesen Kuala Lumpur dan akan diperluaskan ke bandar-bandar seperti Ipoh, Seremban, Butterworth dan Johor Bahru tidak lama lagi, bahkan KTM

telah memulakan skim pemasaran yang lebih agresif lagi bagi mengurangkan jumlah kerugian yang ditanggung oleh KTM sekarang.

Soal rumah-rumah kediaman yang disebut tadi, memang ada peruntukan untuk memperbaiki rumah-rumah kakitangan KTM ini. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembaikan adalah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan setakat kemampuan kewangan yang ada.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jika saya tidak terjawab semua soalan itu adalah di dalam catatan saya. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12, oleh kerana masih ada beberapa saat, saya minta seorang Menteri

membawa satu usul memanjangkan persidangan hari ini
(Disampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Setiausaha: Ucapan Penangguhan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yaacob.

(Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang lain?

Setiausaha: Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

MASALAH LUAR BANDAR DAN SISTEM PEMBANGUNANNYA

6.31 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan luar bandar boleh dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:

- (i) kampung-kampung tradisional;
- (ii) kampung-kampung baru di luar pengelolaan kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran; dan

- (iii) kawasan-kawasan perladangan yang meliputi ladang-ladang di bawah Rancangan Skim FELDA, FELCRA dan ladang-ladang yang dipunyai oleh pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap kawasan tidak berbeza antara satu sama lain dan keseluruhannya boleh dikatakan seperti berikut:

- (i) ketidakadaan bekalan api;
- (ii) ketidakadaan bekalan air yang bersih;
- (iii) tidak mempunyai perhubungan baik dengan dunia luar kerana tidak ada jalan tar, telefon dan lain-lain kemudahan awam;
- (iv) tidak terdapat sekolah-sekolah dan institusi-institusi vokasional untuk melatih murid-murid di luar bandar sebagai golongan profesional atau kemahiran yang lengkap; dan
- (v) penduduk di kawasan tersebut juga menghadapi masalah kekurangan tanah dan rumah-rumah dan kebanyakan mereka tidak dapat apa-apa skim bagi menetap mereka dalam rancangan-rancangan pertanian tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan masa yang begitu terhad, saya tidak ingin menerangkan secara mendalam berkaitan dengan masalah tersebut dan hanya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini satu sistem yang boleh digunakan oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dalam satu jangka masa yang tertentu.

Kita sedar bahawa pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi tujuan pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dan hasratnya untuk mempercepatkan proses pembangunan tidak boleh

diperkecilkan. Tetapi persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan tiga aspek pembangunan luar bandar seperti berikut:

- (1) Peruntukan bagi membangunkan semua kawasan tidak boleh ditentukan oleh Kerajaan dan apa yang berlaku ialah hanya sebahagian kecil kawasan luar bandar sedang menerima faedah daripada pembangunannya.
- (2) Jumlah peruntukan yang diberi adalah terhad dan tidak mencukupi menyebabkan rancangan pembangunan sepanjang tahun tidak dapat dilakukan. Kekurangan peruntukan ini juga telah menyebabkan berlaku pelbagai masalah dalam pelaksanaan sesuatu projek.
- (3) Dalam projek pembangunan kawasan luar bandar, beberapa agensi Kerajaan turut terlibat, misalnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kerajaan-kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Negeri, MARA dan lain-lain agensi Kerajaan. Penglibatan beberapa agensi-agensi Kerajaan telah membawa kelewatan dalam pelaksanaan ataupun sebahagian daripada projek pula tergendala separuh jalan kerana agensi-agensi Kerajaan tersebut hanya menunggu agensi lain akan mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin dapat tahu adakah pihak Kerajaan mempunyai satu strategi tertentu dengan perancangan jangkamasa panjang untuk membangunkan semua kawasan luar bandar di seluruh negeri kita ataupun

Kerajaan sedang menunggu kekuatan ekonomi negara kita untuk memperuntukkan satu peruntukan yang sesuai bagi membangun semua kawasan tersebut. Saya rasa sudah sampailah masanya untuk pihak Kerajaan merancang satu strategi jangka masa panjang ataupun "Master Plan" bagi membangunkan semua kawasan luar bandar di Malaysia, serta bagaimanakah Kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang begitu banyak bagi melaksanakan kesemua projek dalam jangka masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai juga masanya untuk Kerajaan tidak lagi menggunakan alasan-alasan berkaitan dengan ketidakadaan peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Rakyat luar bandar yang menjadi tulang belakang parti Barisan Nasional menuntut pembangunan kepada kawasan mereka.

Untuk mewujudkan keyakinan di kalangan rakyat luar bandar saya berpendapat Kerajaan harus mengkaji dengan seriusnya cadangan saya bagi membangunkan kawasan-kawasan luar bandar oleh kerana dengan cara tertentu ini, pembangunan kawasan-kawasan tersebut tidak akan tergendala dengan keadaan ekonomi negara kita.

Cadangan saya ialah untuk menswastakan semua aspek berkaitan dengan pembangunan kawasan luar bandar kepada satu syarikat di bawah pengelolaan "PETRONAS" yang saya rasa boleh mengendalikannya projek pembangunan luar bandar dengan lebih rapi dan cekap dalam satu jangka masa 17 tahun, oleh kerana tempoh 17 tahun ialah masa yang sepanjang mana hasil daripada bumi kita iaitu melalui petroleum akan melanjutkan.

Di sini juga saya ingin kemukakan beberapa faktor mengapa projek pembangunan kawasan luar bandar

harus diuruskan oleh PETRONAS dan bukan lain-lain Kementerian ataupun agensi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, PETRONAS ialah satu perbadanan yang harus bertanggungjawab menjaga nasib orang-orang miskin di negara kita. Sebagai satu perbadanan yang memperolehi keuntungan daripada bumi yang kita cintai, sebahagian keuntungan tersebut haruslah diberi balik kepada rakyat yang kurang bernasib di atas buminya.

Yang kedua ialah PETRONAS mempunyai stok telaga minyak hanya bagi tempoh waktu 17 tahun yang akan datang dan selepas itu Kerajaan tidak akan mendapat sebarang hasil daripada PETRONAS. Dengan hasil yang begitu besar yang diperolehi oleh Kerajaan melalui PETRONAS pada masa kini, jika kita tidak dapat membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, apa yang terjadi apabila sumbernya akan kehabisan dalam masa 17 tahun akan datang? Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya pihak Kerajaan sediakan satu sistem dan tanggungjawab kepada PETRONAS untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan luar bandar.

Sebab yang ketiga ialah jika PETRONAS bertanggungjawab dalam membangunkan kawasan luar bandar, bentuk ini boleh menjadi satu asas untuk membangunkan ekonomi kaum bumiputera dan lain-lain kaum yang kurang bernasib di negara kita secara adil dan saksama tanpa wujud sebarang tentangan daripada kaum-kaum lain. Sepertimana kita semua sedia maklum, suatu halangan besar untuk mewujudkan persefahaman dan persaudaraan di kalangan penduduk yang berbilang kaum di negara kita ialah dasar yang berbeza yang diamalkan oleh Kerajaan.

Di sini juga saya ingin ucapkan perkara ini akan memainkan peranan yang lebih penting pada masa ke

semasa sebelum 1990, bukan sahaja dalam kalangan parti-parti politik tetapi juga dalam lain-lain badan masyarakatan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menggunakan PETRONAS sebagai satu agensi bagi membangunkan kawasan luar bandar serta menjadi badan yang tertentu ditugaskan untuk menjaga nasib kaum bumiputera dan juga lain-lain kaum yang tertinggal di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan S. S. Subramaniam: Sekian, terima kasih.

6.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa masih ada lagi penduduk luar bandar yang belum mendapat bekalan elektrik, air, jalan raya, sekolah dan sebagainya. Ini ialah kerana Kerajaan tidak dapat memberikan peruntukan sepenuhnya untuk semua maksud di atas. Walaupun demikian, dalam tempoh kira-kira 30 tahun yang lepas, Kerajaan telah memberikan perhatian yang berat kepada usaha-usaha di atas menerusi berbagai rancangan dan dasar seperti Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Usaha-usaha ini akan diberi keutamaan pada masa akan datang. Sebagai contoh dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah memperuntukkan

sebanyak \$1,670 juta untuk rancangan khas pembekalan air luar bandar.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan satu perancangan bagi 17 tahun untuk menyelesaikan semua masalah terhadap kawasan-kawasan luar bandar dan menyediakan peruntukan tertentu untuk melancarkan semua rancangan di bawah skim ini, ia adalah tidak perlu oleh kerana Dasar Ekonomi Baru yang sedia ada telah mengambil kira keperluan ini. Seperti Yang Berhormat maklum, program-program membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru termasuk bekalan elektrik, air, jalan, sekolah dan lain-lain kemudahan asas luar bandar. Program ini akan terus diberi keutamaan dan peruntukan akan diberikan setakat yang Kerajaan mampu bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya PETRONAS mengambil tanggungjawab kepada skim yang dicadangkan itu, ini adalah tidak wajar oleh kerana ia adalah terkeluar daripada bidang tugas PETRONAS. Dalam hal ini adalah memadai bagi PETRONAS mendapatkan beberapa banyak keuntungan yang boleh dari kegiatan-kegiatannya sekarang dan dengan demikian memperolehi hasil untuk Kerajaan. Dari hasil yang diperolehi itu pihak Kerajaan pula akan menggunakan budibicaranya untuk membelanjakan wang tersebut dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan,
dan disetujui.

tangguhkan sehingga pukul 3.00
petang esok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Mesyuarat di-

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.42 petang.*